



## PANDUAN UNTUK REMAJA

# PANDUAN UNTUK REMAJA

Daripada Koleksi Risale-i Nur



***Bediuzzaman Said Nursi***



Penterjemah:  
***Ustaz Anwar Fakhri Omar***



# Kandungan

Kalimah Pertama.....	9
Kalimah Ketiga Belas – Maqam Kedua.....	15
Pada Suatu Hari Saya Duduk Di Hadapan Sebuah Tingkap Di Penjara Eskisehir.....	22
Satu Perkara Penting Yang Tiba-Tiba Terlintas.....	30
Ini Adalah Satu Pengajaran, Peringatan Dan Perhatian Bagi Beberapa Pemuda Yang Kebuntuan Jalan .....	35
Permasalahan Utama.....	44
Beberapa Surat Kepada Para Banduan.....	50
Satu Perkara Penting Yang Terlintas Pada Malam Lailatul Qadar	69
Iman Adalah Hiburan.....	74
Kebangkitan Hati .....	82
Perkara Keenam Daripada Risalah ‘ <i>Al-Thamarah</i> ’ .....	93
Petikan Pertama Daripada Penghujung ‘ <i>Risalah Al-Hasyr</i> ’:.....	104
Mukadimah .....	109
Noktah Tauhid Pada Lafaz ‘Dia’ (هـ) .....	134
Pengaduan Adalah Bala .....	143
Satu Buah Daripada Pokok Mulberi Hitam.....	146
Siapakah Manusia Yang Paling Bahagia?.....	150
Sebaik-Baik Pemuda Di Kalangan Anda .....	152
Kepada Pemuda Yang Sakit - Penawar Kelima .....	155
Satu Permasalahan Berkaitan Dengan Jiwa .....	158
Orang Yang Berjaga Tetapi Tidur.....	161

Sedarlah Sebelum Anda Tenggelam!.....	163
Penyakit Lupa .....	165
Taqwa Dan Amal Soleh .....	167
Satu Lembaran Kehidupan.....	173
Rahsia Kecelakaan Orang Yang Sesat Dan Kebahagiaan Orang Yang Beriman .....	175
Satu Persoalan Penting.....	195
Maqam Kedua Daripada <i>Al-Lama'ah</i> Keempat Belas .....	233

# Kalimah Pertama<sup>1</sup>



*Dengan Nama Allah yang  
Maha Mengasihani lagi Maha Penyayang*

*Lafaz Bismillah* adalah permulaan bagi segala kebaikan. Permulaan kita juga adalah dengan *Bismillah*.<sup>2</sup> Maka ketahuilah wahai diriku! Dengan kalimah yang berkat ini, di samping menjadi syiar Islam, ia juga merupakan zikir seluruh makhluk yang ada mengikut *lisan al-hal* (bahasanya sendiri). Seandainya engkau ingin mengetahui sejauh mana kandungan ucapan *Bismillah*, yang ada padanya kekuatan agung yang tidak pernah luput, dan yang tidak pernah berakhir luas keberkatannya, maka dengarlah wahai diri akan hikayat perumpamaan yang ringkas ini:

Sesungguhnya, seorang yang berkelana di padang pasir arab badwi, tentu akan memohon perlindungan daripada ketua kabilah agar terselamat daripada kejahatan musuh, juga agar terlaksana segala tugas dan keperluannya. Sekiranya dia tidak berbuat demikian, pasti dia akan keseorangan, terpinga-pinga dan tercengang-cengang di hadapan musuh

---

<sup>1</sup> Dipetik daripada buku, *al-Kalimat* (Kalimah-Kalimah).

<sup>2</sup> Ustaz Bediuzzaman Said Nursi akan merungkaikan makna lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’ dalam Kalimah ini.

yang terlalu ramai dengan keperluan mereka yang lengkap.

Alkisah, terdapat dua orang yang keluar berkelana, salah seorang daripada mereka bersifat *tawadhu'* (rendah diri) dan manakala yang seorang lagi bersifat *maghrur* (terpedaya dengan diri sendiri). Sang kelana yang *tawadhu'* itu bernaung di bawah perlindungan seorang ketua, manakala yang bersifat *maghrur* – terpedaya – menolak dari menerima sebarang perlindungan. Maka berkelanalah kedua-duanya itu di padang pasir.

Sang kelana yang *tawadhu'* – yang telah memohon perlindungan itu tadi – sentiasa menerima penghormatan dan penghargaan setiap kali dia mendiami sebuah khemah. Ini adalah disebabkan kemuliaan nama ketua tersebut. Maka, setiap kali apabila terjumpa perompak, dia akan berkata; “*Sesungguhnya aku berkelana di bawah naungan ketua itu*”, lalu si perompak tadi akan melepaskannya.

Manakala sang kelana yang *maghrur* itu pula, dia sentiasa bertembung dengan pelbagai musibah dan kecelakaan yang amat dasyat. Di sepanjang perjalanan, dia sentiasa berada dalam keadaan cemas, takut dan terpinga-pinga. Akhirnya, dia mengutuk dan mengeji dirinya sendiri.

Wahai diri yang tertipu, ketahuilah, engkau seolah-olah si badwi yang berkelana itu dan dunia yang luas inilah padang pasirnya. Sesungguhnya kefakiran dan kedaifanmu tidak pernah terbatas sebagaimana musuh dan kehendakmu juga yang tidak berkesudahan. Oleh yang demikian, maka bernaunglah dengan nama *al-Malik al-Abadi*, Pemilik yang Abadi sebenar padang pasir tersebut, agar engkau terselamat daripada keadaan terpinga-pinga di alam ini dan daripada kejinya perasaan takut bila berhadapan dengan musibah.

Ya! Sesungguhnya kalimah suci *Bismillah* adalah khazanah yang amat besar kerana dengan kalimah inilah kedaifanmu itu akan bergantung kepada rahmat yang maha luas dan dengannya juga, kefakiranmu akan bergantung kepada kuasa yang amat hebat yang mentadbir kewujudan ini bermula daripada atom sehingga alah kepada cakerawala. Sehingga akhirnya, kedaifan dan kefakiranmu itu akan menjadi syafaat di sisi yang *al-Qadir al-Rahim*, Maha Berkuasa lagi Maha Penyayang bagi segala kemuliaan.

Sesungguhnya orang yang melakukan sesuatu dengan *kalimah Bismillah* adalah seumpama orang yang terlibat dalam ketenteraan. Ia berurusan atas nama negara dan tidak gentar kepada sesiapapun. Ia berucap atas nama undang-undang dan negara, maka terlaksanalah segala urusannya dan tetaplah pendiriannya dalam menghadapi semua perkara.

Kita telah menyebut pada permulaan tadi bahawa semua makhluk ini berzikir dengan bahasanya yang tersendiri iaitu dengan menyebut *kalimah Bismillah* ... Adakah ini benar?

Ya! Sebagaimana engkau melihat seorang lelaki yang mengepalai orang ramai dalam satu perbarisan dan memerintahkan mereka supaya melakukan pelbagai jenis urusan, maka sesungguhnya engkau pasti bahawa lelaki ini bukan mewakili dirinya sendiri dan tidak pula mengepalai orang ramai atas nama dan kekuatan dirinya sendiri, tetapi dia sebenarnya adalah seorang askar yang bertindak atas nama negara dan berdasarkan kuasa pemerintah.

Oleh itu, seluruh makhluk ini juga menunaikan tanggungjawabnya dengan *lafaz Bismillah*, maka benih-benih yang teramat kecil itu, dengan *lafaz Bismillah*, ia

**menjunjung di atas kepalanya pohonan yang besar dan bebanan yang berat.** Setiap pohonan ini pula berkata *Bismillah*, lalu penuhlah dedahannya dengan buah-buahan daripada gedung rahmat Allah ﷺ, lalu dipersembahkannya rahmat tersebut kepada kita. Setiap taman berkata *Bismillah*, lalu ia seolah-olah menjadi sebuah dapur kepada kekuasaan Allah s.w.t. yang tersedia di dalamnya makanan yang lazat, dan setiap haiwan yang diberkati seperti unta, kambing dan lembu pula berkata *Bismillah*, lalu ia menjadi seolah-olah sebuah sumur yang memancarkan susu-susu yang teramat lazat, lalu dipersembahkannya kepada kita sebaik-baik dan sebersih-bersih bahan makanan di atas nama *al-Razzaq*. Dan akar-akar tumbuhan serta rumput-rampai mengucapkan *Bismillah*, lalu memecahkan bebatu yang keras dengan *Bismillah* dan menembuskannya dengan akar-akar yang menjalar lembut bagi sutera itu, lalu menundukkan setiap kesusahan dan setiap benda yang keras di hadapannya dengan nama Allah ﷺ dan nama *al-Rahman*.

Ya! Sesungguhnya dedahan pohon yang merimbun, menggendong buah-buahan dan menjalarkan akar-akarnya ke batu yang keras dan ia menyimpan bahan makanan dalam kegelapan tanah ... begitu juga dedaunan hijau yang menanggung kepanasan serta bahangnya itu, lalu dapat terus kekal dalam keadaan segar. Semua itu dan selainnya merupakan satu tamparan hebat terhadap mulut golongan *tabi'uyyun* (iaitu orang yang percaya hanya kepada asbab tetapi tidak menyandarkan kepada Penciptanya) dan ia juga seolah-olah suatu herdikan ke atas muka mereka. Oleh itu, perkara-perkara yang kamu banggakan disebabkan kekerasan dan kepanasannya juga tidak mampu memberi kesan dengan sendiri, bahkan kedua-duanya itu dapat menjalankan tugasnya

atas arahan pemerintah yang satu, yang menjadikan akar-akar yang lembut dan halus ini seolah-olah tongkat Nabi Musa a.s. yang dapat memecahkan batu dan tunduk kepada perintah:

فَقُلْنَا أَضْرِبْ بِعَصَابَكَ الْحَجَرَ

*“Lalu Kami berfirman: “Pukullah batu itu dengan tongkat mu.”*

(al-Baqarah: 60)

Dan yang menjadikan dedaunan yang lembut dan segar seolah-olah anggota badan Nabi Ibrahim a.s. yang ketika menghadapi kepanasan membaca:

يَا نَارُ كُوْنِيْرْ دَأْوَسَلَامَاً

*“... wahai api jadikanlah diri kamu sejuk dan selamat ke atas Ibrahim.”*

(al-Anbiya': 69)

Selagi setiap kewujudan di alam ini mengungkapkan dengan makna *Bismillah* dan mengundang nikmat-nikmat Allah ﷺ dengan *Bismillah*, lalu dipersembahkannya kepada kita dan kita juga menyebut ucapan *Bismillah*. Maka, hendaklah kita memberi dan mengambil sesuatu dengan *Bismillah* juga. Oleh itu, hendaklah kita tidak mengambil sesuatu daripada orang-orang lalai yang tidak memberi sesuatu demi Allah ﷺ.

Persoalan: Kita memberi bayaran kepada orang-orang yang memberikan ‘nikmat’ kepada kita. Maka, apakah bayaran yang Allah ﷺ mahukan, sedangkan Dia Pemilik yang Hakiki bagi segala nikmat ini?

Jawapan: Sungguhnya *al-Malik al-Hakiki*, Pemberi Nikmat

yang *Hakiki* meminta kita tiga perkara sebagai bayaran kepada nikmat-nikmatNya yang tidak ternilai itu iaitu *zikir, syukur dan fikir*.

Maka *Bismillah* pada permulaan adalah *zikir*, *Alhamdulillah* sebagai penyudah adalah *syukur* dan keadaan di antara keduanya – *zikir dan syukur* – adalah *fikir* iaitu dengan memerhatikan nikmat-nikmat yang indah tersebut serta menyedari bahawa ia merupakan mukjizat bagi kekuasaan *al-Ahad al-Samed*, Dia Yang Maha Esa lagi Tempat Bergantung bagi segala makhluk, yang menjadi tempat berserah dan juga menyedari itu semua adalah hadiah bagi sifat rahmatNya yang Maha luas, maka pemerhatian inilah yang dipanggil *fikir*.

Tetapi ... tidakkah mereka yang sanggup mencium kaki seorang miskin yang menyampaikan hadiah daripada seorang raja, telah melakukan kemaksiatan (kemungkaran) yang amat dahsyat dan kedunguan yang amat keji. Oleh itu, bagaimana pula dengan mereka yang memuji ‘sebab’ yang berbentuk kebendaan yang membawa kepada nikmat, lalu menyerahkan kepada ‘sebab’ tersebut kasih sayang dan ketundukan tanpa mengkhususkan kedua-duanya kepada pemberi nikmat yang sebenar. Tidakkah mereka ini telah melakukan kebodohan seribu kali lebih teruk daripada contoh tadi?.

*Wahai nafsu! Andainya engkau tidak muhun menjadi bodoh seperti itu, maka berikanlah dengan Bismillah! ... ambillah dengan Bismillah! ... mulakanlah dengan Bismillah! ... dan bekerjalah dengan Bismillah! ... Wassalam.*



## Kalimah Ketiga Belas – Maqam Kedua<sup>3</sup>

[Perbualan bersama beberapa orang pemuda yang diselubungi dengan fitnah godaan nafsu tetapi masih belum hilang kesedaran mereka.]

Sebahagian pemuda yang sedang berhadapan dengan serangan-serangan godaan nafsu yang menggiurkan, tarikan hawa nafsu yang mempesonakan dan penipuan hiburan yang menyeronokkan pada zaman ini, mereka telah bertanya “**Bagaimanakah kami boleh menyelamatkan kehidupan akhirat kami?**” lalu mereka memohon bantuan daripada Risale-i Nur. Maka saya menjawab dengan nama keperibadian maknawi Risale-i Nur dengan berkata:

*Kubur berada di hadapan semua orang! Tiada siapa boleh mengingkarinya. Setiap orang pasti akan memasukinya sama ada dengan kemahuan atauupun tidak.*

Hanya terdapat “*Tiga jalan*” untuk memasukinya:

- ❖ *Jalan pertama:* Bagi ahli iman, kubur adalah pintu kepada suatu alam yang lebih indah daripada dunia ini.
- ❖ *Jalan kedua:* Bagi orang-orang yang mempercayai akhirat, tetapi hidup dalam maksiat dan kesesatan,

---

<sup>3</sup> Dipetik daripada buku, *al-Kalimat* (Kalimah-kalimah).

kubur itu adalah satu penjara abadi dan juga satu pintu penjara keseorangan yang memisahkan mereka daripada semua sahabat mereka. Oleh sebab mereka tidak melakukan amalan sebagaimana yang mereka faham, itiqad dan percaya kepada hari akhirat nescaya mereka akan dibalas sesuai dengan perbuatan mereka.

- ❖ *Jalan ketiga:* Bagi golongan sesat dan ingkar yang tidak percaya kepada akhirat, kubur itu adalah sebuah pintu yang tiada abadi. Yakni ia merupakan satu tali gantung yang akan menamatkan diri mereka dan juga semua orang yang mereka kasih. Sebagai hukumannya, maka mereka akan merasakan balasan sesuai dengan itiqad mereka .

Kedua-dua penghujung jalan ini adalah *badahah* (jelas), tidak memerlukan dalil dan ianya boleh dilihat dengan mata.

*Oleh sebab ajal adalah tersembunyi pada setiap waktu, maka kematian mungkin akan datang untuk memotong kepala tanpa ada perbezaan remaja atau tua.* Sudah tentu pada saat berhadapan dengan masalah yang besar dan dasyat ini, yang secara langsung berada di hadapannya, manusia yang buntu akan berusaha mencari cara yang boleh menyelamatkan dirinya daripada penjara keseorangan yang tidak terbatas, tanpa kesudahan dan yang tidak abadi itu. Dia juga berusaha menukarkan masalah tersebut kepada sebuah pintu alam baqa, satu kebahagiaan berkekalan dan satu alam yang bercahaya. Bagi mereka, masalah ini adalah satu permasalahan yang besar seumpama besarnya dunia.

Kejelasan hakikat ini – iaitu hakikat kematian dan alam kubur melalui tiga jalan yang telah dinyatakan di atas – telah

dikhabarkan oleh 124 ribu orang-orang yang benar percakapannya dan yang memikul panji-panji kebenaran yang merupakan mukjizat yang jelas dan nyata, iaitu para nabi yang mulia. Hakikat ini juga telah dikhabarkan oleh 124 juta pada wali yang soleh dan sekaligus membenarkan apa yang dikhabarkan oleh para Nabi yang mulia. Mereka turut menyaksikan kebenaran hakikat tersebut melalui *kasyaf*, *zauq* dan *syuhud* ... Kemudian hakikat ini turut dikhabarkan oleh sebilangan ulama yang *muhaqqiqin* (*ulama yang mengkaji hakikat dalam suatu perkara*). Mereka juga turut membuktikan kebenaran tentang apa yang dikhabarkan oleh para Nabi dan para wali itu dengan dalil-dalil aqli yang mencapai tahap *ilmu al-yaqin*,<sup>4</sup> sehingga mencapai tahap keyakinan 99%.

Semua mereka memperakui bahawa *untuk menyelamatkan diri daripada hukuman ketiadaan abadi dan daripada diletakkan dalam tahanan bersendirian serta menukar kematian kepada kebahagiaan abadi itu, hanyalah boleh berlaku dengan beriman kepada Allah ﷺ dan mentaatiNya sahaja.*

Ya! Jika sesiapa melalui satu jalan tanpa menghiraukan amaran yang diberikan oleh orang lain tentang bahaya yang wujud pada jalan tersebut, meskipun risikonya hanya satu peratus sahaja, sudah pasti keimbangan dan kegelisahan yang dialaminya kerana menggambarkan bahaya yang bakal menimpa itu sudah cukup untuk membantutkan selera makannya. Maka bagaimana pula keadaannya terhadap

---

<sup>4</sup> Antara dalil-dalil tersebut, salah satunya terdapat di dalam Risale-i Nur. - Bediuzzaman Said Nursi

perkhabaran yang dibawa oleh ratusan ribu orang yang benar percakapannya seratus peratus! Mereka semua bersepakat mengatakan bahawa *kesesatan dan keingkaran akan menolak manusia menuju ke arah tali gantung dan penjara kubur yang terasing dan berkekalan*, sebagaimana ia jelas terdapat di hadapan kita semua. Mereka juga mengatakan bahawa *iman dan ibadat dengan keyakinan seratus peratus sudah cukup untuk menghilangkan tali gantung dan mengunci pintu penjara perkuburan*. Ia juga boleh mengubah kubur menjadi satu pintu yang terbuka mengadap ke arah istana-istana yang dihiasi dengan kebahagiaan yang berkekalan serta dipenuhi khazanah yang tidak pernah berkurangan. Perlu dinyatakan di sini, di samping membawa perkhabaran tersebut, mereka juga telah menunjukkan tanda-tanda dan kesan-kesannya.

Sekarang saya ingin bertanya kepada kamu:

*Apakah pendirian muslim terhadap masalah yang besar ini? Adakah seluruh kekuasaan, kelazatan dan kenikmatan yang ada di dunia ini mampu menghilangkan keceluaran dan kebimbangan manusia yang sedang menunggugilirannya untuk masuk ke alam kubur, sedangkan dia tidak mempunyai iman yang hakiki dan amal ibadat?*

Di samping itu, proses penuaan, penyakit dan bala bencana serta kematian yang berlaku di sana sini, semua sebenarnya melahirkan rasa dukacita di dalam hati setiap manusia dan memberikan amaran kepadanya tentang kesudahan yang pasti akan dihadapinya. Sudah pasti di dalam hati orang-orang yang sesat, yang penuh dengan maksiat dan bersifat kegilaan itu sedang bergelajak api maknawi yang mengazabkan mereka, walaupun mereka sedang menikmati kesukaan dan kelazatan dunia. Kealpaan mereka ini yang menghalang mereka daripada merasai azab yang pedih itu.

Manakala golongan beriman dan taat melihat kubur yang terdapat di hadapan mereka sebagai satu pintu yang menuju kepada taman-taman bahagia dan kenikmatan yang berkekalan. Kekuasaan Ilahi mengurniakan kepada mereka satu pasport (laluan) yang membolehkan mereka memperoleh suatu khazanah yang abadi lantaran penyaksian keimanan yang mereka lakukan. Oleh sebab itu, setiap orang daripada mereka akan merasai kelazatan mendalam yang sebenar, serta kesegaran roh yang membugar ketika menunggu seruan yang memanggilnya: “Mari ... Ambillah kad anda ini!” Kesegaran roh tersebut jika boleh bertukar dalam bentuk yang berjisim nescaya ia akan menjadi seumpama taman maknawi yang khusus buat si mukmin tersebut, sebagaimana suatu biji benih boleh tumbuh menjadi sepohon pokok yang mempunyai daunan yang menghijau.

Jika inilah hakikatnya, maka sesiapa yang meninggalkan kenikmatan rohani yang kudus itu hanya kerana ingin mengecap suatu kelazatan sementara yang tidak dibenarkan, bahkan dipenuhi dengan pelbagai keperitan seperti memakan madu yang beracun,<sup>5</sup> hasil dorongan kemudaan dan kemungkarannya, maka sudah pasti dia akan tenggelam di dalam lembah yang lebih hina daripada lembah haiwan ... Bahkan kedudukannya juga tidak sama dengan kedudukan golongan mulhid, kerana mungkin orang yang mengingkari Rasul kita (Nabi Muhammad ﷺ), mungkin beriman dengan rasul-rasul yang lain. Jika dia tidak beriman dengan kesemua rasul, mungkin dia mengetahui kewujudan Allah ﷺ.

---

<sup>5</sup> Terdapat sejenis madu yang mengandungi racun di dalamnya. Ustaz Bediuzzaman Said Nursi mengumpamakan maksiat seperti madu yang beracun.

Jika dia tidak mengenali Allah ﷺ, mungkin dia mempunyai sifat-sifat terpuji yang akan mempamerkan sifat-sifat kesempurnaan Allah ﷺ. Seseorang muslim itu tidak mungkin mengenali para rasul yang mulia, tidak mungkin beriman dengan Tuhan mereka dan tidak mungkin mengetahui sifat-sifat kesempurnaan manusia melainkan melalui perantaraan Nabi Muhammad ﷺ.

*Oleh kerana itu, sesiapa yang tidak beradab dengan pengajarannya yang berkat, bahkan melepaskan diri daripada perintahnya, maka dia bukan sahaja tidak mengiktiraf para nabi yang lain, bahkan dia mengingkari Allah ﷺ itu sendiri. Dia juga tidak mampu untuk memelihara asas-asas kesempurnaan manusia di dalam rohnya. ini adalah kerana asas-asas agama dan tarbiah yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ adalah amat dalam dan tegap serta sempurna sehingga sesiapa yang meninggalkan dan mengabaikannya tidak mungkin dapat mendapat cahaya dan kesempurnaan. Maka dia akan dihukum dan dihumbar ke dalam lembah kehinaan dan kerendahan mutlak. Ketahuilah sesungguhnya baginda ﷺ adalah penyudah kepada seluruh para Nabi, penghulu segala mursalin (utusan) dan pemimpin manusia seluruhnya dalam segala hakikat kebenaran. Bahkan baginda ﷺ juga adalah paksi kebanggaan dan kemuliaan, sebagaimana yang telah indah dibuktikan sepanjang 14 kurun.*

*Wahai mereka yang terfitnah oleh keindahan kehidupan dan kenikmatan di dunia! Wahai mereka yang mengerahkan seluruh tenaga bagi menjamin kehidupan dan masa depan dalam keadaan yang bimbang! Wahai mereka yang merana!*

*Jika kamu ingin mengecap kenikmatan dan kelazatan dunia melalui kebahagiaan dan kerehatan yang terdapat di*

*dalamnya, maka kelazatan dan kenikmatan yang diizinkan oleh syarak adalah mencukupi bagi kamu. Ia sudah memadai bagi memenuhi segala tuntutan dan keinginan kamu serta menenangkan hawa nafsu kamu. Daripada penjelasan yang diberikan sebelum ini, kamu tahu bahawa setiap kelazatan dan kenikmatan yang terkeluar daripada batasan kebenaran syarak mengandungi seribu satu macam kesakitan. Seandainya kita dapat menayangkan peristiwa dan kejadian yang akan berlaku selepas 50 tahun misalnya di atas skrin layar, – sebagaimana kita menayangkan peristiwa dan kejadian yang telah berlaku – nescaya mereka yang alpa dan yang bertindak sewenangnya akan menangis dengan tangisan yang pahit dengan apa yang menggembirakan mereka sekarang.*

**Maka sesiapa yang menginginkan kegembiraan dan penghiburan yang suci serta berterusan samaada di dunia dan akhirat, dia hendaklah menurut segala pentarbiahan keimanan seperti yang dilakukan oleh Nabi Muhammad**



## Pada Suatu Hari Saya Duduk Di Hadapan Sebuah Tingkap Di Penjara Eskisehir<sup>6</sup>

Tingkap tersebut mengadap ke arah sebuah sekolah menengah bagi murid-murid perempuan. Beberapa orang murid kelihatan bergelak ketawa dan bermain-main dalam keadaan yang sungguh gembira. Sebaik saja saya melihat mereka berada dalam keadaan demikian, tiba-tiba pada pandangan saya, mereka bertukar menjadi bidadari<sup>7</sup> neraka jahannam yang sedang berada di taman dunia ini. Saya membayangkan keadaan mereka pada masa akan datang iaitu selepas 50 tahun. Gelak tawa dan kegembiraan mereka bertukar menjadi gambaran-gambaran tangisan yang amat mendukacitakan.

Melalui keadaan ini, tersingkap kepada saya hakikat berikut: Melalui skrin khayalan dan maknawi ini, saya melihat apa yang akan berlaku kepada mereka selepas 50 tahun. Saya melihat 50 orang pemudi yang sedang ketawa sekarang ini sedang diazab di dalam kubur dan menjadi tanah

---

<sup>6</sup> Eskisehir adalah salah satu bandar di barat Turki.

<sup>7</sup> Ini adalah satu perbandingan yang halus, kerana pelajar-pelajar perempuan itu memang cantik dan menawan, cuma mereka mencampakkan diri mereka ke dalam neraka jahannam kerana mereka tidak berpegang teguh dengan perintah-perintah Allah ﷺ. (Penterjemah - Ihsan Kasim Salihi)

yang telah hancur. Sementara 10 orang yang lain berusia 70 tahun dan wajah mereka berkedut hodoh. Ini menyebabkan orang lain meluat dan menjauhkan diri.

Saya tidak dapat menahan diri melihat pemandangan ini dan saya menangisi keadaan mereka. Kemudian saya ternampak pula fitnah di akhir zaman yang jauh lebih dahsyat untuk orang-orang yang beriman, aitu fitnah yang dibawa oleh golongan wanita menggiurkan yang lahir daripada ketiadaan sifat malu. Keberanian wanita-wanita ini telah merampas kekuatan semangat manusia lainnya yang menyebabkan mereka jatuh terkulai ke lembah kemungkaran, sebagaiman perihal rama-rama yang mendekatkan dirinya ke dalam api. Wanita-wanita tersebut telah berjaya menjadikan si lelaki mengutamakan kenikmatan dunia fana' yang hanya boleh dikecapi selama satu minit sahaja jika dibandingkan dengan tahun-tahun kenikmatan yang bakal diperolehi pada kehidupan yang kekal abadi nanti.

Saya sendiri telah merasakan kesan kepada fitnah tersebut setelah menyaksikan apa yang berlaku di dalam masyarakat. Saya berasa amat kasihan kepada keadaan yang menimpa para pemuda. Dan saya berkata: "Bagaimanakah agaknya mereka yang kasihan ini boleh menyelamatkan diri daripada api dan bujukan fitnah yang kuat itu?"

Ketika saya leka dalam penilaian dan pemerhatian saya itu, tiba-tiba muncul peribadi maknawi kepada penyala api fitnah, guru dan penyerunya di hadapan saya. Lalu saya berkata kepadanya dan juga kepada golongan mulhid yang menerima arahan dan pengajarannya:

"Wahai si celaka yang mengorbankan agama hanya demi

mengecapi kenikmatan dengan bidadari neraka jahannam yang mungkar dan sesat! Wahai si celaka yang rela dirinya kufur dan keluar daripada agama hanya untuk memuaskan keinginan nafsu jahatnya! Wahai si celaka yang berpegang kuat dengan kehidupan dunia sehingga mengurangkan amal ibadatnya dan melarikan diri daripada kematian! Wahai si celaka yang langsung tidak suka jika disebut tentang kubur, bahkan lebih rela memalingkan mukanya ke arah riddah! Ketahuilah secara pasti:

*Berdasarkan pandangan kesesatanmu, sesungguhnya dunia yang besar ini dan setiap saat yang berlalu dan yang akan datang, isi dunia keseluruhannya, masa lampau dan masa depan engkau, sesiapa saja yang telah mati dari kalangan anak bangsa engkau, mana-mana makhluk dan generasi yang akan datang, ummat yang terdahulu, manusia dan kabilah yang akan datang, semua mereka mati dan hilang. Mereka mati, bukannya hidup.*

*Tetapi oleh kerana engkau terikat dari sudut akal dan kemanusiaan dengan kesemua dunia yang bergerak dan hidupan yang berjalan, kepala engkau sentiasa dihujani dengan kesakitan yang lahir daripada sentiasa memikirkan tentang akibat kesudahan orang-orang yang telah mati dan memenuhi dunia ini dahulunya. Jumlah mereka tidak terkira banyaknya. Semua itu berlaku lantaran kejahilan dan keingkaran engkau, sehingga keadaan ini mendukacitakan hati engkau jika engkau masih mempunyai perasaan, membakar roh engkau jika engkau masih mempunyai roh, dan menenggelamkan akal engkau ke dalam lautan kedukaan jika engkau masih mempunyai akal yang belum terpadam.*

Ya! Jika kamu bayangkan keseronokan dan kelazatan yang sementara itu dapat menyamai segala kedukacitaan dan

kepiluan abadi di alam sana, maka dipersilakan untuk terus berada dalam keadaan demikian. Teruslah berada dalam kelalaian atau sebaliknya, kembalilah kamu kepada kewarasan.

Maka, hayatilah ajaran al-Quran. Gantilah kelazatan-kelazatan kecil, yang akan binasa dan tidak melebihi satu minit itu dengan kelazatan-kelazatan menyeluruh yang berterusan<sup>8</sup> agar engkau selamat daripada neraka maknawi

---

<sup>8</sup> Ya! Dari sudut maknawi, sesungguhnya iman dapat memberikan rasa kelazatan dan kenikmatan syurga semasa kita berada di dunia ini lagi. Lihatlah salah satu faedah iman daripada ratusan faedah dan kelazatannya yang bercahaya:

Andaikan anda sekarang sedang berada di sisi seorang yang anda amat kasih yang sedang menghadapi saat kematianya. Betapa kegembiraan anda ketika anda melihat seorang doktor pakar seperti Luqman al-Hakim atau Khidr datang dan memeriksa orang tersebut. Setelah melakukan pemeriksaan, tiba-tiba si pesakit terselamat daripada genggaman kematian dan menjadi seorang yang sihat ceria. Ingatlah kedudukan anda ketika itu dan perhatikanlah betapa gembiranya anda ketika itu! Begitu juga dengan iman.

Ia membangkitkan kegembiraan pada diri anda sama dengan kegembiraan anda ketika melihat semua orang yang sudah meninggal dunia dan mempunyai hubungan dengan anda dihidup dan dibangkitkan kembali. Kerana jutaan orang yang telah meninggal dunia dan dikebumikan di perkuburan masa lampau itu adalah para kekasih anda. Cahaya iman membangkitkan mereka hidup kembali dan menyelamatkan mereka daripada kemusnahan, ketiadaan dan kematian abadi. Tiba-tiba mereka bangun dan berkata: **“Kami tidaklah mati, dan kami tidak mati selama-lamanya”**.

Dengan kelebihan iman dan pembangkitan semula mereka

dan seterusnya merasai syurga maknawi di atas dunia ini untuk mengecapi nikmat kebahagian hidup.

Janganlah engkau berkata: “Saya akan meneruskan kehidupan saya seperti haiwan!”. Ini kerana bagi golongan haiwan, masa silam dan akan datang adalah ibarat perkara ghaib. Mereka telah diselamatkan oleh *al-Hakim al-Rahim*, Allah ﷺ yang Maha Bijaksana lagi Maha Penyayang daripada ditimpa kesakitan yang tidak bersempadan dengan menghijabkan alam ghaib daripada mereka. Ibarat ayam yang dicipta untuk disembelih, tidak pernah merasa sakit dan perit kecuali ketika pisau melalui tengkuknya. keperitan yang dirasainya ketika penyembelihan itu akan hilang dan ianya terselamat daripada melalui keperitan itu lagi. Sesungguhnya rahmat Allah ﷺ Tuhan yang Maha Mencipta amat luas. Belas kasihan dan kasih sayangNya terhadap binatang-binatang yang tidak berdosa ini jelas kelihatan melalui penghijaban alam ghaib itu.

Maka perlu kamu ketahui, kenikmatan yang tidak dibenarkan oleh syarak itu tidak akan selama-lamanya kamu rasakan. Apatah lagi jika “nikmat” mungkar tersebut jauh ribuan kali ganda rendahnya daripada apa yang dilakukan

---

yang dikasihi itu, terpancarlah perasaan kegembiraan yang tidak berkesudahan menggantikan tempat kesakitan yang tidak terbatas hasil daripada perpisahan yang juga tidak terhad.

Ini adalah bandingan tentang kegembiraan dan kebahagiaan yang diberikan oleh iman di atas dunia ini. Ini menunjukkan bahawa **biji benih keimaninan yang hidup jika bertukar menjadi jasad dan bertangkai, ia pasti akan menyebabkan ahli iman merasai kelazatan dan keindahan syurga.** - Bediuzzaman Said Nursi

oleh haiwan. Ini adalah kerana akal kamu mempunyai perasaan dan dapat melihat apa yang ghaib di sisi haiwan. Akal kamu itu akan merasa sakit dan dukacita. Maka, kamu tidak mungkin akan memperoleh kerehatan sempurna sebagaimana yang dirasai oleh haiwan yang dihijab sama sekali daripada melihat perkara ghaib di hadapannya.

Segala macam paksi kebanggaan dan kemuliaanmu seperti persaudaraan, penghormatan, kasih sayang dan lain-lainnya akan terhasil dalam perlakuan yang dibuat-buat, dipaksa, sementara, palsu, lemah serta tidak menyeluruh. Ini adalah kerana ianya hanya terbatas dalam waktu yang amat singkat, seumpama satu jam dari satu zaman yang abadi, juga seumpama satu jengkal daripada kawasan padang pasir yang amat luas. Oleh kerana itu, sifat kemanusiaan, idelisme dan kesempurnaanmu akan menjadi sangat kecil, bahkan mungkin akan terus hilang sama sekali hingga tidak dapat dikesan.

Tetapi persaudaraan, penghormatan serta kasih sayang yang terhasil dari keimanan akan saling mengikat sesama kamu dan akan sentiasa bercambah selari dengan percambahan keimananmu.

Dengan itu, kemanusiaan seseorang yang beriman dan kesempurnaannya jika dinisbahkan kepada dirinya akan menjadi besar dan hebat, kerana sifat-sifat tersebut menjadi besar dan meluas ke ufuk masa lepas .dan dimensi masa akan datang tanpa terbatas dan tersisih pada tempat dan masa yang terhad sahaja.

Tetapi sebab kejayaan dan ketinggian anda dalam perkara-perkara keduniaan, puncanya adalah disebabkan oleh keadaan anda yang amat sama dengan si Yahudi saudagar

emas gila yang membayar harga yang mahal untuk membeli kepingan kaca yang disangkanya ketulan emas. Anda juga begitu. Anda serahkan segala usaha yang sepatutnya anda serahkan untuk kehidupan abadi yang maha luas di akhirat nanti, tetapi anda mengerahkannya demi kenikmatan dalam waktu yang amat pendek dan terhad sahaja. Maka tidak peliklah jika anda mendapat kejayaan dalam ruang yang amat sempit itu, kerana anda memperuntukkan segala kesungguhan, kesukaan dan keinginan untuk membalaaskan dendam yang membuk-buk yang hanya melazatkan anda dalam tempoh setahun sahaja misalnya, dan anda memalingkan segala perasaan tersebut dalam tempoh beberapa minit sahaja, maka tidak peliklah jika anda kelihatan mendapat kedudukan yang lebih tinggi meskipun dalam tempoh yang sementara sahaja jika dibandingkan dengan kedudukan ahli iman. Oleh kerana akal, roh, hati dan perasaan anda ditanggalkan daripada melaksanakan tugasnya yang asasi lagi mulia akibat tenggelam dan turut serta di dalam urusan urusan jiwa yang sentiasa menyuruh ke arah keburukan dan menyahut keinginan hawa nafsunya yang jahat, maka tidak hairanlah jika anda kelihatan mengatasi orang-orang yang beriman di dunia ini. Tidak hairanlah jika anda kelihatan lebih bahagia daripada mereka dari sudut zahir, kerana akal, hati dan roh anda telah terhempas ke lembah yang amat dalam, bahkan ia telah ditukar dan diubah sama sekali untuk berkhidmat kepada kehinaan hawa nafsu yang amat rendah kedudukannya.

Dari sini, tidak diragukan lagi bahawa anda mungkin beroleh kejayaan yang sementara sahaja, kerana nantinya anda akan beroleh api neraka jahannam, sedangkan orang-orang beriman yang dizalimi nantinya akan beroleh syurga

yang kekal abadi.



## Satu Perkara Penting Yang Tiba-Tiba Terlintas

Perhatian: [Dialog yang dikemukakan oleh Risale-i Nur adalah bernaungkan perasaan rahmat dan belas kasihan. Oleh itu, kaum wanita lebih berpegang kuat dengan kitab Risale-i Nur berbanding dengan kaum lelaki sesuai dengan naluri rahmat dan belas kasihan yang menebal dalam diri mereka. Untuk makluman, risalah ini khas ditujukan kepada kaum wanita yang mengikut jejak langkah wanita asing secara membabi buta. maka atas faktor itulah, risalah ini kelihatan keras ayat dan bahasanya. Semua ini dilakukan dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada kaum wanita yang lalai. Saya berharap agar kerasnya perbicaraan risalah ini tidak mengejutkan saudarisaudari kita yang memang bersifat penuh kasih sayang serta lemah lembut.]

Beberapa pemahaman yang dapat dipetik dari hadis-hadis Nabi, ada yang menyatakan bahawa kaum wanita itu serta fitnah-fitnah yang dibawa oleh mereka akan mendatangkan bahaya yang besar dan amat menakutkan pada akhir zaman.

Ya, sebagaimana diberitakan oleh beberapa buah buku sejarah, bahawa pada awal kurun dahulu, terdapat sekumpulan wanita yang terkenal dengan keberanian mereka dalam memikul senjata. Mereka dikenali sebagai wanita

Amazon sehingga dapat dibentuk satu kumpulan tentera daripada golongan mereka. Kumpulan tentera ini terlibat dalam beberapa perang yang sengit. Begitu juga pada zaman kita ini. Ketika kesesatan *zandaqah* (kekufuran) melakukan serangan terhadap Islam, terdapat satu kumpulan yang amat digeruni yang merupakan salah satu kumpulan yang memusuhi Islam sedang giat menjalankan aktivitinya berdasarkan perancangan konspirasi yang ditetapkan oleh *nafsu al-ammarah*, jiwa yang sentiasa menyeru ke arah kejahanan dan menyerahkan urusan kepimpinannya kepada syaitan. Kumpulan ini terdiri daripada sekumpulan wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang, yang mendedahkan betis-betis mereka dan menjadikannya sebagai senjata keras yang tikamannya melukakan ahli iman! Mereka telah menutup pintu perkahwinan dan membuka pintu perzinaan. Tiba-tiba, mereka menawan banyak jiwa dan menusukkan tikaman yang menyebabkan luka yang amat parah pada hati dan roh mereka dengan melakukan pelbagai perkara maksiat dan dosa besar. Bahkan beberapa hati telah berjaya dimatikan sama sekali hingga tidak terdaya untuk kembali bangkit.

Namun berlaku balasan yang adil kepada kaum wanita tersebut, kerana betis-betis mereka yang dijadikan senjata fitnah yang melukakan itu telah bertukar menjadi bahan api neraka jahannam dan merupakan benda pertama yang dibakar di dalam neraka, balasan akibat daripada mereka mendedahkannya hanya dalam tempoh beberapa tahun di hadapan orang yang tidak halal melihatnya semasa di dunia.

Di samping itu, mereka juga tidak memperolehi suami yang sesuai, bahkan mereka tidak berjaya memperolehinya meskipun mereka amat memerlukan kepada seorang suami

sebagai menyahut panggilan fitrah dan penciptaan semulajadi mereka. Ini kerana mereka telah mensia-siakan kepercayaan dan kesetiaan semasa di dunia. Bahkan mereka menjadi terbuang, terhina, tidak dihiraukan dan tidak diambil peduli, kerana tiada orang yang sudi menikahi mereka dan mengambil berat tentang mereka, terutamanya pada zaman di mana hanya seorang lelaki sahaja yang menjadi penjaga kepada 40 orang wanita, sebagaimana dinyatakan di dalam hadis yang mulia.<sup>9</sup>

Inilah hakikatnya. Seseorang yang cantik pasti akan menyukai kecantikannya dan dengan segala daya dan upayanya berusaha untuk memelihara dan mengekalkannya serta tidak mahu ia disentuh oleh sebarang kecacatan. Kecantikan juga adalah nikmat yang dikurniakan, dan *jika sesuatu nikmat disyukuri maka ia akan bertambah dan jika dikufuri (tidak disyukuri) ia akan hilang.*

*Tidak syak lagi seseorang wanita yang memiliki kewarasan akan melarikan diri dengan segala kekuatan yang ada pada dirinya daripada membentarkan kecantikan dirinya menjadi wasilah untuk melakukan kesalahan dan dosa serta*

<sup>9</sup> Daripada Anas r.a., katanya:

*Saya akan menceritakan kepada kamu satu hadis yang tidak akan diceritakan oleh orang lain selepasku. Saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud: “Antara tanda-tanda kiamat ialah ilmu menjadi berkurang, zina berleluasa, wanita menjadi ramai, lelaki menjadi sedikit hingga hanya seorang lelaki sahaja menjadi penjaga kepada 50 orang wanita”.*

Diriwayatkan oleh al-Bukhari, kitab *al-'Ilm*, bab ilmu diangkat dan kejahilan berleluasa.

*menyebabkan orang lain juga terjatuh ke lembah tersebut. Sudah pasti dia akan mlarikan diri daripada menjadikan kecantikan dirinya bertukar kepada keburukan dan kehodohan yang membawa nahas dan dipenuhi racun. Tidak syak lagi dia pasti akan mengalami kekalahan jika dia menukar nikmat yang dikurniakan kepadanya itu menjadi paksi azab dan seksaan.*

Oleh itu, sepatutnya seorang wanita yang cantik menggunakan kecantikannya menurut jalan yang dibenarkan syarak agar kecantikan yang fana' itu akan berkekalan selama-lamanya, daripada hanya menjadi kecantikan yang tidak dapat bertahan lama kecuali beberapa tahun sahaja. Ketika itu, dia dianggap telah menunaikan kesyukuran yang sepatutnya terhadap nikmat tersebut. Jika ini tidak dilakukannya, maka dia akan mengalami berbagai-bagai kesakitan dan keazaban pada zaman tuanya. Dia akan menangis dan menyesali dirinya kerana tidak tahan melihat dirinya yang tidak dihirau oleh orang lain yang merasakan dirinya hanya membebankan mereka.

Tetapi jika kecantikan tersebut dihiasi dengan hiasan adab-adab al-Quran dan dijaga dengan selayaknya dalam paksi tarbiah Islam, maka kecantikan yang fana' itu akan berkekalan dari sudut maknawi. Dia akan dikurniakan kecantikan yang lebih cantik, indah dan manis daripada kecantikan bidadari yang terdapat di dalam syurga yang kekal abadi sebagaimana dinyatakan di dalam sebuah hadis tetap dan mutlak.<sup>10</sup>

<sup>10</sup> Terdapat banyak hadis dalam hal ini. Antaranya:

Daripada Umm Salamah r.a., isteri Nabi ﷺ, katanya (di

Jika wanita tersebut mempunyai secebis akal, dia pasti tidak akan membiarkan hasil yang berkekalan dan menguntungkan ini terlepas daripada genggamannya.



---

dalam sebuah hadis yang panjang): “*Aku berkata: “Wahai Rasulullah! Adakah wanita di dunia lebih baik atau bidadari?” Baginda menjawab: “Wanita di dunia lebih baik daripada bidadari sebagaimana yang zahir lebih baik daripada yang batin.” Aku berkata: “Wahai Rasulullah! Bagaimanakah itu?” Baginda menjawab: “Dengan solat, puasa dan ibadat mereka kepada Allah, Allah akan memakaikan muka-muka mereka dengan cahaya dan jasad mereka dengan sutera yang berwarna putih, berpakaian hijau dan berperhiasan kuning ... hingga akhir hadis ...”*

Diriwayatkan oleh al-Tabarani di dalam *al-Kabir* dan *al-Awsat* dengan lafaz di atas. (Daripada kitab *al-Targhib wa al-Tarhib*, karangan al-Munziri, jil. 4, hlm. 537)

## Ini Adalah Satu Pengajaran, Peringatan Dan Perhatian Bagi Beberapa Pemuda Yang Kebuntuan Jalan<sup>11</sup>

Pada suatu hari, saya didatangi oleh sekumpulan pemuda. Terpancar kejernihan dan kepintaran dari wajah mereka. Mereka datang untuk meminta panduan serta petunjuk lurus yang dapat mengawal mereka daripada keburukan yang berceracak keluar daripada tuntutan-tuntutan kehidupan, jiwa kemudaan dan hawa nafsu yang melingkungi mereka.

Lalu saya berkata kepada mereka sebagaimana yang pernah saya katakan kepada mana-mana orang yang datang memohon bantuan daripada Risale-i Nur:

*Ketahuilah bahawa keceriaan umur dan keindahan kehidupan yang kamu sedang nikmati sekarang pasti akan hilang. Jika kamu tidak beriltizam dengan batasan sempadan syarak, zaman muda kamu akan hilang begitu sahaja dengan sia-sia ibarat debu yang berterbangan. Di samping itu, kamu juga akan memperoleh pelbagai bala bencana, musibah dan kesakitan semasa di dunia, di dalam kubur dan di akhirat nanti. Kesemua ini jauh lebih besar dan berat jika dibandingkan dengan kelazatan*

---

<sup>11</sup> Dipetik daripada buku, *al-Kalimat*. – Kalimah Keempat Belas, Maqam Kedua.

*yang diperoleh dan dirasai di dunia... Tetapi jika kamu menggunakan seluruh zaman muda kamu dalam perkara yang boleh memelihara diri dan kehormatanmu serta dalam perkara ketaatan kepada Tuhan kamu dengan mendidiknya berdasarkan Islam, sebagai menunaikan hak bersyukur kepada Allah ﷺ terhadap nikmat zaman muda yang dikurniakan kepada kamu, maka nikmat tersebut akan berkekalan dari sudut maknawi. Ia juga menjadi jalan kejayaan buat kamu untuk memperoleh zaman muda yang berkekalan di dalam syurga yang kekal abadi.*

*Jika kehidupan ini tidak dilengkapi dengan iman, atau iman tidak memainkan peranannya dengan berkesan kerana terlalu banyak maksiat yang dilakukan, meskipun kehidupan ini dipenuhi dengan pelbagai jenis kenikmatan dan kelazatan zahir yang berlangsung dalam tempoh yang amat pendek... kehidupan ini akan dipenuhi dengan kesakitan, kedukaan dan kenestapaan yang berkali-kali ganda lebih besar jika dibandingkan dengan kenikmatan dan kelazatan tersebut.*

Ini kerana seseorang manusia yang dikurniakan akal dan fikiran mempunyai hubungan yang amat intim dengan zaman lampau dan akan datang, lebih-lebih lagi dengan zaman yang dia sedang berada padanya. Ini menyebabkan dia boleh mengecap kelazatan bahkan merasai kesakitan zaman-zaman tersebut. Keadaan ini tidak sama dengan keadaan haiwan. Kelazatan yang sedang dikecapi oleh seekor haiwan tidak boleh dikerohkan oleh kedua-duanya terhadap sesuatu yang telah berlaku dan ianya juga tidak akan bimbang terhadap

sesuatu yang mungkin akan berlaku, kerana ianya tidak dikurniakan fikiran.

Oleh itu, seseorang manusia yang terjatuh dalam kesesatan dan kealpaan, kenikmatan yang sedang dikecapinya akan rosak dan punah tatkala dia didatangi oleh kedukaannya ketika mengingatkan penderitaan yang telah berlaku pada masa lalu, juga oleh kebimbangan dan keluh kesahnya terhadap apa yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Kehidupan yang sedang dialaminya akan dikerohkan oleh kesakitan dan kebimbangan yang disangkakan, lebih-lebih lagi jika kenikmatan yang sedang dinikmatinya itu adalah daripada kategori kenikmatan yang tidak dibenarkan oleh syarak. Ianya adalah umpama madu yang beracun.

Ini bermakna manusia adalah ratusan kali lebih rendah tarafnya jika dibandingkan dengan haiwan dari sudut kenikmatannya terhadap kelazatan dunia. Bahkan kehidupan, kewujudan dan dunia golongan sesat dan alpa hanyalah kehidupan yang sedang mereka jalani sekarang, kerana masa lalu dan segala makhluk yang ada di dunia adalah fana' dan tidak wujud bagi mereka disebabkan kesesatan mereka. Ini menyebabkan mereka berada di dalam kegelapan yang pekat. Masa akan datang juga tiada buat mereka kerana mereka tidak beriman dengan perkara ghaib. Semua perpisahan abadi yang tidak putus-putus berlaku menyebabkan kehidupan mereka berada dalam keadaan gelap pekat, selagimana mereka mempunyai akal yang mengingkari *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan).

*Tetapi jika iman memberikan nyawa kepada kehidupan dan menyebarkan cahayanya, masa lalu begitu juga dengan masa akan datang akan bercahaya. Kedua-dua zaman*

*tersebut akan memperoleh keberkekalan dan membekalkan zauq maknawi yang tinggi dan cahaya kewujudan yang abadi ke dalam hati dan roh seseorang yang beriman, sebagaimana juga diberikan kepada masa sekarang yang sedang dihadapi.*

Hakikat ini telah dijelaskan dengan sejelas-jelasnya pada ‘*Harapan Ketujuh*’ daripada ‘*Panduan Untuk Warga Tua*’. Sila rujuk jika anda ingin mendapatkan penjelasan lanjut.

**Demikianlah kehidupan ini ... Jika kamu mahu bernikmat-nikmat dan berlazat-lazat dengan kehidupan ini, maka hidupkanlah kehidupan kamu dengan iman dan hiasilah ia dengan menunaikan segala fardu. Peliharalah kehidupan kamu dengan menjauhi segala maksiat.**

Berkenaan dengan hakikat kematian yang memperlihatkan kegerunannya serta kematian yang kita saksikan saban hari dan di setiap tempat, saya akan menjelaskannya kepada kamu dalam sebuah perumpamaan, sebagaimana saya telah jelaskan kepada para pemuda lain sebaya kamu.

Gambarkan umpamanya beberapa batang kayu sedang dipacakkkan di hadapan kamu untuk dijadikan tempat menggantung. Bersebelahan tempat tersebut terdapat sebuah kaunter loteri yang sedang membahagi-bahagikan hadiah yang besar kepada orang-orang yang bernasib baik. Kita yang berjumlah sepuluh orang ini pasti akan dipanggil ke sana, sama ada kita suka atau tidak. Tetapi oleh kerana masa kita akan dipanggil tidak kita ketahui, maka kita sentiasa tertunggu-tunggu setiap saat menantikan seseorang memanggil dan menjerit nama kita dan berkata:

*“Dipersilakan mengambil keputusan kematian kamu. Naiklah ke tempat gantung!”*

Atau kita menunggu-nunggu seseorang memanggil dan berkata:

*“Dipersilakan mengambil kad yang memberikan anda keuntungan jutaan wang emas.”*

Sedang kita berdiri dan menunggu, tiba-tiba kelihatan dua orang keluar daripada sebuah pintu. Salah seorang daripada keduanya adalah wanita cantik, dan hampir bertelanjang, membawa sekeping kuih di tangannya. Dia menghulurkan kuih tersebut kepada kita yang kelihatan amat sedap dan lazat, namun pada hakikatnya kuih tersebut adalah beracun.

Manakala orang kedua adalah seorang lelaki yang kelihatan bijaksana, bukan seorang penipu dan pembohong. Lelaki ini keluar daripada pintu selepas wanita tadi dan berkata:

“Saya membawa kepada kamu satu azimat yang menakjubkan dan pelajaran yang hebat. Jika kamu membaca pelajaran ini dan tidak memakan kuih yang diberikan oleh wanita tadi, kamu akan terselamat daripada tali gantung. Dengan azimat yang menakjubkan ini juga, kamu akan menerima kad yang membolehkan kamu mendapat ganjaran yang lumayan dan berharga... Sekarang kamu telah melihat dengan matamu sendiri bahawa sesiapa yang memakan kuih tersebut akan mengalami sakit perut dan seterusnya akan menaiki tempat gantung.

Manakala orang-orang yang berjaya mendapat kad itu yang memberi ganjaran dan lumayan, meskipun mereka terhijab dan terlindung daripada

pandangan dan pengetahuan kita, kerana mereka juga kelihatan menaiki tempat gantung, tetapi jutaan saksi memberitahu bahawa mereka sebenarnya tidak digantung. Mereka hanya menjadikan tali gantung itu sebagai tangga untuk menyeberangi dengan mudah dan senang ke sebuah tempat untuk mendapatkan ganjaran mereka.

Lihatlah melalui tingkap, nescaya anda akan nampak beberapa orang pegawai besar sedang menyelia pembahagian hadiah-hadiah. Kemudian, mereka berlaung dengan suara yang tinggi:

“Sesungguhnya orang-orang yang mempunyai azimat yang menakjubkan telah berjaya mendapatkan kad-kad hadiah mereka ... Ketahuilah dengan yakin seumpama keyakinan yang terdapat pada diri anda tatkala melihat mereka sedang menuju ke tempat gantung. Janganlah sedikitpun terdapat keraguan tentang hal ini. Ia adalah sangat jelas umpama jelasnya matahari di siang hari”.

Demikianlah berdasarkan perumpamaan di atas ... *Sesungguhnya kenikmatan dan kelazatan yang dilarang syarak pada zaman muda adalah ibarat madu yang beracun... Kematian bagi sesiapa yang kehilangan iman yang memberikannya keuntungan kebahagiaan abadi akan menjadi seperti tali gantung. Dia menunggu petanda yang mungkin datang pada bila-bila masa sahaja kerana ajal adalah rahsia dan datang untuk memotong kepala sesiapa sahaja tanpa membezakan antara orang tua atau muda... lalu dicampakkan ke dalam liang kubur yang menjadi pintu kegelapan abadi sebagaimana kelihatan pada zahirnya akibat kehilangan imannya.*

*Tetapi jika para pemuda berpaling daripada kelazatan haram yang umpama madu beracun itu, dan bersegera beramal dengan azimat al-Quran iaitu iman dan menunaikan segala yang diperintahkan. Terdapat 124 ribu para nabi, serta para wali, solehin dan ulama ‘amilin yang tidak terhingga bilangan mereka memberitahu dan membawa berita gembira secara sepakat dan mereka sendiri menjadi tanda kepada berita gembira tersebut... mereka semuanya memberitahu bahawa seseorang yang beriman akan berjaya memperoleh sekeping kad keimanan yang menyebabkannya memperoleh khazanah kebahagiaan yang abadi.*

*Kesimpulannya: **Zaman muda itu pasti akan hilang. Jika ianya dihabiskan dalam kemaksiatan, maka ia akan menyebabkan ribuan bala bencana dan musibah yang menyakitkan, sama ada di dunia maupun di akhirat.***

*Jika anda ingin memahami kenapa ramai dari kalangan para pemuda berada di hospital-hospital, ia adalah kerana perbuatan mereka yang nakal, melampau dan terdedahnya mereka dengan penyakit-penyakit nafsu ... Atau mereka akhirnya memenuhi penjara-penjara dan tempat-tempat hina dengan sebab hawa nafsu dan kerana terpedaya ... Atau mereka akhirnya memenuhi tempat-tempat hiburan dan kedai-kedai arak dengan sebab dada mereka merasa sempit akibat kesakitan dan keceluaran maknawi serta nafsu yang menimpa mereka ... ya ... jika anda ingin mengetahui secara yakin tentang akibat buruk yang mereka hadapi ini, bertanyalah kepada hospital, penjara dan kubur ... Anda pasti akan mendengar melalui lisan al-hal yang diberikan oleh hospital-hospital, suara-suara yang mengerang kesakitan dan menyesal yang lahir daripada pelbagai*

*penyakit yang terbit akibat terpengaruh dengan kepanasan nafsu muda dan sifat berlebih-lebihan dalam perkara tersebut ... Anda juga pasti akan mendengar dari penjara jeritan-jeritan penyesalan dan suara-suara keinsafan serta rungutan kesedaran yang dihambur keluar oleh para pemuda yang bernasib malang itu. Mereka terheret oleh kelalaian mereka yang memperdayakan. Oleh itu, mereka menerima tamparan pengajaran kerana melanggar perintah-perintah syarak. Anda juga akan tahu bahawa antara sebab yang paling banyak menyebabkan seseorang diazab di dalam kubur iaitu alam barzakh yang pintunya sentiasa terbuka dan tertutup kerana ramainya orang yang memasukinya, ialah kerana tindakan-tindakan buruk yang dilakukan oleh tangan seseorang semasa zaman mudanya. Ini sebagaimana telah dibuktikan oleh penyaksian ahli kasyaf dan penyaksian serta pemberian semesta ahli hakikat serta ahli ilmu.*

Jika anda mahu, sila kemukakan pertanyaan kepada orang-orang tua dan orang sakit yang merupakan golongan majoriti manusia hari ini. Anda pasti akan mendengar bahawa sejumlah besar daripada mereka akan berkata:

**“Alangkah ruginya terhadap apa yang telah berlalu! Kita telah mensia-siakan zaman muda kita dalam perkara-perkara yang remeh, bahkan dalam perkara-perkara yang memudaratkan! Janganlah kamu mengulangi kesalahan kami. Berwaspadalah kamu daripada melakukan kesilapan yang serupa!”**

Ini adalah kerana tahun-tahun kedukaan dan penderitaan di dunia ditambah lagi dengan azab di alam barzakh dan neraka saqar di akhirat nanti dikorbankan hanya semata-mata untuk mendapat kenikmatan yang sementara pada zaman muda dengan melakukan kelazatan yang diharamkan adalah

sesuatu yang tidak berbaloi.

Orang seumpama ini tidak patut untuk dikasihani, walaupun dia sebenarnya amat memerlukan rasa kasihan, kerana seseorang yang rela untuk mendapat kemudarat dan membiarkan dirinya terheret ke sana secara sukarela, sebenarnya tidak berhak untuk dikasihani bahkan tidak berhak untuk dipandang dengan pandangan penuh kasih sayang. Ini samalah dengan perbidalan yang mengatakan:

الرَّاضِيُّ بِالضَّرِّ لَا يُنْظَرُ لَهُ

*“Siapa yang redha dengan kemudarat, tidak patut dipandang.”*

Semoga Allah ﷺ memelihara kami dan kamu semua daripada fitnah zaman ini yang menggiurkan, serta menyelamatkan kami daripada keburukannya. *Amin.*



## Permasalahan Utama<sup>12</sup>

Ini adalah jawapan bagi persoalan daripada para *tullab* (murid-murid) Risale-i Nur.

Pada suatu hari kami bertanya kepada Ustaz Bediuzzaman Said Nursi:

*“Perang Dunia Kedua telah berlalu selama dua tahun. Peperangan ini sangat berkait rapat dengan kesudahan nasib Dunia Islam. Meskipun demikian, Ustaz tidak pernah bertanya kepada kami tentangnya, bahkan Ustaz tidak bertanya Encik al-Amin yang saban hari memberikan perkhidmatan kepada Ustaz tentangnya walaupun sekali. Ustaz seolah-olah tidak pernah menunjukkan yang Ustaz mengambil berat tentangnya walaupun ketika peperangan sedang sengit berlaku. Adakah Ustaz mempunyai urusan lain yang jauh lebih layak untuk difikirkan dan diambil berat lebih daripada perang tersebut, sehingga ia tidak memberikan apa-apa kepentingan kepada Ustaz? Atau adakah Ustaz berpandangan dan berpendapat bahawa mengambil tahu dan mengambil berat tentangnya merupakan satu dosa dan kesalahan serta boleh mendatangkan mudarat?”*

---

<sup>12</sup> Dipetik daripada buku, “Sikke-i Tasdik-i Gaybi”.

Ini adalah antara kandungan soalan yang kami kemukakan kepada Ustaz. Beliau memberi jawapan berikut:

*“Ya! Terdapat suatu hakikat yang lebih agung dan lebih besar daripada perperangan yang sedang berlaku itu. Hakikat tersebutlah yang menguasai dunia yang wujud ini. Lantaran keagungan dan kebesaran hakikat tersebut, perperangan itu hanya sekelumit cuma jika dibandingkan dengannya. Ya!* Memang sekarang terdapat dua buah negara besar yang sedang berlumba untuk saling mengatasi di antara satu sama lain. Kedua-duanya juga berlumba-lumba untuk mendahului peranan masing-masing demi untuk meluaskan penguasaan dan pengaruh terhadap dunia ini. Dua agama langit paling besar (Islam dan Kristian) juga sedang bertungkus lumus bagi mencapai kepentingan masing-masing di hadapan mahkamah perdamaian. Dalam masa yang sama juga, api pertarungan ganas sedang bergelojok di antara aliran kekufturan (*atheis*) dan agama-agama langit. Golongan “*Sosialis*” dan puak-puak “*Bourgeois*” pula sedang bertelingkah di hadapan mahkamah mereka ... Dalam situasi tersebut, kita dapati satu masalah lebih besar daripada keseluruhan masalah-masalah di atas. Ia adalah satu hakikat yang lebih agung daripada hakikat-hakikat yang lain. Jika hanya ada seorang sahaja yang terkena musibah dengan hakikat tersebut, maka bencananya adalah lebih besar dan lebih hebat daripada semua perperangan yang berlaku di atas muka bumi ini. Permasalahan itu ialah:

**Bahawa di hadapan setiap mukmin, bahkan di hadapan setiap manusia terdapat satu masalah besar pada ketika ini. Iaitu, bagaimanakah cara untuk memperolehi istana-istana indah yang terletak di dalam**

**syurga-syurga yang teduh dan rendang, yang keluasannya adalah seperti keluasan langit dan bumi, atau seseorang itu tidak memperolehinya langsung?** Ertinya, di hadapan setiap insan, terdapat satu permasalahan besar yang jika dia memiliki kekayaan dan kekuataan seperti yang dimiliki oleh negara Inggeris dan Jerman, serta dia adalah seorang yang waras dan berakal, nescaya dia akan mengorbankan seluruh kekayaan dan kekuasaan tersebut bagi memenangi permasalahan yang agung ini. Kerana tidak syak lagi bahawa sesiapa yang mencurahkan tenaga dan pemerhatiannya kepada permasalahan lain adalah dianggap sebagai seorang yang gila dan kurang waras.

Bahkan keseriusan bahaya yang melingkari permasalahan ini mencapai hingga ke tahap hanya satu orang sahaja daripada 40 orang di suatu tempat yang membuat keputusan untuk mengakhiri kehidupan mereka di atas muka bumi ini dan meninggalkannya mampu untuk mendapat kejayaan dalam permasalahan tersebut. Manakala 39 orang lagi tidak dapat memperolehnya. Ini berdasarkan apa yang disaksikan oleh salah seorang wali yang *kasyaf*.

Jika ada seorang peguam yang mampu untuk memenangi kes ini, seorang peguam yang mempunyai pengalaman selama 20 tahun dalam bidang pembelaan dan telah berjaya memenangi kes bagi satu perlapan daripada orang-orang yang beriman, maka tidak pelik dan hairanlah jika setiap orang yang mempunyai sedikit kewarasan akan menyerahkan tugas memenangi kes ini kepada peguam tersebut. Hal ini adalah kerana kes atau permasalahan yang ingin dimenanginya itu adalah suatu kes yang memerlukan pemerhatian yang teliti. Salah satu peguam daripada peguam-pegawai lain bagi menghadapi kes yang besar itu ialah Risale-

i Nur. Ia dicalonkan bagi menjalankan tugas tersebut hasil daripada kemukjizatan maknawi *al-Quran al-Mu'jiz al-Bayan* yang menjadi sumber dan puncanya. Tiada bukti yang paling kukuh tentang hal ini melainkan para saksi yang telah berjaya memenangi kes tersebut dengan menggunakan perantaraannya.

Ya! Telah terbukti dengan penuh yakin bahawa setiap manusia diutuskan ke bumi ini bagi menunaikan satu tugas, iaitu menjadi tetamu mulia dalam kehidupan yang fana' ini. Hakikatnya pula tertuju untuk mendapatkan kenikmatan dengan kehidupan yang kekal abadi.

Setiap insan juga merasakan bahawa tembok kukuh yang dijadikan sebagai benteng pertahanan bagi menyelamatkan kehidupannya yang abadi telah terdedah kepada keretakan dan keruntuhan pada masa ini. Oleh itu, di samping dia terpaksa meninggalkan dunia ini dan para kekasihnya dan tidak akan pulang lagi, dia juga mendapati dirinya berhadapan dengan satu permasalahan utama, iaitu sama ada memperoleh atau tidak, sebuah kerajaan agung yang lebih luas, baik dan sempurna daripada seluruh isi dunia ini.

Jika dia tidak memperoleh sijil keimanan dan dokumen aqidah yang benar, nescaya dia akan kehilangan serta kerugian dan kalah dalam kes ini. Pada pendapat kamu, adakah kerugian yang besar ini dapat digantikan dengan sesuatu yang wujud di atas muka bumi ini?

**Bertitik-tolak daripada hakikat ini, maka penyempurnaan tugas yang mulia ini dengan sebaik-baiknya tidak dapat ditanggung oleh akal saya dan juga akal saudara-saudara saya sekalipun akal-akal tersebut**

dilipatgandakan beratus kali ganda. Oleh itu, pemerhatian dan sikap mengambil berat terhadap perkara yang lain hanya merupakan pembaziran dan sedikitpun tidak memberikan keuntungan kepada kita. Namun terdapat sekumpulan para penuntut Risale-i Nur telah melihat dan mengkaji perkara-perkara lain itu bukan dengan pilihan mereka sendiri, demi mempertahankan hak-hak mereka yang dicerobohi oleh sebahagian manusia yang bingung. Golongan manusia ini hanya mementingkan perkara yang tidak sepatutnya dititik beratkan sehingga menyebab mereka melanggar hak-hak kita tanpa sebarang sebab yang munasabah sehingga menggugat keamanan kita.<sup>13</sup>

Di samping itu, kembali kepada masalah-masalah dan pertarungan-pertarungan di luar permasalahan hakiki dan utama itu dan mengambil berat tentangnya dengan sepenuh hati dan pemikiran merupakan satu perkara yang amat memudaratkan. Sesiapa yang menumpukan perhatian dan menyibukkan diri dengan perkara-perkara lain, seumpama medan politik yang amat luas dan dipenuhi dengan pelbagai berita sensasi, akan menyebabkan dia melupakan dirinya sendiri. Dia lupa bahawa dia diperintahkan untuk beramal dalam lingkungan terhad yang mempunyai tempoh masa yang singkat sahaja. (jika dia menyibukkan hati dan pemikiran pada perkara-perkara yang tidak sepatutnya) Dia akan mundur atau menjadi lemah untuk menjalankan tugas utama yang diletakkan di atas bahunya (yang diamanahkan Allah ﷺ kepadanya) di dalam lingkungan terhad itu.

Kemudian sesiapa yang menumpukan sepenuh

---

<sup>13</sup> Beliau mengisyaratkan kepada pembelaan yang dilakukannya di mahkamah.

perhatiannya bagi mengikuti perkembangan kejadian-kejadian yang berlaku dalam lingkungan batasan kejadian politik yang luas serta menarik itu mungkin akan tertarik dan terdorong untuk terperosok terus ke dalam alirannya. Dengan itu, dia sentiasa akan berada dalam kedudukan dituduh tidak memenuhi tugas sebaik-baiknya meskipun dia mungkin masih tidak kehilangan hati yang sejahtera, niat yang baik, fikiran yang istiqamah dan amal yang ikhlas. Ketika saya dihadapkan ke mahkamah tentang perkara ini, saya berkata kepada mereka:

*“Sesungguhnya hakikat iman dan al-Quran umpsama matahari yang bersinar dan tidak mungkin mengikut tarikan cahaya-cahaya di bumi yang sementara ini dan tidak mungkin menjadi wasilah (jalan) kepadanya. Barangsiapa yang mengetahui hakikat itu dengan sebenarnya, maka dia tidak akan menyalahgunakannya dalam segala peristiwa di atas muka bumi dan seluruh alam ini”.*

Dengan jawapan tersebut, saya mendiamkan mereka.

Demikianlah berakhirnya jawapan Ustaz kami. Kami juga turut percaya terhadap jawapan tersebut dengan sepenuh kekuatan.

Emin dan Feyzi daripada para penuntut Risale-i Nur



## Beberapa Surat Kepada Para Banduan

[Penambahan kepada Maqam Kedua daripada ‘Kalimah Ketiga Belas’]

Sesungguhnya para banduan amat memerlukan kepada hiburan sebenar dan ucapan tazkirah yang terdapat di dalam Risale-i Nur. Terutama para pemuda yang menerima tamparan pengajaran disebabkan oleh runtunan hawa nafsu, lalu mereka menghabiskan zaman remaja di dalam penjara. Keperluan mereka kepada Risale-i Nur sama seperti keperluan mereka kepada makanan.

**Ya, sesungguhnya darah orang muda lebih mengikut denyutan hawa nafsu perasaan daripada menurut dan tunduk kepada seruan akal. Nafsu yang ganas tidak nampak akibat buruk yang akan menimpa. Ia lebih mengutamakan kelazatan segera walaupun nilainya hanya satu dirham jika dibandingkan dengan satu tan kelazatan yang akan datang kemudian hari.** Oleh itu, seseorang pemuda sanggup untuk melakukan pembunuhan terhadap seseorang yang tidak bersalah demi untuk mendapat kelazatan membala dendam dalam tempoh satu minit, kemudian dia terpaksa menghadapi 8 ribu jam kesakitan di dalam penjara ... Seseorang pemuda juga boleh terheret untuk mendapat kelazatan yang mencemarkan maruah dirinya dalam masa satu jam sahaja kemudian sebagai akibatnya dia akan mengalami ribuan hari di dalam penjara yang dipenuhi

dengan ketakutan dan kebimbangan daripada pihak musuh yang sentiasa mengintai peluang untuk bertindak terhadapnya ... Dengan itu, dia akan kehilangan kebahagiaan seumur hidupnya kerana terpaksa hidup dalam keadaan bimbang, keluh kesah dan ketakutan.

Demikianlah bagaimana para pemuda terjatuh melakukan kesalahan dan kesilapan yang besar sehingga hari-hari yang sepatutnya menjadi hari-hari yang paling manis buat mereka bertukar menjadi hari yang paling pahit sehingga berhak bagi mereka diberikan ucapan tazkirah. Keadaan ini bertambah buruk terutamanya setelah ribut fitnah yang datang dari Utara (negara Rusia) melanda ayat tergantung mereka. Fitnah tersebut membawa perkara-perkara fitnah yang menjahannamkan zaman ini. Fitnah tersebut ialah mempergunakan susuk tubuh wanita muda yang jelita kepada para pemuda tersebut sekaligus menggalakkan mereka untuk melakukan pergaulan yang menjijikkan. Fitnah itu juga turut menghalalkan harta golongan kaya untuk dicuri oleh golongan miskin.

Hati manusia manakah yang tidak hancur luluh melihat jenayah mungkar diperlakukan terhadap mereka?

Oleh itu, para pemuda muslim pada zaman yang dipenuhi dengan pelbagai pancaroba ini hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelamatkan keadaan. Mereka hendaklah menghunuskan pedang bertatahkan permata daripada *Risale-i Nur* dan buktinya yang utuh yang terdapat di dalam *Risalah al-Thamarah* (Buah daripada Iman) dan *Murshid al-Shabab* (Panduan Untuk Para Pemuda) dan yang seumpamanya. Mereka hendaklah mempertahankan diri mereka sendiri dan menyekat serangan yang menimpa

mereka daripada dua pihak atau dua penjuru ... Jika ini tidak mereka lakukan, nescaya masa depan yang cemerlang bagi para pemuda di dunia ini akan hilang dengan sia-sia, kehidupan mereka yang bahagia juga akan lenyap, begitu juga dengan kenikmatan hidup di akhirat. Semuanya akan bertukar menjadi penderitaan dan azab, kerana dia akan menjadi penghuni hospital sebagai pesakit akibat daripada keborosan dan kemaksiatan yang dilakukan oleh mereka sendiri ... Mereka juga akan menjadi tetamu penjara lantaran kejahatan dan kesesatan mereka ... Semasa tua nanti, mereka akan menangis teresak-esak di atas penyesalan yang tidak berkesudahan.

**Tetapi jika dia memelihara dirinya dengan pendidikan al-Quran, dan memeliharanya dengan hakikat Risale-i Nur, dia akan menjadi seorang pemuda yang benar-benar menjadi seorang perintis ... menjadi seorang manusia yang sempurna, seorang muslim yang benar lagi bahagia dan sultan penguasa terhadap sekalian makhluk.**

Jika seseorang pemuda yang sedang berada di dalam penjara menggunakan hanya satu jam sahaja sehari untuk menuaikan amal ibadat fardu, bertaubat daripada segala kejahatan dan maksiat yang menyebabkannya masuk penjara, serta menjauhi daripada segala kesalahan dan dosa sebagaimana yang dilakukan oleh penjara. Maka sudah pasti dia akan membawa faedah yang besar kepada masa depannya, negaranya, bangsanya, para kekasihnya dan kaum kerabatnya. Lebih dari itu, dia akan beroleh zaman muda yang berkekalan dan nikmat yang berterusan sebagai ganti daripada hukuman penjara yang dijalannya yang tidak sampai 15 tahun itu.

Hakikat ini dikhabarkan secara pasti dan yakin oleh semua kitab-kitab yang turun dari langit khususnya *al-Quran al-Mu'jiz al-Bayan*.

Memang benar, jika seseorang pemuda bersyukur di atas nikmat zaman muda yang merupakan zaman yang indah dan permai, dengan melakukan istiqamah dalam berbuat kebaikan khususnya dalam menunaikan ibadah, nescaya nikmat yang dikurniakan kepadanya itu akan bertambah dan tidak akan berkurang, malah akan kekal sehingga membawa kepada keseronokan dan kegembiraan dalam melakukannya. Tetapi jika sebaliknya, nikmat tersebut akan menjadi bala dan musibah yang menyakitkan serta dia akan hidup dalam keadaan penuh dengan gundah-gulana, dukacita dan gangguan-gangguan yang tidak menyenangkan sehingga zaman muda itu menjadi sia-sia. Oleh itu, zaman muda itu akan menjadi bencana terhadap dirinya sendiri, kaum kerabatnya, bangsanya, dan negaranya.

Walau bagaimanapun jika seseorang banduan dipenjarakan secara zalim, maka setiap jam yang dilaluinya di dalam penjara itu adalah sama seperti ibadat sehari yang lengkap, jika dia menunaikan segala kefarduan ke atasnya. Ketika itu, penjara baginya adalah sama seperti tempat berlindung dan beruzlah daripada orang ramai, sama seperti dilakukan oleh golongan zahid dan abid yang beruzlah di dalam gua bagi melakukan amal ibadat jauh daripada pandangan manusia. Iaitu dia boleh menjadi seperti para zahid dan soleh tersebut.

Jika dia seorang fakir, sakit, tua atau seorang yang hatinya bergantung kepada hakikat iman lalu dia bertaubat kepada Allah ﷺ dan menunaikan segala kefarduan, maka

setiap jam yang dilaluinya di dalam penjara akan bertukar menjadi seperti ibadat selama 20 jam. Malah penjara juga memainkan peranan menjadi sebuah madrasah yang dapat memberikan tunjuk pengajaran yang berguna kepadanya. Penjara juga menjadi tempat berkasih sayang dan beramah mesra dengan menghabiskan masa bersama rakan-rakan dalam keadaan penuh kerehatan di samping sentiasa mendapat pandangan belas kasihan dari luar. Bahkan mungkin dia lebih suka untuk kekal di dalam penjara daripada terlepas bebas di luar yang akan menyebabkannya bergelumang dengan segala jenis dosa dan kesalahan dari segenap penjuru. Dia berasa senang hati untuk menerima pengajaran dan penyucian jiwa di dalam penjara. Ketika meninggalkan penjara, dia tidak lagi keluar sebagai seorang pembunuhan atau sebagai seorang yang mahu membala dendam, tetapi dia keluar sebagai seorang soleh yang bertaubat kepada Allah ﷺ dan telah memperoleh banyak pengalaman hidup yang berguna. Dia akan menjadi seorang yang berguna kepada masyarakat dan negara. Keadaan ini menyebabkan satu kumpulan banduan yang juga bersamanya di dalam penjara dengan kami di Penjara Denizli setelah menerima pengajian keimanan tentang ketinggian akhlak meskipun hanya dalam tempoh yang amat singkat lalu berkata:

*“Jika mereka menerima pelajaran keimanan ini daripada Risale-i Nur untuk proses tarbiah dalam tempoh masa 5 minggu sahaja, nescaya ia lebih berfaedah dan berguna daripada mencampakkan mereka selama 15 tahun ke dalam penjara”.*

Oleh kerana kematian tidak akan musnah daripada kehidupan ini, dan ajal maut pula tersembunyi dan ia

mungkin datang pada bila-bila masa sahaja. Kubur pula masih belum menutup pintunya. Kafilah manusia pula sentiasa datang dan pergi. Kematian bagi orang-orang yang beriman adalah tiket pembebasan dan perlepasan daripada ‘ketiadaan abadi’ sebagaimana dijelaskan oleh hakikat Quran. Manakala kematian bagi golongan sesat dan mungkar pula sebagai ‘ketiadaan abadi’ sebagaimana yang mereka saksikan sendiri di hadapan mereka. Kerana kematian bagi mereka adalah perpisahan abadi daripada semua para kekasih dan kaum kerabat, bahkan seluruh makhluk yang wujud semuanya.

Oleh itu, tidak diragukan lagi bahawa manusia yang paling bahagia ialah orang yang bersyukur kepada Tuhan-Nya dalam keadaan sabar dan berharap serta menggunakan sepenuh waktunya di dalam penjara dengan sebaik-baiknya. Dia berusaha berkhidmat untuk al-Quran dan iman dengan mendapat panduan daripada Risale-i Nur.

*Wahai manusia yang diuji dengan kelazatan dan kenikmatan!*

Melalui ribuan pengalaman, hujah dan peristiwa saya mengetahui dengan ainul yakin ketika umurku mencapai 75 tahun, serta melalui kejadian-kejadian seumpamanya, bahawa kelazatan hakiki yang tidak disaluti kesakitan, kegembiraan yang tidak dikeruhi kedukacitaan dan kebahagiaan sempurna dalam kehidupan hanya boleh berlaku di dalam keimanan, iaitu hanya dalam lingkungan hakikatnya sahaja, tidak yang lain. Tanpa keimanan, mana-mana nikmat keduniaan pasti mengandungi banyak kesakitan. Ketika dunia mempersempit kepada anda satu kenikmatan yang hanya sebesar sebiji anggur, ia akan menampar anda dengan puluhan kali

ganda kesakitan yang akan merampas kelazatan dan kenikmatan kehidupan.

*Wahai para banduan yang tidak bernalasib baik dan diuji dengan penjara!*

Oleh kerana dunia anda telah berdukacita dan ditangisi serta kehidupan anda telah dikeruhi dengan kesakitan dan bala bencana, maka berusahalah bersungguh-sungguh agar akhirat anda tidak juga ditangisi, dan agar kehidupan abadi anda dipenuhi dengan kegembiraan, kemanisan dan kebahagiaan. Wahai saudara-saudaraku! Rebutlah peluang ini. Sebagaimana berkubu selama satu jam sahaja di hadapan para musuh dalam keadaan yang penuh dengan kesukaran boleh bertukar menjadi satu tahun ibadat, maka setiap jam yang anda tempuh di dalam penjara akan bertukar menjadi berganda-ganda jika anda menunaikan semua yang difardukan. Ketika itu, segala kesukaran dan kesulitan akan bertukar menjadi rahmat dan pengampunan.



## Surat 1

*Dengan Nama Allah Yang Maha Suci*

*Assalamu alaikum warahmatullahi  
wabarakatuhu selama-lamanya.*

Wahai saudara-saudaraku yang mulia lagi setia!

Saya akan menjelaskan suatu penghiburan yang kuat melalui tiga noktah iaitu mereka yang diuji dengan penjara, orang yang bertugas mengurus hal ehwal mereka dan orang yang membantu pekerjaan dengan kasih sayang dan membawa rezeki untuk mereka.

### Noktah Pertama

Sesungguhnya setiap satu hari kehidupan yang dihabiskan di dalam penjara, boleh menyebabkan seseorang memperoleh pahala ibadat selama sepuluh hari. Begitu juga beberapa jam yang fana' dari sudut natijah itu boleh bertukar menjadi beberapa jam yang kekal abadi. Bahkan menghabiskan masa selama beberapa tahun di dalam penjara mungkin boleh menjadi wasilah (jalan) untuk terselamat daripada penjara abadi selama jutaan tahun.

Keuntungan besar bagi orang yang beriman adalah bersyarat. Syaratnya ialah mereka hendaklah menunaikan segala perkara yang difardukan ke atas mereka, bertaubat kepada Allah ﷺ daripada segala dosa dan maksiat yang menyebabkan mereka masuk ke dalam penjara serta

bertawajuh (menuju) kepada Allah ﷺ dengan bersyukur kepadaNya dalam keadaan penuh kesabaran dan harapan. Kehidupan di dalam penjara itu sendiri juga menghalangnya daripada banyak melakukan perkara dosa.

### Noktah Kedua

*Sesungguhnya kehilangan kesakitan merupakan satu kenikmatan sebagaimana kehilangan kenikmatan adalah satu kesakitan.*

Ya! Sesiapa yang berfikir mengenai hari-hari bahagia dan kegembiraan yang telah dilaluinya, nescaya jiwanya akan berasa menyesal dan berdukacita, sehingga lidahnya akan mengeluarkan kata-kata penyesalan. Tetapi jika dia berfikir mengenai hari-hari yang dipenuhi dengan bala bencana dan kesusahan, nescaya jiwa dan hatinya akan berasa gembira dan bahagia kerana bala bencana dan kesusahan tersebut sudah tiada lagi sehingga lidahnya akan mengeluarkan kata-kata puji, “*Alhamdulillah dan syukur kepada Allah ﷺ kerana musibah yang telah dialaminya telah meninggalkan pahala baginya, dan menyebabkan dadanya berasa lapang dan tenang*”.

*Ini menunjukkan bahawa kesakitan yang berlaku selama beberapa ketika akan meninggalkan kelazatan maknawi di dalam jiwa, manakala kelazatan sementara yang berlaku selama beberapa ketika pula akan meninggalkan kesakitan maknawi.*

Inilah hakikatnya ... Zaman musibah yang berlalu bersama-sama dengan segala penderitaannya tergolong dalam kategori benda yang tiada (*ma'dum*), begitu juga dengan hari-hari bencana yang masih belum datang ia juga tergolong

dalam kategori benda yang tiada (*ma'dum*) ... Kesakitan tidak berlaku tanpa sebarang sebab ... Kesakitan juga tidak terbit daripada ‘ketiadaan’.

Oleh itu, memperlihatkan sikap keluh-kesah dan ketidaksabarannya sekarang merupakan satu tindakan yang bodoh, iaitu memperlihatkannya ketika kesakitan-kesakitan lampau telah berlalu dan ketika kesakitan yang akan datang belum tiba lagi masanya, kerana semuanya dianggap berada dalam kategori benda yang tiada (*ma'dum*). Adalah suatu tindakan yang bodoh juga menzahirkan pengaduhan kepada Allah ﷺ dan membiarkan sahaja nafsu yang sentiasa menyuruh melakukan kejahanatan daripada dimuhasabah, malah menghabiskan masanya dengan menyesal dan mengeluh. Bukankah orang ini lebih bodoh daripada seseorang yang makan dan minum sepanjang hari kerana bimbang akan kelaparan dan kehausan selepas beberapa hari?

Ya! Sesungguhnya jika seseorang manusia tidak membazirkan kekuatan kesabarannya ke kiri dan ke kanan iaitu kepada zaman lampau dan masa hadapannya, tetapi hanya menghalakannya kepada hari semasanya sahaja, maka kekuatan kesabarannya itu sudah mencukupi bagi menyelesaikan segala gunung kesempitan yang sedang dihadapinya.

Saya teringat kepada apa yang saya hadapi ketika menuntut di *Madrasah Yusufiyyah* yang ketiga.<sup>14</sup> Saya

---

<sup>14</sup> Ustaz Bediuzzaman menamakan penjara sebagai *Madrasah Yusufiyyah*, kerana Nabi Yusuf a.s. dihantar ke penjara dan mempelajari pelbagai perkara. Maka, sebagai mengikuti jejak Nabi Yusuf a.s., Ustaz Bediuzzaman mengumpamakan penjara itu seperti satu institusi pendidikan dan tarbiyah.

menyebutnya bukan untuk tujuan mengadu dan mengeluh terhadap apa yang saya hadapi. Dalam tempoh beberapa hari sahaja, saya mengalami banyak kesukaran yang berbentuk fizikal dan maknawi yang tidak pernah saya lihat sepanjang hidup saya, terutamanya ketika saya tidak berkesempatan untuk memberikan khidmat kepada *Risale-i Nur* disebabkan penyakit yang saya alami. Ketika itu, hati dan jiwa saya berasa tertekan dan kesal, pertolongan Ilahi mengingatkan saya kepada hakikat tersebut. Lalu dada saya berasa lapang seolah-olah segala kesempitan yang saya lalui sebelum ini hilang. Saya rela dipenjara walaupun terpaksa menanggung segala kesakitan dan kepayahan. Orang seperti saya yang sedang berada di ambang maut, sudah pasti akan memperoleh suatu keuntungan yang besar jika satu jam daripada jam kehidupan yang dilalui dengan penuh kealpaan, sebaliknya ia bertukar menjadi sepuluh jam ibadat ... Lalu saya bersyukur kepada Allah ﷺ.

### Noktah Ketiga

Memberikan bantuan kepada para banduan dengan penuh perasaan kasih sayang, serta memenuhi segala keperluan mereka dan membalut luka maknawi mereka dengan ubat dan takziah yang menghiburkan, meskipun kelihatan sebagai satu tindakan yang kecil namun ia mengandungi pahala dan balasan ganjaran yang besar. Menyerahkan segala makanan yang dikirim kepada mereka dari luar adalah sama seperti melakukan sedekah dan perbuatan tersebut ditulis dalam buku rekod amal kebaikan setiap orang yang melakukannya, sama

---

*Madrasah Yusufiyah* yang ketiga di sini merujuk kepada Penjara Afyon yang dimasuki beliau bersama murid-muridnya pada tahun 1948.

ada mereka adalah orang yang membawa datang dari luar, atau penjaga, atau pengawas yang membantu mereka. Terutamanya jika yang terpenjara itu adalah seorang yang sudah tua, atau sakit, atau seorang musafir, atau seorang yang miskin, maka balasan pahalanya akan berlipat kali ganda lagi.

Namun keuntungan yang besar itu adalah bersyarat, iaitu menunaikan segala sembahyang fardu agar perkhidmatan yang diberikan itu dilakukan kerana Allah ﷺ semata-mata ... Di samping itu, disyaratkan juga melakukan sesuatu dengan penuh perasaan belas kasihan dan rahmat serta kasih sayang, tanpa mengharapkan sebarang balasan atau menjadikan orang yang menerimanya berasa terhutang budi.



## Surat 2

*Dengan Nama Allah Yang Maha Suci*

*“...dan tiada sesuatu pun melainkan  
bertasbih dengan memujiNya..”<sup>15</sup>*

*Assalamu alaikum warahmatullahi  
wabarakatuhu selama-lamanya.*

Wahai saudara-saudaraku seagama dan rakan-rakanku sepenjara!

Terlintas di fikiran saya untuk menjelaskan kepada kamu tentang satu hakikat yang penting. Dengan izin Allah ﷺ, hakikat ini akan menyelamatkan kamu daripada azab di dunia dan di akhirat. Saya akan menjelaskannya melalui satu perumpama-an:

Misalnya; seorang lelaki telah membunuh saudara atau salah seorang kerabat seorang lelaki lain. Pembunuhan yang terbit daripada perasaan balas dendam yang membuat-buat ini hanya mengambil masa tidak lebih daripada satu minit sahaja. Namun ia mengakibatkan jutaan minit kesempitan hati dan kesusahan penjara. Dalam masa yang sama, keluarga mangsa juga sentiasa berada dalam kegelisahan dan menanti-nanti peluang untuk membala dendam setiap kali mereka berfikir tentang si pembunuh atau melihat keluarganya.

---

<sup>15</sup> Al-Israa’, 44

Hidup mereka hilang kemanisan dan kebahagiaan lantaran azab ketakutan, kegelisahan, kemarahan, dan perasaan dengki yang mereka hadapi.

Tiada ubat dan rawatan bagi perkara ini melainkan perdamaian. Inilah yang diperintahkan oleh al-Quran dan diserukan oleh kebenaran dan hakikat. Ia mengandungi kemaslahatan bagi kedua-dua belah pihak dan ia dituntut oleh sifat kemanusiaan itu sendiri serta digesa oleh Islam.

*Ya, kemaslahatan sebenar terdapat pada perdamaian. Kerana ajal hanya satu, tidak akan berubah. Mangsa yang terbunuh itu tetap akan mati jika ajalnya telah tiba. Manakala si pembunuh pula hanya menjadi wasilah (alat) kepada pelaksanaan ketetapan Ilahi. Jika tidak ada perdamaian di antara kedua-dua belah pihak, mereka akan terus hidup dalam keadaan ketakutan dan perasaan ingin membela dendam dalam suatu tempoh yang lama. Oleh itu, Islam memerintahkan agar seseorang muslim tidak memutuskan hubungan dengan saudara seIslamnya dengan tidak menegurnya lebih daripada tiga hari. Jika pembunuhan itu bukan berpunca daripada permusuhan yang lama atau perasaan hasad dengki yang tersembunyi, malahan ia disebabkan oleh api fitnah yang dinyalakan oleh seorang munafiq, maka perdamaian lebih-lebih dituntut untuk berlaku dengan segera. Ini kerana jika perdamaian tidak segera dicapai, musibah itu akan bertambah besar dan berkekalan. Manakala jika kedua-dua belah pihak mencapai perdamaian, si pembunuh juga telah bertaubat daripada dosanya bahkan sentiasa mendoakan kesejahteraan bagi mangsanya, maka kedua-dua belah pihak akan memperoleh banyak kebaikan dan kasih sayang serta kemesraan akan tersemai di antara*

mereka. Kemaafan diberikan kepada musuh dan ini akan menyebabkan mereka yang memaafkan akan memperoleh ramai saudara yang bertaqwah dan baik sebagai ganti daripada hanya seorang saudara yang telah meninggalkan mereka. Dengan itu, kedua-dua belah pihak juga berserah kepada ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah ﷺ. Ini amat dituntut daripada mereka yang sentiasa mengikuti pengajaran Risale-i Nur. Mereka diseru agar meninggalkan segala perkara yang boleh menjelaskan hubungan di antara dua orang. Ini kerana persaudaraan yang mengikat mereka dalam rangka cahaya Ilahi dan kepentingan umum serta kelapangan fikiran dan kesejahteraan dada yang dituntut oleh iman, semuanya menuntut agar segala perselisihan dibuang dan diganti dengan keserasian dan kesepakatan.

Ini telah benar-benar berlaku di antara dua kumpulan banduan yang saling memusuhi ketika berada di dalam penjara Denizli. Tetapi dengan rahmat Allah ﷺ, mereka menjadi saudara yang berkasih sayang setelah mereka menerima beberapa pelajaran daripada Risale-i Nur. Bahkan mereka menjadi salah satu sebab pembebasan kami, hingga golongan kufur dan mungkar dari kalangan manusia hanya mampu untuk berkata secara terpaksa: “*MasyaAllah ... BarakaAllah! ...*” Dengan demikian, dada seluruh banduan menjadi lapang dan bernafas lega dengan rahmat daripada Allah. Di sini, saya melihat betapa kezaliman yang diperlakukan kepada para banduan, sehingga seratus orang daripada mereka mendapat kesusahan apabila hanya seorang sahaja dari kalangan mereka yang melakukan kesalahan, sehingga mereka yang berada dalam kumpulannya tidak berani keluar ke halaman penjara pada waktu-waktu rehat.

Ketahuilah bahawa seorang mukmin yang kuat keimanannya tidak akan sanggup melihat seorang mukmin lain disakiti, apatah lagi jika dia menjadi sebab kepada kesakitan saudara mukminnya demi mencapai kemanfaatan dirinya sendiri. Oleh itu, seseorang mukmin hendaklah segera bertaubat dan kembali kepada Allah ﷺ setiap kali dia merasa bersalah atau menyebabkan seorang mukmin lain mendapat kesusahan.



## Surat 3

*Dengan Nama Allah Yang Maha Suci*

*“... dan tiada sesuatu pun melainkan  
bertasbih dengan memujiNya..”<sup>16</sup>*

*Assalamu alaikum warahmatullahi  
wabarakatuhu selama-lamanya.*

Saudara-saudaraku sepenjara yang mulia, sama ada yang baru atau lama!

Saya merasa amat yakin bahawa pertolongan Ilahi telah mencampakkan kami ke sini demi kamu semua. Kedatangan kami ke sini hanyalah untuk menyebarluaskan hiburan dan keselesaan yang dikandung oleh Risale-i Nur kepada kamu semua dan meringankan kesempitan penjara daripada kamu dengan hakikat-hakikat keimanan. Ianya juga untuk memelihara kamu daripada kebanyakan bala bencana dan kesusahan dunia dan menyelamatkan kehidupan kamu yang dipenuhi dengan pelbagai kedukacitaan dan kegelisahan akibat melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah serta menyelamatkan akhirat kamu daripada menjadi seperti dunia kamu yang ditangisi dan menjadi sumber dukacita.

Oleh kerana inilah hakikatnya, maka kamu mestilah menjadi saudara yang berkasih sayang sepertimana para

---

<sup>16</sup> Al-Israa’, 44


penuntut Risale-i Nur dan seperti mereka yang pernah bersama kami di dalam penjara Denizli.

Kamu semua melihat bagaimana kesukaran yang dihadapi oleh para pengawal yang mengambil berat untuk memberikan perkhidmatan kepada kamu. Mereka menghadapi pelbagai kesukaran untuk melakukan pemeriksaan, bahkan mereka terpaksa memeriksa makanan kamu agar tidak terdapat alat yang tajam agar tidak berlaku perkara tidak diingini di kalangan kamu, seolah-olah kamu adalah seperti binatang buas yang akan menerkam di antara satu sama lain. Di samping itu, kamu juga tidak berpeluang untuk bersiar-siar dan berehat kerana bimbangkan berlakunya peperangan di antara kamu.

Hendaklah kamu berkata kepada banduan yang baru masuk, yang turut mempunyai semangat kepahlawanan seperti kamu dan kepada pihak yang berkuasa, hendaklah kamu berkata kepada mereka dengan kepahlawanan maknawi yang ada pada diri kamu:

*“Bukan senjata ringan yang tajam sahaja, bahkan jika kamu menyerahkan kepada kami senjata api, maka kami tetap tidak akan bertindak ganas terhadap sahabat dan kekasih kami yang sama-sama mendapat musibah bersama-sama kami, meskipun terdapat permusuhan lama antara kami. Kami telah memaafkan mereka semuanya. Kami akan berusaha bersungguh-sungguh agar kami tidak melukai dan menghancurkan perasaan mereka. Inilah keputusan yang telah kami ambil berdasarkan panduan al-Quran dan saranan saudara-saudara se-Islam kami, ukhuwwah dan juga berdasarkan kepentingan kita bersama”.*

Dengan demikian, kamu akan menukar penjara ini kepada sebuah madrasah yang diberkati.



# Satu Perkara Penting Yang Terlintas Pada Malam Lailatul Qadar

[Penghujung Maqam Kedua daripada Kalimah Ketiga Belas]

Ini adalah satu hakikat yang amat luas dan panjang, ia terlintas dalam hati pada malam Lailatul Qadar. Kita akan cuba untuk menjelaskannya secara ringkas sebagaimana berikut:

**Pertama:** Manusia telah menghadapi pelbagai jenis kecelakan akibat Perang Dunia yang berlaku. Manusia menyaksikan kezaliman, kemaharajaleaan dan penguasaan yang tidak terbatas, di samping kemusnahan yang menggerunkan di seluruh pelusuk dunia. Ratusan orang memperoleh bala bencana yang diakibatkan oleh seorang individu sahaja. Orang-orang yang lemah pula jatuh ke lembah kecelakaan yang amat pahit. Bahkan orang-orang yang berkuasa juga turut berada dalam azab maknawi yang pedih kerana mereka tidak mampu membaiki semula kemasuhan dahsyat yang mereka lakukan serta kebimbangan mereka terhadap ketidakmampuan mereka untuk mengekalkan kekuasaan. Dengan ini, kelihatan dengan amat jelas bagi manusia bahawa kehidupan dunia ini pasti akan musnah.

Hiasan tamadun pula hanya tipuan memabukkan dan

sedikitpun tidak mendatangkan faedah. Kemanusiaan terconteng dengan darah tusukan kuat yang dihalakan kepada diri kemanusiaan dan kesediaannya untuk meningkat ke alam fitrah yang lebih tinggi ... Jelas terpampang juga kehancuran yang dialami oleh kealpaan, kesesatan dan sifat semulajadi yang beku dan tuli kerana terkena hentakan pedang permata al-Quran ... Gambaran sebenar politik antarabangsa yang hodoh dan penuh tipu daya itu juga terdedah. Ia merupakan dinding paling luas dan keras yang digunakan bagi melalai dan menyesatkan manusia serta menipu jiwa mereka.

Setelah semua hakikat ini jelas terpampang, maka sudah tentu fitrah manusia akan mencari cintanya yang hakiki iaitu kehidupan yang kekal abadi. Manusia akan berusaha untuk mencapainya dengan segala kekuatan yang dimiliki. Fitrah manusia telah mula kelihatan sedar dan telah mula kelihatan tanda-tandanya di sebelah Utara dan Barat, bahkan di Amerika. Fitrah manusia akan tahu dengan sebenarnya bahawa kehidupan dunia yang dicintainya itu adalah suatu yang hodoh, cacat, akan binasa dan akan hilang.

Sudah pasti fitrah manusia itu akan mencari al-Quran al-Karim yang mempunyai 350 juta para amilin dan penuntut semenjak 1360 tahun lalu ... Setiap hukum dan dakwaan yang terdapat di dalamnya disahkan benar oleh jutaan ahli hakikat ... Kedudukannya yang suci juga tetap terpelihara di dalam hati jutaan para hafiz setiap minit ... Ia (al-Quran) memberikan petunjuk kepada kemanusiaan melalui lidah-lidah mereka (para hafiz) ... Ia (al-Quran) membawa khabar gembira tentang kehidupan dan kebahagiaan yang kekal abadi dengan uslubnya yang penuh mukjizat. Ia membalut luka-luka parah yang dialami manusia, bahkan ia membawa khabar gembira kepada manusia melalui ribuan ayat-ayatnya

yang kuat dan berulang-ulang. Kadang-kadang ia mengkhabarkan secara terang-terangan dan kadang-kadang secara sepintas lalu sebanyak puluhan ribu kali, dengan mengemukakan dalil, bukti dan hujjah yang pasti, jelas dan kukuh.

Jika manusia masih belum kehilangan kewarasannya, dan mereka masih belum dipengaruhi secara menyeluruh oleh material, maka sudah pasti ia akan mencari al-Quran yang penerangannya penuh dengan mukjizat sebagaimana berlaku di seluruh benua dan di beberapa negara besar di dunia ini. Ia telah benar-benar berlaku di Sweden, Norway dan Finland. al-Quran juga telah mula diterima beberapa orang tokoh terkenal dari England. Ia juga turut dikaji oleh sebuah badan yang berpengaruh di Amerika yang mencari agama yang benar ... Mereka pasti akan menemui dan memahami hakikat al-Quran dan akan berpegang teguh dengannya serta mengerumuninya dengan mempertaruhkan seluruh jiwa raga mereka. Ini kerana tidak ada dan tidak akan ada sesuatu yang setara dengan al-Quran bagi menangani hakikat ini. Tidak akan ada sesuatu lain yang dapat mengambil tempat al-Quran kerana ianya adalah mukjizat yang sangat besar.

**Kedua:** Risale-i Nur telah memperlihatkan khidmat yang diberikannya kepada mukjizat yang agung ini umpama pedang permata yang amat tajam, sehingga ia menundukkan para musuhnya yang degil dan memaksa mereka menyerah kalah. Ia (Risale-i Nur) melaksanakan tugasnya sebagai mukjizat kepada makna-makna khazanah al-Quran yang mukjizat itu sehingga mampu menyinarkan cahaya ke dalam hati, jiwa dan perasaan. Ia memberikan rawatan yang menyembuhkan. Ini bukanlah satu perkara yang pelik kerana

ia (*Risale-i Nur*) adalah penyeru kepada al-Quran dan hanya memperoleh bekalan dan merujuk hanya kepada al-Quran semata-mata.

Ketika *Risale-i Nur* menjalankan tugasnya ini, dalam masa yang sama, ia turut mengalahkan segala propaganda zalim yang dibuat oleh musuh-musuhnya. Ia juga turut menghapuskan kekufturan yang paling degil, menggagarkan kubu kesesatan paling utuh yang dijadikan sebagai tempat berlindung. Ia juga turut menghapuskan kealpaan dan menampilkkan cahaya tauhid ke dalam bidang ilmu moden yang paling luas. Ia juga menghapuskan kegelapan yang paling pekat dengan “*Perkara Keenam*” daripada “*Risalah al-Thamarah*” menggunakan hujah yang pertama, kedua dan ketiga ... dan hujjah yang ‘Kelapan’ daripada “*Risalah Tongkat Musa*”.

Dari sini, pastinya perlu bagi kita, dan terlebih perlu bagi seluruh ummat, agar para penuntut *Risale-i Nur* membuka madrasah-madrasah kecil di segenap tempat menurut kemampuan yang ada setelah kerajaan memberikan kebenaran pada masa sekarang untuk menubuhkan sekolah-sekolah khusus bagi mengajar perkara-perkara berkaitan dengan agama.<sup>17</sup>

Ya, memang benar, setiap orang yang membaca *Risale-i Nur* mampu mengambil sesuatu faedah untuk dirinya, tetapi dia tidak mampu untuk menguasai seluruh permasalahan yang terdapat di dalamnya. Ini adalah kerana *Risale-i Nur* merupakan penjelas kepada hakikat iman. Ia adalah pelajaran-pelajaran ilmiah, makrifat Ilahi, ketenangan hati

---

<sup>17</sup> Semua sekolah agama di Turki diharamkan semenjak awal tahun 1920 hingga 1950. - (Penterjemah)

*dan dalam masa yang sama ia adalah ibadat kepada Allah ﷺ.*

Pelajaran-pelajaran yang diperoleh di madrasah-madrasah lama dalam masa lima atau sepuluh tahun mungkin boleh diperoleh hanya dalam tempoh lima atau sepuluh minggu sahaja di *Madrasah Nuriyyah* dengan izin Allah ﷺ. Bahkan hasil tersebut telah terjamin diperoleh sepanjang dua puluh tahun yang telah lalu, Alhamdulillah. Ini kerana Risale-i Nur menyeru kepada al-Quran dan yang merupakan kilatan cahayanya yang menyinar amat memberikan faedah dan manfaat bagi kehidupan rakyat dan keamanan negara, bahkan dalam bidang politik lebih-lebih lagi bagi kehidupan di akhirat. Oleh itu, amat perlu bagi setiap negara dan kerajaan agar tidak mengenakan sekatan, bahkan ia hendaklah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyebarkan Risale-i Nur dan menggalakkan orang ramai untuk membacanya ... Agar dapat menjadi penghapus terhadap kesalahan-kesalahan besar yang dilakukannya dahulu dan menjadi benteng kepada bencana, musibah, huru hara dan keganasan yang akan berlaku nanti.



# Iman Adalah Hiburan

[Harapan Ketujuh daripada *Al-Lam'aat*, Sinaran Kedua Puluh Enam]

Ketika kegembiraan dan senyuman *Sa'id Lama* bertukar menjadi tangisan dan esakan *Sa'id Baru*<sup>18</sup> yang berlaku pada permulaan ketuaan saya, sebilangan masyarakat duniawi di Ankara mengundang saya agar datang ke sana kerana mereka menyangka saya masih lagi sebagai *Sa'id Lama*, lalu saya menerima undangan mereka.

Pada suatu hari, iaitu pada hari-hari terakhir musim luruh, saya mendaki ke kemuncak kota Ankara yang lebih tua dan berumur daripada diri saya sendiri. Lalu saya menggambarkan kota yang tersergam di hadapan saya itu sebagai peristiwa-peristiwa sejarah yang membantu. Saya diselubungi oleh kedukacitaan dan kesedihan yang mendalam terhadap zaman yang sudah tua pada musim luruh ini, juga terhadap kota ini yang sudah terlalu berumur, terhadap kemanusiaan serta Daulah ‘Uthmaniyyah yang sudah tua, terhadap kematian kerajaan khilafah, serta dunia ini yang sudah lanjut usia. Keadaan tersebut memaksa saya ketika

---

<sup>18</sup> Ustaz Bediuzzaman Said Nursi menggelarkan dirinya sebagai *Sa'id Lama* sebelum beliau mula menulis *Risale-i Nur*, manakala selepas itu beliau menggelarkan dirinya sebagai *Sa'id Baru*. - (Penterjemah)

berada di kemuncak kota Ankara yang tinggi itu untuk melihat kepada perlembahan masa silam dan kemuncak masa depan. Saya mencari-cari cahaya, pengharapan dan hiburan yang boleh menyinarkan kegelapan pekat yang saya rasakan telah menyelubungi roh saya di sana yang tenggelam di dalam kegelapan malam yang sudah tua dan berada di mana-mana.<sup>19</sup>

Ketika saya memandang ke sebelah kanan yang merupakan zaman yang telah berlalu, bagi mencari cahaya dan pengharapan, dari jauh kelihatan tanah perkuburan besar bagi ayah, datuk nenek dan manusia keseluruhannya. Pandangan ini tidak menghiburkan dan menggembirakan saya, sebaliknya menjadikan saya merasa takut.

Kemudian saya memandang ke sebelah kiri yang merupakan zaman masa depan bagi mencari ubat dan penawar. Lalu kelihatan juga sebuah tanah perkuburan besar yang gelap bagi saya, orang-orang yang seperti saya dan generasi-generasi akan datang. Pandangan ini tidak menggembirakan saya sebaliknya menjadikan saya bingung.

Kemudian saya melihat kepada zaman semasa saya setelah hati saya dipenuhi dengan kesunyian di sebelah kanan dan kiri. Lalu kelihatanlah hari tersebut pada pandangan saya yang kepenatan dan penuh sejarah seperti keranda jenazah yang membawa badan saya yang sedang bergoncang antara hidup dan mati dan seperti sedang disembelih.

---

<sup>19</sup> Keadaan rohani seperti ini telah berlaku dalam bentuk munajat kepada hati dalam bahasa Parsi, lalu saya menulisnya sebagaimana ia datang, kemudian ia dicetak bersama-sama dengan *Risalah 'Habab'* di Ankara. - Bediuzzaman Said Nursi

Setelah kecewa terhadap sudut ini juga, saya mengangkat kepala melihat pokok umur saya. Lalu saya ternampak di atas pokok tersebut terdapat sebiji buah sahaja. Buah tersebut sedang melihat kepada saya. Ia adalah jenazah saya. Lalu saya menundukkan kepala melihat kepada akar pokok umur saya, lalu saya ternampak tanah yang berada di situ ialah tulang saya yang telah hancur dan tanah yang menjadi permulaan penciptaan saya yang telah bercampur baur di antara satu sama lain. Kedua-duanya hanya dipijak-pijak. Malah saya menjadi bertambah sakit, bukannya bertambah sihat walaupun setelah diberikan ubat penawar.

Kemudian dalam keadaan keberatan, saya memalingkan pandangan pula ke arah belakang. Lalu saya ternampak dunia yang fana' dan binasa ini sedang bergulung-gulung di dalam lembah kesia-siaan dan sedang menjunam ke dalam kegelapan kebinasaan. Lalu pandangan ini mencurahkan racun ke atas luka-luka yang saya alami, bukan memberikannya ubat dan penawar yang menyembuhkan.

Saya tidak menjumpai pada semua arah tersebut sebarang kebaikan dan pengharapan. Lalu saya memalingkan pandangan saya ke arah hadapan dan merenung jauh ke sana. Lalu saya ternampak kubur sedang menunggu saya di persimpangan jalan, sedang mengangakan mulutnya dengan luas dan merenung tajam ke arah saya. Di belakangnya terdapat jalan yang amat panjang. Ketika berhadapan dengan musibah-musibah dahsyat yang datang dari keenam-enam penjuru ini, saya tidak mempunyai sebarang tempat sandaran dan tidak mempunyai sebarang senjata yang boleh mempertahankan diri saya kecuali sebahagian daripada kehendak saya yang kecil itu. Ketika berhadapan dengan para musuh yang tidak terkira dan segala benda memudaratkan

yang tidak terbatas itu, saya tidak mempunyai apa-apa melainkan satu-satunya senjata kemanusiaan iaitu senjata usaha dan ikhtiar yang sangat kecil. Tetapi oleh kerana senjata ini hanyalah senjata yang tidak sempurna dan lemah, tidak mempunyai kekuatan untuk mewujudkan sesuatu, yang ada hanyalah usaha, kerana ia tidak mampu untuk pergi ke zaman lampau lalu menghilangkan kedukacitaan, dan ia juga tidak mampu untuk pergi ke zaman hadapan lalu menghalang segala kebimbangan dan ketakutan yang akan berlaku, maka saya yakin bahawa ia juga tidak memberikan faedah terhadap kesakitan dan pengharapan masa lalu dan masa hadapan yang menyelubungi saya.

Sedang saya merasa serba salah berhadapan dengan keenam-enam penjuru itu, saya didatangi oleh pelbagai rasa kesunyian, keseorangan, kedahsyatan, kekecewaan dan kegelapan. *Sekonyong-konyong datang cahaya keimanan yang bergemerlap di hadapan al-Quran yang penuh mukjizat.* Ia menghulurkan kepada saya cahaya-cahaya yang terang dan bersinar yang walaupun pelbagai jenis kesunyian dan kegelapan yang saya hadapi itu berlipat ganda seratus kali pun, maka cahaya tersebut sudah mencukupi bagi menghilangkannya.

Lalu cahaya tersebut menukar segala kesunyian yang panjang itu kepada kegembiraan dan pengharapan. Ia menukarkan satu demi satu ketakutan dan kebimbangan kepada kejinakan hati dan pengharapan roh.

- ✿ **Iman** telah mencarikkan segala gambaran menakutkan bagi masa lalu yang seperti tanah perkuburan besar lalu menukarnya kepada satu majlis bercahaya yang menyenangkan dan menjadi seperti pertemuan

para sahabat. Keadaan tersebut kelihatan secara ‘ain al-yaqin dan haqq al-yaqin ...

- ✿ Kemudian **iman** juga turut memperlihatkan dengan ‘ilm al-yaqin bahawa masa hadapan yang kelihatan melalui pandangan kelalaian seperti sebuah tanah perkuburan yang besar dan luas, tidak lain dan tidak bukan hanyalah merupakan majlis sambutan Rahmani yang diadakan di istana kebahagiaan yang kekal abadi.
- ✿ **Iman** juga telah menghancurkan gambaran keranda dan jenazah bagi masa sekarang pada pandangan kelalaian. Ia memperlihatkan kepada saya bahawa zaman sekarang hanyalah tempat perdagangan akhirat dan tempat sambutan Ilahi yang amat menarik.
- ✿ **Iman** juga memperlihatkan dengan ‘ilm al-yaqin bahawa satu-satunya buah yang kelihatan melalui pandangan kelalaian di atas pokok umur dalam bentuk keranda dan jenazah, ia tidak lagi wujud dalam gambaran sedemikian. Tetapi ia adalah langkah permulaan bagi roh saya yang layak untuk hidup abadi dan mendapat kebahagiaan yang berkekalan daripada sarangnya menuju kepada ufuk bintang bagi bersiar-siar dan melancong.
- ✿ **Iman** juga menerangkan dengan rahsia-rahsianya, bahawa tulang belulang saya yang telah hancur itu dan tanah permulaan penciptaan saya bukanlah tulang yang hina dan binasa serta dipijak-pijak dengan kaki sahaja, tetapi ia adalah tanah yang menjadi pintu kerahmatan dan langsir kepada

khemah besar syurga.

- ❖ Dengan rahsia al-Quran, **iman** juga memperlihatkan kepada saya bahawa hal ehwal dan keadaan dunia yang sedang runtuh di dalam kegelapan ketiadaan pada pandangan kelalaian sebenarnya tidak jatuh ke dalam lembah ketiadaan, sebagaimana disangkakan pada permulaannya, bahkan ia adalah sejenis risalah Rabbani dan tulisan kudus Ilahi yang telah menyempurnakan segala tugasnya, merealisasikan segala pengertiannya dan meninggalkan hasil di alam nyata ini. Dengan demikian keimanan memberitahu saya tentang hakikat dunia dengan '*ilm al-yaqin*'.
- ❖ Dengan cahaya al-Quran, **iman** menjelaskan kepada saya bahawa perkuburan yang sedang merenung tajam kepada saya bukanlah sebuah perigi yang sedang mengangakan mulutnya, tetapi ia adalah pintu bagi sebuah alam cahaya. Ia juga menjelaskan bahawa jalan yang membawa kepada keabadian bukanlah jalan yang terbentang dan berakhir dengan kegelapan dan ketiadaan, tetapi ia adalah jalan yang lurus ke arah alam cahaya, alam kewujudan dan alam kebahagiaan yang kekal abadi ... Dengan demikian, keadaan tersebut dengan jelasnya dan yakin menjadi ubat dan penawar kepada penyakit saya.
- ❖ **Iman** yang mengurniakan secebis ikhtiar melalui usaha yang amat sedikit itu memberikan satu dokumen yang bersandar kepada kekuatan mutlak. Ia juga bersandar kepada kerahmatan Ilahi yang maha luas bagi menentang pihak musuh dan kegelapan yang menyelubungi, bahkan keimanan itu sendiri

menjadi dokumen di tangan sudut ikhtiar pada diri manusia. Kemudian, dengan rahsia iman, dari sudut ikhtiar yang merupakan senjata manusia, meskipun ia adalah lemah dan tidak berkuasa, tetapi jika ia digunakan dengan nama Allah ﷺ, dan jika ia dikorbankan keranaNya semata-mata, maka ia mungkin menjadikan seseorang boleh mencapai syurga yang abadi selama 500 tahun. Perumpamaan seorang mukmin dalam hal ini samalah seperti seorang tentera yang menggunakan sedikit kekuatannya dengan nama negara, yang memudahkannya untuk melakukan banyak tugas yang memerlukan kekuatan ribuan kali ganda lebih tinggi daripada kekuatan peribadinya.

- ✿ **Iman** juga mengurniakan sedikit ikhtiar kita itu satu dokumen yang merampas pengemudiannya daripada genggaman jasad yang tidak mampu untuk menembusi zaman lampau dan tidak juga zaman akan datang, lalu menyerahkannya kepada hati dan roh. Oleh kerana lingkungan kehidupan roh dan hati yang tidak terbatas hanya pada zaman sekarang sahaja sebagaimana halnya jasad, juga kerana masuknya beberapa tahun daripada zaman dahulu dan beberapa tahun umpamanya daripada zaman akan datang dalam lingkungan kehidupan roh dan hati, maka sedikit bahagian ikhtiar yang dimiliki manusia itu bertukar sehingga mempunyai sifat menyeluruh. Dengan kekuatan iman, sedikit bahagian ikhtiar itu dapat memasuki hingga ke bahagian lembah masa lampau yang paling dalam bagi menghancurkan kegelapan kedukacitaan. Begitu juga ia dapat

menerawang dengan cahaya iman hingga ke puncak masa depan yang paling tinggi bagi menghilangkan segala kebimbangan dan ketakutan.

*Wahai saudara-saudaraku yang sudah tua, lelaki dan perempuan! Wahai kalian yang merasa sakit dan kepenatan kerana umur yang lanjut sepertiku!*

Selagimana kita tergolong daripada ahli iman, alhamdulillah, sedangkan di dalam iman terdapat khazanah manis, bercahaya, lazat dan amat disukai, dan selagimana umur kita yang lanjut masih mendorong kita untuk menimba daripada khazanah ini, maka tidak sepatutnya kita mengadu dan merasa tidak senang dengan umur yang lanjut. *Bahkan kita perlu sentiasa mengucapkan ribuan kesyukuran kepada Allah ﷺ dan memujiNya di atas umur lanjut kita yang disinari dengan keimanan.*



# Kebangkitan Hati

[Harapan Ketujuh daripada *al-Lam'aat*, Sinaran Kedua Puluh Enam]

Ketika umur saya semakin meningkat serta peristiwa-peristiwa Perang Dunia Pertama yang memberi kesan mendalam yang ditinggalkan oleh penawanan oleh pihak Rusia terhadap hidup saya, mendalamkan lagi kelalaian zaman muda saya. Ini diikuti dengan sambutan besar-besaran yang diberikan sama ada oleh khalifah atau Shaykh al-Islam, atau pemerintah tertinggi atau oleh para penuntut madrasah ketika saya pulang dari tawanan ke Istanbul. Sambutan besar-besaran yang diberikan itu adalah lebih daripada kelayakan saya untuk menerimanya ... Semua situasi tersebut melahirkan satu keadaan roh seperti kemabukan dan kelalaian zaman remaja. Ia menyebabkan saya lebih lalai sehingga saya menyangka bahawa dunia ini adalah kekal abadi. Saya melihat diri saya amat terikat dan bergelumang dengan dunia dalam keadaan yang amat menakjubkan, seolah-olah saya tidak akan mati.

Pada waktu itu, saya pergi ke Masjid Bayazid di Istanbul pada bulan Ramadan untuk mendengar bacaan al-Quran daripada para penghafaz al-Quran yang ikhlas. Saya mendengar mukjizat yang diisyiharkan oleh al-Quran dengan penuh kekuatan daripada lidah para penghafaz tersebut. Saya terdengar ayat-ayat *samawi* (langit) yang maha tinggi

berkenaan kematian dan kemasuhan manusia serta kewafatan setiap yang bernyawa. Ayat tersebut ialah:

كل نفس ذائقه الموت

*“Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati”.*

(ali ‘Imran: 185)

Perisytiharan yang bergema itu menembusi gegendang telinga saya lalu mencarik dan mengoyakkan lapisan-lapisan ketiduran, kelalaian dan kemabukan yang tebal sehingga bertapak kukuh di dalam sudut penjuru hati saya yang paling dalam.

Kemudian saya keluar dari masjid tersebut. Dalam tempoh beberapa hari, saya dapati kepala saya seperti ditimpa angin puting beliung lantaran kesan daripada kelalaian mendalam yang telah menyelubungi diri saya sejak sekian lama. Saya melihat diri saya seperti sebuah kapal besar yang sesat di tengah-tengah lautan yang bergelora dan tidak tahu ke mana hendak dituju kerana kehilangan arah. Diri saya umpama terumbang ambing dengan api yang mempunyai asap yang tebal ... Setiap kali saya melihat ke arah cermin, beberapa helai rambut saya yang telah memutih itu berkata kepada saya: “Awaslah!!!”

Ya, segalanya menjadi jelas kepada saya setelah beberapa helai rambut putih pula kelihatan di atas kepala saya dan sekaligus mengingatkan saya. Saya melihat bahawa zaman muda yang selalu menakjubkan saya itu, bahkan saya selalu tertipu dengannya berkata kepada saya: “*Selamat tinggal!*” Kehidupan dunia yang amat saya kasihkan itu juga mula terpadam sedikit demi sedikit. Dunia yang dulunya

menjadi tempat pergantungan saya, bahkan yang amat saya rindui itu berkata kepada saya: “*Selamat tinggal! Selamat tinggal!*” Ini semua menyebabkan saya merasa bahawa saya akan meninggalkan dunia ini dalam sedikit masa lagi. Saya melihat dunia juga berkata kepada saya: “Selamat tinggal! Bersedia lah untuk berangkat.” Hati saya juga terbuka dan terdedah kepada pengertian menyeluruh firman Allah ﷺ:

**كل نفس ذائقه الموت**

“*Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati*”.

(ali ‘Imran: 185)

Pengertian menyeluruh ayat ini ialah:

*Seluruh manusia adalah seperti jiwa yang satu. Ia pasti akan mati untuk diutuskan semula nanti. Muka bumi ini juga adalah ibarat satu jiwa yang akan mati dan akan ditimpa kemusnahan agar ia akhirnya boleh mengambil sifat kekal dan abadi. Oleh itu dunia ini adalah satu lagi jiwa dan ia akan mati untuk ia mengambil bentuk yang lain pula selepas itu, iaitu bentuk akhirat.*

Kemudian saya terfikir tentang keadaan saya ketika ini, saya melihat bahawa zaman muda yang menjadi paksi kepada segala kelazatan dan kenikmatan, pasti akan hilang dan meninggalkan tempatnya. Lalu digantikan oleh zaman tua yang menjadi punca kedukacitaan. Begitu juga dengan kehidupan yang bersinar dan indah ini sedang bersiap sedia untuk berangkat, manakala kematian yang gelap dan menakutkan pula sedang bersiap sedia untuk mengambil tempatnya.

Saya juga melihat dunia yang disukai, disayangi, manis

dan disangkakan kekal oleh mereka yang alpa sedang berlari kencang ke arah kemusnahan agar saya terus tenggelam di dalam kelalaian dan untuk terus menipu diri sendiri. Ianya juga agar saya memalingkan pandangan ke arah kedudukan sosial saya yang tinggi, yang saya perolehi di Istanbul melalui sambutan, penghormatan, penerimaan dan kekaguman. Kedudukan itu telah memperdayakan saya, walaupun pada hakikatnya, kedudukan itu adalah lebih tinggi daripada kelayakan sebenar saya. Saya melihat kesemuanya tidak menemani saya kecuali hanyalah sampai ke pintu kubur sahaja. Sampai di situ, semuanya terpadam tiada lagi.

Saya melihat perasaan riya' yang berat, ego yang melampau dan kelalaian sementara tersembunyi di bawah tirai yang menjadi hiasan kemasyhuran dan ianya merupakan satu perkara yang ideal bagi penggemarnya. Saya sedar bahawa semua perkara tersebut yang terus menipu saya hingga kini tidak akan memberi apa-apa kegembiraan kepada saya dan tidak mungkin saya akan menemui secebis cahaya pun darinya.

Sekali lagi, agar saya sedar daripada kelalaian dan terus meninggalkannya, saya mendengar sekali lagi bacaan para penghafaz al-Quran di Masjid Bayazid agar saya dapat menerima pengajaran al-Quran lagi ... Pada saat itu, saya mendengar beberapa berita gembira daripada petunjuk langit tersebut melalui arahan dan perintah ketuhanan yang qudus yang terdapat di dalam firman Allah ﷺ:

وَبَشِّرْ الَّذِينَ آمَنُوا

*"Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang*

*yang beriman ...”*

(al-Baqarah: 25)

Melalui limpahan yang saya ambil daripada al-Quran al-Karim, saya mencari kegembiraan dan pengharapan serta cahaya dalam perkara-perkara yang membingungkan dan menyebabkan saya berada di dalam kekecewaan dan kesunyian. Saya tidak mencari lagi pada tempat yang lain. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada Allah ﷺ Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia terhadap taufiq yang diberikannya sehingga saya berjaya memperoleh penawar penyakit dan berjaya mendapat cahaya dalam kegelapan. Saya juga dapat merasai kegembiraan dalam setiap kesakitan dan kegerunan itu.

Lalu saya melihat ke arah wajah yang menggerunkan semua orang dan yang disangkakan amat menakutkan... iaitu wajah kematian. Melalui cahaya al-Quran, saya dapati wajah sebenar kematian bagi seseorang yang beriman amat manis dan bercahaya, meskipun tirai yang melindunginya kelihatan gelap, kelam dan menggerunkan. Kami telah buktikan dan jelaskan hakikat ini dengan bukti yang utuh dalam banyak risalah, khususnya pada ‘*Kalimah Kelapan*’ dan ‘*Maktub Kedua Puluh*’. Kami telah jelaskan bahawa kematian bukanlah ‘peniadaan abadi’ dan bukan juga ‘perpisahan abadi’. Tetapi ia adalah mukadimah dan permulaan bagi kehidupan yang kekal abadi. Ia adalah pengakhiran kepada bebanan tugas kehidupan. Ia adalah pelepasan, kerehatan dan pengecualian daripadanya. Ia adalah penggantian satu tempat dengan satu tempat yang lain. Ia adalah penyambungan dan pertemuan dengan sekumpulan para kekasih yang telah berangkat ke alam barzakh ... Demikianlah kematian. Dengan hakikat inilah, saya melihat wajah

kematian manis dan bercahaya. Oleh itu, tidak peliklah jika saya melihat ke arahnya dalam keadaan tidak takut dan tidak gerun. Bahkan saya melihat ke arahnya dengan sedikit perasaan rindu dari satu sudut dan melaluinya saya dapat mengenali satu rahsia daripada ‘ikatan kematian’ yang diamalkan oleh ahli tariqat dan tasauf.

Kemudian saya memerhatikan zaman muda, lalu saya melihat ia menjadikan semua orang sedih dan berduka cita ketika kehilangannya. Ia juga menjadikan semua orang rindu dan tertarik kepadanya. Ia adalah zaman yang dipenuhi dengan kelalaian dan dosa! Begitulah zaman muda saya! Dari sana, saya melihat suatu wajah yang amat hodoh, bahkan wajah yang mabuk dan membingungkan. Ia dipakaikan dengan pakaian yang bersih dan berhias indah. Jika saya tidak mengerti tentang hakikat zaman muda yang sebenar, nescaya saya akan menangisinya sepanjang hidup saya di atas muka bumi ini, sehingga meskipun saya dilanjutkan usia sehingga seratus tahun. Saya pasti akan menangisi zaman muda yang hanya berlangsung selama beberapa tahun itu dan dipenuhi dengan segala macam kegilaan dan senyuman, sebagaimana dinyatakan oleh seorang penyair yang menangisi zaman mudanya dengan penuh kedukacitaan:

لَيْتَ الشَّيْبَ يَعُودُ يَوْمًا فَأَخِيرُهُ مَا فَعَلَ الشَّيْبَ

*“Alangkah baiknya jika zaman muda dapat kembali semula, lalu aku memberitahunnya apa yang zaman tua telah membuat kepadaku”.*

Ya, orang-orang tua yang tidak mengetahui tentang rahsia zaman muda akan menghabiskan zaman tua mereka dalam keadaan penyesalan dan tersedu sedan terhadap zaman

muda mereka sebagaimana berlaku kepada penyair di atas. Sedangkan jika kesegaran dan kecergasan zaman muda yang berada pada diri seorang mukmin yang tenang, bijaksana dan mempunyai hati yang tenang dan hebat, dan jika kekuatan kemudahan diarahkan kepada ibadat kepada Allah ﷺ, amalan yang soleh dan perniagaan akhirat, maka ia akan menjadi kekuatan kebaikan yang paling besar, wasilah perniagaan yang paling utama dan perantara kebaikan yang paling indah dan lazat.

Ya, memang zaman muda adalah zaman yang amat bernilai dan berharga. Ia adalah nikmat Ilahi yang terbesar dan kelazatan yang amat besar bagi sesiapa yang menyedari kewajipan Islamnya dan bagi sesiapa yang tidak menyalahgunakannya. Tetapi jika para pemuda tidak beristiqamah, tidak memelihara kehormatan dan taqwa, maka mereka akan lebih hampir kepada kemasuhan, kerana sifat kenakalan dan hawa nafsu yang ada pada diri mereka akan menjelaskan kebahagiannya yang abadi dan kehidupan akhiratnya, malah mungkin kehidupan dunianya juga turut musnah. Jika ini berlaku, dia akan merasa menyesal berpanjangan semasa zaman tuanya terhadap sedikit keenakan dan kelazatan yang diperolehinya dalam tempoh beberapa tahun sahaja pada zaman mudanya.

Oleh kerana zaman muda tidak sunyi daripada kemudaratian pada sisi ramai manusia, maka kita sebagai orang tua berkewajipan untuk bersyukur kepada Allah ﷺ sebanyak-banyaknya kerana Dia telah menyelamatkan kita daripada kemasuhan dan kemudaratian zaman muda. Tambahan pula, kelazatan dan kenikmatan zaman muda pasti akan hilang sebagaimana hilang segala perkara lain. Jika zaman muda dihabiskan untuk beribadat, kebaikan dan amal

soleh, maka pasti ia akan membawa hasilnya yang kekal abadi. Ia juga pasti akan menjadi wasilah bagi memperoleh kemudahan yang berkekalan di dalam kehidupan yang abadi nanti.

Kemudian saya melihat kepada ‘dunia’ yang amat dikasihi oleh kebanyakan manusia. Lalu dengan cahaya al-Quran saya melihat sebenarnya terdapat tiga buah dunia besar yang saling bertindih di antara satu sama lain:

**Pertama:** Dunia yang menghala ke arah *al-Asma’ al-Husna*.

Dunia ini merupakan cermin kepada *al-Asma’ al-Husna*.

**Kedua:** Dunia yang menghala ke arah akhirat. Dunia ini adalah ladang akhirat.

**Ketiga:** Dunia yang menghala ke arah ahli-ahli dunia dan ahli kesesatan. Ia adalah mainan ahli kelalaian.

Saya melihat juga bahawa bagi setiap orang di dalam dunia ini mempunyai dunia yang khusus baginya. Jadi terdapat dunia yang saling bertindih di antara satu sama lain sebanyak bilangan manusia yang wujud, cuma dunia setiap manusia itu hanya terbatas kepada kehidupan peribadinya sahaja. Ketika jasad seseorang manusia itu musnah, maka dunianya turut musnah dan qiamat akan berlaku. Tetapi orang-orang yang lalai tidak mengetahui bahawa dunia mereka akan musnah dengan begitu cepat sekali. Mereka tertipu dengan dunia dan menyangka dunia mereka sama seperti dunia sebenar yang stabil di sekitar mereka.

Lalu saya terus memerhati dengan berkata: “Tidak syak lagi bahawa saya juga mempunyai sebuah dunia tersendiri seperti orang lain. Ia akan musnah dengan cepat. Jadi apakah

faedah dunia saya ini dalam umur saya yang amat pendek?!

- ❖ Lalu dengan *cahaya al-Quran* saya melihat dunia ini bagi saya dan orang lain hanyalah tempat berdagang sementara, atau rumah persinggahan yang didatangi dan ditinggalkan setiap hari ...
- ❖ Ia adalah pasar yang dibina di tepi jalan bagi orang-orang yang datang dan pergi untuk berjual beli ...
- ❖ Ia adalah kitab yang terbuka yang sentiasa diperbaharui oleh *al-Naqqasy al-Azali*, Tuhan yang Maha Membentuk lagi Azali. (Dia memadam dan menulis apa sahaja di dalam kitab itu sekehendakNya dengan penuh bijaksana) ...
- ❖ Pada setiap musim bunga, terdapat di dalam dunia satu risalah yang bertatahkan emas ...
- ❖ Pada setiap musim panas pula, terdapat qasidah yang indah tersusun ...
- ❖ Dunia ini adalah penampilan kepada penjelmaan *al-Asma' al-Husna* daripada *al-Sani' Zul-Jalal*, Allah ﷺ yang Maha Pembuat lagi Maha Mulia ...
- ❖ Dunia juga adalah ladang dan taman akhirat ...
- ❖ Ia juga adalah taman bunga rahmat Ilahi ...
- ❖ Ia juga adalah kilang sementara bagi menyediakan kertas-kertas Rabbani yang kekal abadi yang akan ditampilkan di dalam dunia yang kekal abadi ...

Lalu saya bersyukur kepada *al-Khaliq Zul-Jalal*, Allah ﷺ yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia sebanyak-banyaknya kerana telah Menciptakan dunia ini dalam bentuk tersebut. Ada di kalangan manusia yang dikurniakan kasih

sayang yang sepatutnya dihadapkan kepada wajah dunia yang hakiki lagi manis dan menuju ke arah *al-Asma' al-Husna* serta alam akhirat, tetapi sebaliknya mereka menggunakan pada jalan yang salah dan menyeleweng daripada kebenaran, serta menggunakan kasih sayang itu bukan pada tempat yang sepatutnya, dengan mengarahkannya kepada wajah yang *fana'* dan *hodoh*, lalai dan mempunyai kemudarat, maka berhaklah dia mendapat apa yang dinyatakan oleh sebuah hadis yang berbunyi:

حُبُّ الدُّنْيَا رَأْسٌ كُلِّ خَطْبَيْةٍ.

“Mencintai dunia adalah kepala segala kesalahan.”<sup>20</sup>

### **Wahai warga tua, lelaki dan perempuan!**

Sesungguhnya saya melihat hakikat ini dengan Risale-i Nur al-Quran al-Karim. Juga melalui peringatan yang diberikan oleh ‘ketuaan’ saya. Juga melalui cahaya Risale-i Nur yang diberikan oleh keimanan kepada pandangan mata hati saya. Saya telah membuktikannya pada banyak risalah beserta dengan bukti-bukti yang kukuh ... Saya melihat hakikat ini sebagai hiburan yang hakiki kepada saya. Ia adalah harapan yang kuat dan cahaya yang bersinar ... Lalu saya merasa redha dengan ‘ketuaan’ saya dan gembira dengan pemergian zaman muda.

*Oleh itu, janganlah anda berdukacita. Janganlah anda semua menangisi bahkan hendaklah anda memuji dan bersyukur kepada Allah ﷺ, selagimana kamu memiliki*

<sup>20</sup> al-Hafiz al-Suyuti menisbahkan hadis ini di dalam *al-Jami' al-Saghir* kepada al-Bayhaqi di dalam cabang-cabang iman daripada al-Hasan secara mursal.

*keimanan. Demikianlah sebagaimana dinyatakan oleh hakikat kebenaran. Sebaliknya hendaklah mereka yang lalai itu menangis, dan hendaklah mereka yang sesat merasa berdukacita dan menangis tersedu sedan.*



## Perkara Keenam Daripada Risalah ‘*Al-Thamarah*’.

[Masalah ini merupakan satu isyarat ringkas kepada satu sahaja daripada ribuan bukti menyeluruh berkenaan ‘*keimanan kepada Allah ﷺ*’ yang telah dijelaskan bersama dengan hujah-hujahnya yang kuat pada beberapa tempat di dalam Risale-i Nur. ]

Sekumpulan pelajar dari sebuah sekolah menengah atas di Qastamuni<sup>21</sup> datang menemui saya dan berkata:

*“Perkenalkanlah kami dengan Allah ﷺ Yang Maha Mencipta kerana guru-guru kami tidak menyebut tentang Allah ﷺ kepada kami”.*

Lalu saya berkata kepada mereka:

*“Setiap ilmu yang kamu pelajari sebenarnya sentiasa membicarakan tentang Allah ﷺ, dan memperkenalkan Tuhan Yang Maha Mencipta itu dengan bahasanya yang tersendiri. Maka dengarlah ilmu-ilmu itu, bukan guru-gurunya”.*

**Sebagai contoh:** Jika terdapat sebuah farmasi yang besar, dan di dalam setiap botol ubatnya pula terdapat pelbagai jenis ubatan dan ramuan mujarab yang dicampur

---

<sup>21</sup> Kastamanu adalah suatu bandar yang terletak di utara Turki.

dengan sukatan yang amat teliti, maka sudah pasti keadaan tersebut memperlihatkan kepada kita bahawa di dalam farmasi tersebut terdapat seorang ahli farmasi dan ahli kimia yang amat mahir dan bijaksana. Maka hal yang sama juga berlaku kepada farmasi bumi ini yang mengandungi lebih daripada 400.000 jenis hidupan daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Setiap satu daripada hidupan tersebut pada hakikatnya adalah sama seperti sebotol ubat yang mengandungi ramuan kimia yang dicampur dengan penuh ketelitian. Ia juga adalah bahan yang digaul di dalamnya pelbagai jenis campuran aktif yang menakjubkan. Farmasi yang besar ini memperlihatkan kepada semua orang sehingga orang yang buta sekalipun, ahli farmasinya adalah seorang yang bijaksana dan maha agung. Dengan ketinggian, penyusunan dan keagungannya yang sempurna, farmasi tersebut memperkenalkan kita kepada *al-Hakim Zul-Jalal*, Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia. Bandingkan keadaan ini dengan farmasi dunia yang kamu jumpai di mana-mana pasar yang kamu pergi, berdasarkan ilmu kedoktoran yang kamu pelajari.

**Contoh yang lain:** Jika terdapat sebuah kilang yang hebat lagi menakjubkan berjaya mengeluarkan pelbagai fabrik dan tekstil yang indah dan bermutu tinggi daripada bahan yang sederhana sahaja mutunya, maka sudah tentu ini menunjukkan bahawa di sebalik kilang tersebut terdapat seorang jurutera mekanikal yang hebat. Produk yang dihasilkan oleh kilang tersebut memperlihatkan kepada kita akan hakikat ini. Maka begitu jugalah halnya dengan jentera Rabbani yang sentiasa bergerak, iaitu apa yang dinamakan sebagai muka bumi. Ia adalah kilang Ilahi yang mengeluarkan ratusan ribu kilang-kilang utama. Pada setiap kilang utama itu

pula terdapat ratusan ribu kilang yang cemerlang, yang tidak syak lagi memperkenalkan kita kepada pembuat dan pemiliknya, melalui ukuran dan sukanan ilmu mekanikal yang kamu pelajari. Semua kilang-kilang itu memperkenalkan betapa tingginya tahap kesempurnaan dan keagungan kilang Ilahi ini jika hendak dibandingkan dengan mana-mana kilang lain buatan manusia.

**Contoh lain:** Terdapat sebuah kedai atau gudang besar menyimpan pelbagai jenis bahan makanan. Ribuan jenis makanan dibawa kepadanya dari segenap tempat. Setiap jenis makanan disusun dan diletakkan pada tempatnya yang khusus. Ini sudah pasti menunjukkan bahawa kedai atau gudang besar itu ada pemilik atau pengurusnya. Demikian juga halnya dengan gudang agung milik Tuhan yang bertugas membekalkan makanan kepada seluruh para makhluk. Dalam masa setahun, kedai atau gudang ini menjalani jarak perjalanan sejauh 24.000, melalui sistem yang amat halus dan teguh. Ia juga merangkumi pelbagai jenis makhluk yang setiap jenisnya daripadanya memerlukan makanan tertentu. Kedai atau gudang ini melalui setiap musim, contohnya musim bunga seperti sebuah trak yang memuatkan ribuan jenis makanan kepada para makhluk yang memerlukan dan kehabisan makanan mereka pada musim dingin. Kedai atau gudang itu ialah bebola bumi, kapal suci Tuhan yang memuatkan ribuan jenis barang, peralatan dan kotak-kotak bungkus makanan. Berdasarkan ilmu kehidupan dan perdagangan yang kamu pelajari, gudang atau kedai Tuhan ini menunjukkan kepada kedudukan *al-Mutasarrif al-Mudabbir*, yang maha Pemilik dan Maha Pentadbirnya. Pengetahuan kita tentang kedai dan gudang tersebut, memperkenalkan kita kepada tuan dan pemiliknya, serta

menjadikan kita mengasihinya.

**Contoh lain:** Terdapat sekumpulan besar tentera yang mengandungi 400.000 bangsa dan suku kaum. Setiap bangsa mempunyai jenis makanannya yang tersendiri berbeza daripada yang lain. Begitu juga dengan senjata yang digunakan. Masing-masing mempunyai senjata yang tersendiri. Pakaian yang dipakai juga berbeza daripada satu bangsa dengan bangsa yang lain. Corak latihan yang diterima serta arahan yang diberikan juga turut berbeza. Tempoh bertugas dan tempoh bercuti juga berlainan.. Ketua angkatan tentera ini telah berjaya membekalkan makanan, senjata dan pakaian yang diperlukan oleh anggota-anggotanya walaupun dalam bangsa yang berlainan tanpa terlupa atau keliru. Ini sudah pasti menunjukkan beliau adalah seorang pemimpin yang memiliki keluarbiasaan yang amat tinggi. Oleh itu, sebagaimana kumpulan askar yang menakjubkan ini memperlihatkan kepada kita tentang seorang pemimpin yang hebat, bahkan menjadikan kita menyayanginya dengan penuh penghargaan dan kekaguman, maka begitu juga halnya dengan kem askar muka bumi ini. Pada setiap musim bunga, suatu angkatan tentera suci yang besar yang terdiri daripada empat ratus ribu jenis tumbuhan dan kumpulan haiwan. Setiap jenis tumbuhan dan haiwan itu diberikan pakaian, makanan, senjata, latihan serta kebenaran yang khusus dan tersendiri oleh seorang ketua agung yang maha esa. Ia dilakukan dengan sempurna dan teliti tanpa menimbulkan, kekeliruan dan kebingungan, bahkan dalam keadaan penuh kesempurnaan dan amat tersusun.. Kem askar yang luas bagi musim bunga ini, dan yang terbentang di atas seluruh permukaan bumi ini, memperlihatkan kepada mereka yang mempunyai mata hati bahawa di sana terdapat seorang

pemerintah bumi, Tuhananya, Pentadbirnya dan Pengurusnya yang Maha Suci lagi Maha Tinggi berdasarkan ilmu ketenteraan. Ia juga memperlihatkan sejauh mana kadar kesempurnaan tuannya dengan melihat kepada kesempurnaan kem askar yang menakjubkan itu jika dibandingkan dengan kem askar manusia biasa. Ia juga menjadikan kita mahu mengasihi tuannya dengan banyak melakukan *tahmid* (pemujian), *taqdis* (penyucian) dan *tasbih*.

**Contoh lain:** Katakanlah terdapat jutaan lampu elektrik yang menakjubkan di sekitar sebuah bandar tanpa kehabisan minyak dan tidak pernah padam. Tidakkah anda terfikir bahawa disebaliknya sudah pasti terdapat seorang jurutera yang sangat hebat dan seorang pakar elektrik yang amat pintar sedang mengendalikan kilang pengeluar tenaga elektrik tersebut? Maka begitu jugalah keadaannya dengan bintang-bintang yang berjuntai pada bumbung istana bumi. Menurut ilmu astronomi bumbung istana bumi itu jauh lebih besar beberapa kali ganda daripada bebola bumi dan bergerak lebih pantas daripada kelajuan peluru tanpa mencacatkan sedikitpun sistemnya serta berlanggar sesama sendiri ataupun terpadam cahayanya serta kehabisan sumber tenaganya. Dengan jari jemarinya yang bercahaya, lampu-lampu ini membuktikan *qudrat* (kekuasaan) penciptaanya yang tidak terbatas. Sebagai contoh, matahari yang kita lihat, meskipun ia adalah jauh lebih besar jutaan kali ganda jika dibandingkan dengan bumi dan ia jauh lebih tua dengan jutaan tahun, tetapi ia adalah sebuah lampu yang sentiasa menyala dan dapur yang sentiasa berasap bagi negeri persinggahan milik Tuhan *al-Rahman*. Untuk mengekalkan penyalaan dan pembakarannya setiap hari, ia memerlukan bahan api dari seluruh lautan di bumi, serta memerlukan

arang sebanyak gunung yang terdapat di bumi, memerlukan kayu api sebanyak berkali-kali ganda besar daripada bumi. Tetapi yang menyalakannya dan menyalakan seluruh bintang-bintang lain yang seumpamanya tanpa bahan api, tanpa arang, tanpa minyak, tanpa terpadam dan yang menjalankannya dengan amat pantas dan laju tanpa berlaku perlanggaran, ia adalah *qudrat* (kekuasaan) yang tidak berkesudahan dan kesultanan agung yang tidak bersempadan.. Maka alam maya yang luas serta segala lampu yang terdapat padanya, dan lampu-lampu yang berjuntai itu, semuanya menjelaskan dengan terang berdasarkan ilmu elektrik yang kamu telah dan akan pelajari tentang raja yang memiliki bilik pameran dan pesta yang agung ini. Ia juga menujukkan *al-Asma al-Husna* seperti *al-Sani'*, *al-Munawwir*, *al-Mudabbir*. Ia juga memperkenalkan kepada pemberi cahayanya, pentadbirnya yang indah dan penciptanya yang maha mulia dengan penyaksian segala bintang-bintang yang berkerlipan. Ia juga menjadikan *tahmid*, *tasbih* dan *taqdis* (penyucian) adalah sesuatu yang disukai oleh semua pihak, bahkan mendorong mereka untuk melakukan ibadat kepadanya.

**Contoh lain:** Jika terdapat sebuah kitab, pada setiap barisnya ditulis sebuah kitab dengan tulisan yang amat halus dan pada setiap perkataannya ditulis pula sebuah surah daripada al-Quran, yang seluruh permasalahannya mempunyai maksud dan pengertian yang mendalam, sebahagiannya menyokong sebahagian yang lain, maka kitab yang penuh keajaiban ini tanpa syak lagi menjelaskan bahawa penulisnya adalah seorang yang amat mahir dan mempunyai keupayaan yang sempurna. Maksudnya, kitab seumpama ini, jika ada, memperkenalkan penulis dan pengarangnya dengan suatu pengenalan yang amat jelas melebihi kejelasan siang

hari. Ia juga menerangkan kesempurnaan dan kekuasaannya. Ia juga membangkitkan kekaguman dan penghargaan di sisi orang-orang yang melihatnya sehingga menjadikan mereka hanya dapat mengulangi perkataan: “*MasyaAllah, Barakallah*” Kata-kata ini diucapkan sebagai menunjukkan kekaguman dan ketakjuban.

Maka begitu jugalah keadaannya dengan kitab besar bagi alam maya ini yang pada satu halaman sahaja daripada lembarannya iaitu pada permukaan muka bumi, bahkan pada satu bahagian daripadanya iaitu musim bunga, sebanyak 300.000 jenis pelbagai kitab, iaitu kumpulan-kumpulan haiwan dan jenis-jenis tumbuhan yang setiap satu daripadanya seumpama sebuah kitab. Kesemuanya ditulis bersama dan bercampur, tetapi tidak bercampur aduk sehingga sukar membezakannya, tidak tersalah, tidak terlupa, tetapi penuh tersusun dan sempurna, bahkan ditulis pada setiap perkataannya, pada pokok umpamanya, sebuah qasidah sempurna yang indah. Pada setiap noktahnya pula, pada bijian umpamanya, terdapat pula kandungan bagi sebuah kitab yang sempurna. Ini adalah suatu yang dapat disaksikan dan ia terpampang di hadapan kita. Ia memperlihatkan kepada kita dengan pasti bahawa di sebalik segalanya terdapat satu kalam yang laju menulis. Maka anda bolehlah membuat nilai dan anggaran tentang sejauhmana petunjuk kitab alam yang besar dan luas ini yang setiap perkataannya mempunyai makna yang banyak dan hikmat yang pelbagai. Anda juga boleh membuat anggaran tentang sejauhmana petunjuk kitab al-Quran yang lebih besar dan berjasad ini iaitu alam ini sendiri terhadap Tuhan Penciptanya dan terhadap kitabNya sendiri, dengan membandingkannya dengan kitab yang telah disebutkan contohnya di atas. Ini semua anda boleh lakukan

berdasarkan apa yang anda pelajari dalam ilmu hikmat atau seni membaca dan menulis, serta mendasarkannya kepada neraca yang lebih besar dan dengan pandangan yang luas kepada alam yang juga luas. Dengan demikian, anda akan memahami bagaimana *al-Khaliq Zul-Jalal*, Allah ﷺ Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Agung diperkenalkan melalui kalimah ‘*Allahu Akbar*’, bagaimana Dia disucikan dengan kalimah ‘*Subhanallah*’ dan bagaimana Dia dikasihi oleh kita melalui pujian yang terhasil daripada perkataan ‘*Alhamdulillah*’.

Demikianlah bagaimana pelbagai jenis ilmu itu menunjukkan kepada Tuhan Pencipta Alam Yang Maha Mulia berdasarkan keterangan yang telah dijelaskan. Ilmu-ilmu tersebut juga memperkenalkan Allah ﷺ kepada kita berdasarkan nama-namaNya yang baik, dan mengajar kepada kita tentang sifat-sifatNya yang mulia dan sempurna. Ini kerana ilmu-ilmu itu mempunyai neraca pertimbangan yang luas, cermin yang khusus, mata yang tajam serta kaca mata yang mempunyai pengajaran. Lalu saya berkata kepada para pelajar yang masih muda tersebut:

Sesungguhnya hikmat pengulangan al-Quran terhadap ayat;

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ

“... *Dia yang Mencipta langit dan bumi ...*”

dan ayat;

رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

“... *Tuhan langit dan bumi ...*”

hanyalah bertujuan bagi memberikan petunjuk kepada

hakikat yang telah disebutkan di atas dan bagi mengajar bukti ketauhidan yang agung ini, di samping mendekatkan memperkenalkan kita kepada *al-Khaliq*, Tuhan Pencipta kita yang Maha Agung dan Maha Suci.

Mereka berkata: “*Syukur kepada Tuhan kami tanpa batasan, terhadap pelajaran ini yang merupakan hakikat tertinggi itu sendiri. Semoga Allah ﷺ meredhai denganmu*”.

Saya berkata: “Sesungguhnya manusia adalah sebuah mesin yang mempunyai kehidupan. Dia boleh merasai ribuan jenis kesakitan, sebagaimana ia boleh menikmati ribuan jenis kelazatan. Meskipun dia amat lemah, namun dia mempunyai musuh yang tidak terkira banyaknya sama ada yang terdiri daripada musuh yang berbentuk fizikal atau maknawi. Meskipun dia adalah seorang yang amat fakir, namun dia mempunyai kehendak zahir dan batin yang tidak terhitung. Dia adalah seorang makhluk yang lemah dan hina, terpaksa menelan segala kesakitan tumparan kehilangan dan perpisahan secara beterusan.. Meskipun ini keadaannya, namun melalui hubungannya dengan Sultan (Tuhan) Yang Maha Mulia, dan melalui keimanan serta ubudiyahnya, dia memperoleh sandaran yang kuat dan sokongan yang utuh yang boleh melindunginya daripada segala musuhnya. Demikian juga, dia memperoleh tempat bagi mendapatkan bantuan untuk menunaikan segala keperluannya dan memenuhi segala keinginan serta cita-citanya. Contohnya, setiap orang akan merasa bangga dan mulia dengan sebab hubungan dan kedudukannya di sisi ketua mereka. Maka begitulah juga keadaannya apabila seseorang yang beriman mempunyai hubungan dengan TuhanYa Yang Maha Berkuasa yang kekuasaanNya tidak berkesudahan,

mempunyai hubungan dengan Tuhan Yang Maha Penyayang yang mempunyai rahmat yang amat luas. Dia pula sentiasa berubudiyyah kepada TuhanYa dengan melakukan segala ketaatan dan kesyukuran. Dalam keadaan ini, ajal dan maut yang ada di sisinya bertukar daripada ketiadaan abadi kepada tiket dan lesen untuk memasuki alam yang kekal abadi! Anda semua boleh gambarkan betapa gembiranya orang ini ketika mengecapi kemanisan berubudiyyah di hadapan penciptanya. Bagaimana dia berbangga dengan keimanan yang berada di dalam hatinya. Bagaimana dia bergembira dengan cahaya Islam. Bagaimana dia bermegah dengan *al-Qadir al-Rahim*, TuhanYa Yang Maha Berkuasa Lagi Maha Pengasih. Bagaimana dia bersyukur kepada tuannya hasil daripada nikmat iman dan Islam.

Ucapan yang saya ucapkan kepada saudara-saudaraku dari kalangan pelajar ini, turut saya ucapkan juga kepada para banduan yang ditimpa musibah:

*Sesungguhnya sesiapa yang mengenal Allah ﷺ dan mentaatiNya adalah seorang yang bahagia meskipun dia terperosok jauh ke dalam penjara. Manakala sesiapa yang lalai dan melupaiNya adalah seorang yang celaka meskipun berada di dalam istana yang indah dihias.*

Pada suatu hari, ketika dibawa menuju ke tali gantung, seorang yang dizalimi dan dianiyai berkata dalam keadaan gembira dan bahagia kepada orang-orang yang menzaliminya: “Sesungguhnya aku tidak akan binasa dan aku tidak akan mati. Bahkan aku dilepaskan bebas daripada penjara dunia kepada kebahagiaan yang abadi. Tetapi aku melihat kamu yang sebenarnya dijatuhkan hukuman mati yang abadi kerana kamu menyangka kematian adalah

kebinasaan dan ketiadaan. Oleh yang demikian, aku sudah pun dapat membalas dendam terhadap kamu.” Lalu rohnya keluar daripada jasadnya dalam keadaan tenang sambil dia mengulang-ulang perkataan: “La ilaha illallah.”

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

“Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”



# Petikan Pertama Daripada Penghujung ‘Risalah Al-Hasyr’: Kepentingan Beriman Dengan Akhirat

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

فَسُبْحَانَ اللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ (17) وَلَهُ الْحَمْدُ فِي  
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَعَشَيًّا وَحِينَ تُظَهِّرُونَ (18) يُخْرُجُ الْحَيٌّ  
مِنَ الْمَيِّتِ وَيُخْرُجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيٍّ وَيُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا  
وَكَذَلِكَ تُخْرِجُونَ (19) وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقْتُكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ إِذَا  
أَنْتُمْ بَشَرٌ تَنْتَشِرُونَ (20) وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ  
أَرْوَاحًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ  
لَا يَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ (21) وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ  
وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ الْسَّمَائِكُمْ وَالْأَوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَاتٍ  
لِلْعَالَمِينَ (22) وَمِنْ آيَاتِهِ مَنَامُكُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَأَبْيَاغُكُمْ مِنْ  
فَضْلِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَاتٍ لِقَوْمٍ يَسْمَعُونَ (23) وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمْ  
الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ  
مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَا يَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ (24) وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ  
السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ثُمَّ إِذَا دَعَاهُمْ دَعْوَةً مِنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ  
تَخْرُجُونَ (25) وَلَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّهُ قَانُونَ

(26) وَهُوَ الَّذِي يَبْدَا الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمُثَلُ

(27) الْأَعْلَى فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

*"(Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka bertasbihlah kepada Allah semasa kamu berada pada waktu malam dan semasa kamu berada pada waktu subuh. Serta pujiyah Allah yang berhak menerima segala puji (dari sekalian makhlukNya) di langit dan di bumi, dan juga (bertasbihlah kepadaNya serta pujiyah Dia) pada waktu petang dan semasa kamu berada pada waktu zuhur. Ia mengeluarkan sesuatu yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari sesuatu yang hidup, serta menghidupkan bumi sesudah matinya; dan sedemikian itulah kamu akan dikeluarkan (hidup semula dari kubur). Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya (menghidupkan kamu semula), bahawa Ia Menciptakan kamu dari tanah; setelah sempurna sahaja peringkat-peringkat kejadian kamu, kamu menjadi manusia yang hidup bertebaran di muka bumi. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahawa Ia Menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir. Dan di antara*

*tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaaNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kemurahanNya dan kasih sayangNya ialah tidurnya kamu pada waktu malam dan pada siang hari, dan usaha kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya (pada kedua-dua waktu itu). Sesungguhnya keadaan yang demikian mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang mahu mendengar (nasihat pengajaran). Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaran-Nya dan kekuasaanNya, Ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan memberi harapan (dengan turunnya hujan); dan Ia menurunkan hujan dari langit, lalu Ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahamiNya”.*

(al-Rum: 17 - 24)

Dalam ‘Pancaran Kesembilan’ ini, kami akan menerangkan satu bukti yang kukuh dan satu hujah yang besar tentang paksi dan putaran keimanan yang dijelaskan oleh ayat-ayat di atas. Paksi dan putaran tersebut ialah *al-Hasyr (Hari Kebangkitan)*. Ia adalah antara bukti yang tinggi lagi mulia yang menunjukkan kepada kepentingan keimanan.

Telah berlaku satu perlindungan Rabbani yang halus, lebih tiga puluh tahun dahulu, iaitu ketika *Said Lama* mahu

menulis penutup karangannya yang bertajuk *Muhakamat (Perbicaraan)* yang ditulisnya sebagai mukadimah kepada buku *Isyarat al-Ijaz fi Mazan al-Ijaz*. Dia menulis:

*... Tujuan kedua ini akan mentafsirkan dua ayat yang menerangkan dan mengisyaratkan kepada al-Hasyr (Hari Kebangkitan) semula ...*

Dia memulakan dengan menulis;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

kemudian dia terhenti dan tidak mampu lagi meneruskan penulisannya.

Maka ribuan bahkan jutaan kesyukuran kepada *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Mulia. Banyak dalil dan tanda yang menunjukkan kepada kepastian berlakunya *al-Hasyr (Hari Kebangkitan)* semula, kerana Dia telah memberikan taufiqNya kepada kami untuk menerangkan pentafsiran di atas selepas berlalu tempoh tiga puluh tahun. Allah ﷺ telah memberikan nikmat kepada saya dengan memberikan pentafsiran ayat yang pertama sebagai:

فَانظُرْ إِلَى آثَارِ رَحْمَةِ اللَّهِ كَيْفَ يُحْيِي الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنْ ذَلِكَ  
لَمُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

*“Maka lihatlah olehmu kepada kesan-kesan rahmat Allah, bagaimana Dia menghidupkan bumi sesudah matinya (dengan tanaman-tanaman yang menghijau subur). Sesungguhnya Allah yang demikian kekuasaanNya, sudah tentu berkuasa menghidupkan orang-orang yang telah mati. Dan (ingatlah) Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”*

Ini berlaku selepas tempoh sepuluh tahun. Maka ‘*Kalimah Kesepuluh* dan *Kalimah Kedua Puluh Sembilan*’ menjadi dua hujjah yang jelas dan kuat serta dapat mendiam dan membisukan golongan yang ingkar dan menentang.

Hampir sepuluh tahun pula selepas penerangan yang teguh tentang keimanan kepada *al-Hasyr (Hari Kebangkitan)* semula itu, Allah ﷺ telah melimpahkan kurniaaNya dan memberikan nikmatNya kepada saya dengan membolehkan saya mentafsirkan beberapa ayat yang terdapat pada permulaan pancaran ini, maka tertuliskan risalah ini.

Maka ‘*Pancaran Kesembilan*’ ini adalah ibarat kepada sembilan maqam yang tinggi yang diisyaratkan oleh ayat-ayat al-Quran di samping ia mempunyai satu mukadimah yang penting.



# Mukadimah

Mukadimah ini mempunyai dua noktah:

Pertamanya, mukadimah ini akan menyebut secara ringkas satu natijah yang mencukupi sahaja daripada banyak natijah-natijah kehidupan dan faedah-faedah kerohanian yang diperolehi daripada keimanan dengan kebangkitan semula. Ia juga akan menjelaskan sejauhmana keperluan keimanan ini bagi kehidupan manusia terutamanya dari sudut kemasyarakatan. Ia juga akan membawa satu hujah menyeluruh di antara berbilang-bilang hujah bagi akidah keimanan kepada *al-Hasyr (Hari Kebangkitan)* semula dengan menjelaskan betapa ia adalah hujah yang amat asasi dan jelas sehingga tidak sedikitpun diragui kebenarannya.

## Noktah Pertama

Kami akan menunjukkan secara tidak langsung empat dalil sebagai contoh yang piawai di antara ratusan dalil yang menunjukkan bahawa iman kepada akhirat merupakan asas utama bagi kehidupan kemasyarakatan dan individu seseorang manusia, dan ia juga adalah asas kepada seluruh kesempurnaan dan kebahagiaan.

### ***Dalil Pertama***

Kanak-kanak merupakan separuh daripada bilangan manusia, tidak mampu untuk menghadapi keadaan dan situasi yang

kelihatan menyakitkan dan menyusahkan seperti peristiwa kematian dan kehilangan orang yang tersayang. Mereka mampu menghadapinya berbekalkan kekuatan maknawi yang terdapat di dalam diri mereka yang masih lemah. Kekuatan itu ialah keimanan kepada syurga. Keimanan itulah yang membuka pintu pengharapan yang bersinar di hadapan jasad fizikal mereka yang lemah dan tidak dapat menentang dan bertahan bahkan akan menangis ketika menghadapi peristiwa yang kecil sekalipun. Dengan keimanan tersebut juga, mereka boleh meneruskan kehidupan dalam keadaan gembira dan bahagia.

Maka seseorang kanak-kanak yang beriman dengan kewujudan syurga akan berdialog dengan dirinya sendiri dengan berkata: “*Sebenarnya adikku atau kawanku yang meninggalkan aku, sekarang telah bertukar menjadi burung di dalam syurga. Dia dapat berjalan-jalan ke mana sahaja yang dikehendakinya di dalam syurga. Di sana, dia dapat hidup dalam keadaan yang lebih baik dan lebih selesa*”. Jika tidak kerana keimanan tersebut, nescaya kematian yang menimpa kanak-kanak seumpamanya bahkan yang juga menimpa orang-orang dewasa, akan menghancurkan kekuatan maknawi yang terdapat padanya yang tidak mempunyai sebarang daya dan usaha. Kematian itu juga akan menghancurkan jiwa dan memeritkan kehidupannya lalu seluruh anggota fizikal serta anggota dalamannya seperti roh, hati dan akal akan turut menangis bersama tangisan matanya. Setelah itu, perasaan mereka mungkin akan mati dan menjadi keras atau mereka sendiri bertukar menjadi seperti binatang sesat yang celaka.

### **Dalil Kedua**

Kesabaran dan penanggungan yang ditunjukkan oleh golongan tua yang merupakan separuh daripada bilangan manusia keseluruhannya, sedangkan mereka sedang berada di ambang perkuburan adalah hasil daripada keimanan mereka kepada akhirat. Kesabaran dan kegembiraan yang mereka perolehi meskipun obor kehidupan yang mereka sayangi sudah hampir padam dan pintu dunia mereka yang dipenuhi dengan kemanisan dan keindahan sudah hampir tertutup, tidak lain dan tidak bukan, semuanya datang daripada keimanan tersebut. Orang-orang tua yang sudah lanjut usianya dan kembali menjadi seperti kanak-kanak dari sudut perasaan, roh dan tabiat mereka, menghadapi perasaan kecewa yang lahir daripada kematian dan kehilangan orang tersayang, dengan bersabar terhadapnya melalui pengharapan terhadap kehidupan akhirat. Jikalau keimanan kepada akhirat ini tidak ada, nescaya para ibu bapa iaitu orang yang paling layak mempunyai perasaan belas kasihan dan orang yang paling memerlukan ketenangan pasti merasa kepanasan rohani, kegundahan jiwa dan kebimbangan hati. Juga dunia yang luas ini akan dirasakan amat sempit sekali bahkan bertukar menjadi penjara yang gelap dan menakutkan. Kehidupan ini pula akan bertukar menjadi azab seksa yang amat menyakitkan.

### **Dalil Ketiga**

Para pemuda dan remaja yang merupakan paksi kehidupan kemasyarakatan tidak akan dapat menenangkan kegejolakan perasaan mereka; tidak akan dapat menghalang mereka daripada melampaui batas lalu melakukan kezaliman dan

kerosakan; tidak akan dapat menyekat kenakalan dan nafsu mereka; dan tidak akan dapat menjamin perjalanan yang lurus dalam kehidupan kemasyarakatan mereka melainkan kerana perasaan takutkan kepada neraka jahannam. Jika bukan kerana perasaan takut ini, nescaya golongan remaja yang nakal dan tenggelam di dalam hawa nafsu mereka akan menukar dunia ini kepada api neraka yang menyala-nyala terhadap golongan lemah dan tua, kerana orang yang gagah sahaja akan menguasai seluruh keadaan. Golongan remaja itu juga akan menukar kehidupan manusia yang tinggi dan mulia kepada kehidupan binatang yang hina.

#### ***Dalil Keempat***

Kehidupan kekeluargaan merupakan pusat perhimpunan hidup keduniaan, syurga kebahagiaannya, kubunya yang paling ampuh dan tempat perlindungannya yang paling selamat. Rumah setiap orang adalah dunia dan alamnya yang tersendiri. Roh kehidupan kekeluargaan tidak akan memperolehi kebahagiaan kecuali saling hormat-menghormati yang dilakukan secara serius dan ikhlas di antara semua anggota keluarga. Ianya juga melalui perasaan belas kasihan dan rahmat yang benar sehingga mencapai tahap sanggup berkorban dan mementingkan orang lain daripada diri sendiri. Perasaan saling hormat menghormati dan belas kasihan yang ikhlas tidak akan berlaku melainkan dengan keimanan terhadap kewujudan persahabatan yang abadi dan berkekalan dan kebersamaan yang berterusan pada satu masa yang tidak mempunyai kesudahan dan di bawah naungan kehidupan yang juga tidak mempunyai kesudahan. Kebersamaan itu pula diikat oleh hubungan kebapaan yang hebat, persaudaraan yang ikhlas dan suci serta persahabatan yang setia dan tulus.

Sebagai contoh: Si suami berkata kepada dirinya sendiri:

*“Isteriku ini adalah rakan dan sahabatku dalam kehidupan di alam yang kekal abadi. Tak mengapa lagi jika dia sekarang adalah seorang yang tua dan hodoh kerana nantinya dia akan memperolehi kecantikan yang abadi. Oleh itu, saya bersedia memberikan sebarang pengorbanan yang dituntut oleh kesetiaan dan belas kasihan, dan saya juga bersedia untuk mengorbankan apa sahaja yang dituntut oleh persahabatan yang akan kekal abadi itu ...”* Demikianlah bagaimana seorang suami mampu untuk memberikan kasih sayang dan belas kasihan kepada isterinya yang sudah tua, sama seperti kasih sayang yang curahkan kepada bidadari. Jika tidak kerana iman ini, nescaya ia hanyalah persahabatan luaran yang memakan masa selama satu atau dua jam kemudian ia akan disudahi dengan perpisahan abadi. Ia juga merupakan persahabatan zahir yang tidak mempunyai sebarang asas dan sandaran. Persahabatan yang seumpama itu hanya mampu memberikan perasaan belas kasihan yang palsu, penghormatan yang dibuat-buat dan perasaan belas kasihan yang berbentuk kehaiwanan sahaja. Ditambah lagi perasaan belas kasihan dan penghormatan itu dicemari oleh kepentingan-kepentingan tertentu seperti kehendak hawa nafsu. Maka ketika itu, syurga keduniaan akan bertukar menjadi neraka jahannam yang tidak tertanggung azabnya.

*Demikianlah salah satu sahaja daripada natijah keimanan terhadap al-Hasyr (Hari Kebangkitan). Ia hanyalah salah satu daripada antara ratusan natijah yang berkaitan dengan kehidupan sosial manusia yang memberi faedah kepada mereka dan mempunyai ratusan jenis dan bentuk. Jika dibandingkan dengan keempat-empat bukti yang*

*telah disebut itu, dapatlah difahami bahawa kejadian kebangkitan semula merupakan suatu yang pasti sebagaimana pastinya hakikat manusia dan keperluan mereka. Bahkan ia adalah lebih jelas daripada keperluan perut kepada makanan.*

Kita mungkin boleh melihat lebih jauh bagaimana keimanan kepada *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) merupakan suatu keperluan kepada manusia dengan lebih mendalam apabila manusia tidak mempunyai atau mempercayai hakikat tersebut, iaitu hakikat kebangkitan semula. Kerana pada ketika itu, hakikat manusia yang tinggi, penting dan aktif akan bertukar menjadi seperti bangkai yang busuk dan tempat membiaknya segala macam jenis kuman dan virus.

Maka ahli sosiologi, politik dan akhlak dari kalangan mereka yang prihatin terhadap permasalahan, akhlak dan sifat sosial manusia ... mereka hendaklah mendengar penuh perhatian dan menjelaskan bagaimana mereka mahu memenuhkan kekosongan ini? Dengan apakah mereka akan mengubat dan membalut luka yang luas dan dalam ini?

## Noktah Kedua

Noktah ini menerangkan secara amat ringkas satu bukti sahaja di antara bukti-bukti yang tidak terkira banyaknya tentang hakikat kebangkitan semula. Noktah ini lahir daripada kesimpulan penyaksian yang dilakukan oleh seluruh rukun iman. Ia adalah sebagaimana berikut:

Segala mukjizat yang menunjukkan kerasulan Nabi Muhammad ﷺ, di samping segala dalil kenabian baginda ﷺ serta seluruh bukti yang menunjukkan kebenaran baginda ﷺ, kesemuanya menyaksikan, menunjukkan dan mensabitkan

hakikat kebangkitan semula. Ini kerana dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah ﷺ sepanjang hayatnya yang diberkati itu banyak tertumpu kepada hakikat kebangkitan semula selepas penekanan kepada tauhid. Begitu juga seluruh mukjizat dan dalil-dalil yang menunjukkan kebenaran para nabi yang menyebabkan manusia menerima kebenaran mereka turut menyaksikan perkara yang sama iaitu kebangkitan semula manusia. Begitu juga seluruh kitab-kitab yang diturunkan juga turut mengangkat penyaksian yang dibawa oleh para rasul yang mulia sehingga mencapai tahap *al-badahah* (sesuatu yang tidak memerlukan pemikiran yang mendalam untuk memahaminya) juga turut menjadi saksi terhadap hakikat tersebut. Ia juga adalah sebagaimana berikut:

Al-Quran yang mempunyai kekuatan mukjizat, hujjah dan hakikatnya telah membuktikan ketulenannya bahawa kebangkitan semula akan berlaku dan ia adalah suatu perkara yang telah dibuktikan benar. Kerana satu pertiga daripada al-Quran serta bahagian awal setiap surah yang pendek merupakan tanda-tanda yang jelas ternyata yang menunjukkan tentang *Al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) semula. al-Quran telah menghabarkan, membuktikan dan memperlihatkan tentang hakikat tersebut melalui ribuan ayat-ayatnya sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

Sebagai contoh:

إِذَا الشَّمْسُ كُوَرَتْ (التكوير: ١)  
يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ (الحج: ١)

(إِذَا زُلْكَلَتِ الْأَرْضُ زُلْزَالَهَا (الزلزلة: ١)  
 إِذَا السَّمَاءُ انفَطَرَتْ (الانفطار: ١)  
 إِذَا السَّمَاءُ انشَقَّتْ (الإنشقاق: ١)  
 عَمَّ تَسَاءَلُونَ (النَّبِيَّ: ١)  
 هَلْ أَنَاكُ حَدِيثُ الْعَاشِيَةِ (العاشرية: ١)

“Apabila matahari dilingkari cahayanya (dan hilang lenyap)…”

(al-Takwir: 1)

“Wahai umat manusia, bertaqwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar.”

(al-Hajj: 1)

“Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya...”

(al-Zalzalah: 1)

“Apabila langit terbelah...”

(al-Infitar: 1)

“Apabila langit terbelah...”

(al-Insyiqaq: 1)

“Tentang apakah mereka bertanya-tanya?”

(al-Naba': 1)

“Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal hari kiamat yang huru-haranya meliputi?”

(al-Ghashiyah: 1)

Sepertimana ayat-ayat di atas dan seumpamanya yang terdapat pada permulaan sekitar tiga puluh atau empat puluh surah, al-Quran memperlihatkan hakikat *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) sebagai satu perkara yang paling penting di dalam alam semesta dan satu hakikat yang wajib diyakini, di samping penjelasan tentang hakikat tersebut daripada ayat-ayat lain yang juga menguatkan keyakinan dengan pelbagai dalil.

Justeru, sebuah Kitab (al-Qur'an) yang membawaikan pelbagai jenis ilmu dan hakikat-hakikat alam semesta di dalam ilmu sains Islamiyyah beserta ribuan penyaksian dan pernyataan di hadapan mata kita, juga telah menunjukkan keimanan kepada *Al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) yang muncul umpama matahari. Adakah wujud suatu isyarat daripada suatu ayat tanpa hakikat? Adakah wujud suatu kemungkinan dalam ayat-ayatnya terhadap kepercayaan ini seperti keingkaran kepada matahari dan ketiadaan alam semesta? Tidakkah perkara tersebut adalah seratus kali mustahil dan batil?

Adakah boleh dilabelkan ribuan janji baik dan buruk daripada seorang raja yang agung sebagai pendustaan dan sandiwara atau adakah ianya suatu perkara yang batil? Sedangkan perperangan mungkin boleh tercetus hanya dengan satu isyarat daripada seorang raja yang dipercayai.

Bagaimana pula dengan seorang raja maknawi yang mana pemerintahan dan penguasaannya berterusan selama tiga belas kurun tanpa henti. Ia telah mendidik roh, akal, hati dan jiwa yang tidak terkira banyaknya. Ia telah menyucikan dan mentadbirkannya berdasarkan haq dan hakikat kebenaran. Tidakkah memadai jika hanya satu sahaja

isyaratnya boleh dijadikan bukti yang menunjukkan kebangkitan semula adalah suatu yang pasti akan berlaku? Apakah lagi jika terdapat ribuan kenyataan yang jelas terhadap hakikat tersebut? Tidakkah orang yang masih tidak memahami hakikat ini adalah seorang yang jahil? Tidakkah menjadi satu keadilan mutlak bahawa orang ini perlu dihantar ke neraka sebagai tempat tinggalnya nanti?

Segala lembaran dari langit dan segala kitab suci yang setiap satunya memerintah untuk suatu tempoh tertentu, telah membenarkan dakwaan al-Quran melalui ribuan dalil tentang hakikat kebangkitan semula, meskipun penjelasannya tentang perkara tersebut dilakukan secara ringkas sahaja, sesuai dengan tuntutan zaman pada ketika itu. Ini adalah satu hakikat pasti yang dijelaskan oleh al-Quran yang pemerintahannya menguasai seluruh zaman, termasuk zaman akan datang. al-Quran menjelaskannya dengan terang dan panjang lebar.

Di sini dilampirkan petikan daripada bahagian akhir Risalah Munajat kerana ia sesuai dengan topik perbincangan yang sedang diperkatakan di sini. Ia adalah berkenaan dengan hujjah kuat yang memberi kesimpulan tentang kebangkitan semula. Hujjah tersebut lahir daripada penyaksian seluruh rukun iman terhadap keimanan kepada hari kiamat, terutamanya rukun yang keimanan kepada para rasul dan seluruh kitab yang menghapuskan segala keraguan dan kekaburuan. Bahagian tersebut hanya dalam bentuk yang ringkas dan dalam bentuk munajat:

*“Wahai Rabb-i Rahim! Sesungguhnya aku mengetahui melalui pengajaran daripada Rasulullah ﷺ dan aku faham melalui pengajaran al-Quran; bahawa semua kitab suci, terutamanya al-Quran al-Karim, dan bahawa semua para*

*nabi, terutamanya Nabi Muhammad ﷺ*, kesemuanya menunjukkan dan menyaksikan secara ijmak serta sepakat bahawa jelmaan *al-Asma' al-Husna* yang *Jalali* dan *Jamali* (agung dan indah), dan yang tertampil pada kesan-kesan yang dapat dilihat di atas dunia ini dan alam seluruhnya, akan berkekalan dalam keadaan yang amat cerah dan bersinar selama-lamanya ... Dan bahawa jelmaan *al-Asma' al-Husna* serta nikmat-nikmatnya yang dapat disaksikan contoh-contohnya di atas dunia yang sementara ini akan membawa cahaya yang lebih bersinar, lebih besar dan lebih bergemerlapan. Ia juga akan berkekalan selama-lamanya di negeri kebahagiaan ... Dan bahawa mereka yang merinduinya dan bercita-cita semasa hidup di atas dunia yang sekejap itu, akan mengiringinya dengan penuh perasaan kasih sayang dan kemesraan. Mereka akan bersamanya selama-lamanya ... Dan bahawa semua para nabi yang memiliki roh yang bersinar dengan diketuai Nabi Muhammad ﷺ, dan semua para wali yang merupakan pakar yang memiliki hati yang bersinar, dan semua para *siddiqin* yang memiliki akal yang menembus lagi bercahaya ... kesemuanya beriman dengan keimanan yang mendalam tentang kebangkitan semula. Mereka juga membuktikannya dan menyampaikan berita gembira yang berkekalan selama-lamanya kepada manusia. Dalam masa yang sama, mereka juga memberikan amaran kepada golongan sesat bahawa tempat kembali mereka adalah api neraka. Mereka juga memberikan khabar gembira kepada ahli hidayah bahawa mereka akan dibalas dengan syurga. Mereka bersandarkan kepada ratusan mukjizat yang jelas dan tanda-tanda yang meyakinkan. Mereka juga bersandarkan kepada ribuan janji baik dan buruk yang Engkau sebut berkali-kali di dalam lembaran-lembaran

dari langit dan di dalam kitab-kitab suci yang lain. Mereka juga bergantung kepada kemuliaanMu, penguasaan RububiyyahMu, hal ehwalMu yang mulia, sifat-sifat quodusMu seperti *Qudrah* (*Berkuasa*), *Rahmah* (*Belas Kasihan*), *Inayah* (*Penjagaan*), *Hikmah* (*Kebijaksanaan*), kebesaran dan keindahan. Mereka juga bersandarkan kepada persaksian dan *kashaf* mereka sendiri yang tiada terbilang, yang menggambarkan bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan akhirat serta tanda-tandanya. Mereka juga bersandarkan kepada keimanan dan kepercayaan mereka yang jitu dan sampai ke peringkat ‘ilmul yaqin dan ‘ainul yaqin.

“Wahai Tuhan Yang Maha Berkuasa, Yang Maha Bijaksana, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Pengasih, Yang Maha Menepati Janji, Yang Maha Mulia, Yang Memiliki Kemuliaan, Keagungan Dan Kebesaran, Yang Maha Berkuasa Lagi Memiliki Ketinggian!”

Engkaulah Tuhan yang Maha suci lagi terpelihara. Engkaulah Tuhan yang Maha Tinggi dan Suci daripada sifat dusta ini dilabelkan kepada para wali, janji, sifat dan segala hal ehwal Engkau yang Maha kudus itu ... Maha Suci Engkau daripada menjadikan mereka berdusta atau Engkau menghijabkan sesuatu yang memang menjadi natijah kepada kesultanan RububiyyahMu, iaitu dengan tidak memustajabkan doa-doa yang lahir daripada para hambaMu yang soleh yang Engkau mengasihi mereka dan mereka juga mengasihiMu serta mereka juga menjadikan diri mereka dikasihi di sisiMu dengan keimanan, kebenaran dan ketaatan. Engkau juga Tuhan yang Maha Suci dan Maha Tinggi secara mutlak daripada membentarkan ahli kesesatan dan kekufuran yang mengingkari *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) semula.

Mereka itulah yang menceroboh keagungan dan kebesaran-Mu dengan kekufuran, mungkar dan pendustaan yang mereka lakukan terhadapMu dan janji-janjiMu. Mereka juga mempersenda-sendakan ketinggian kemuliaan, keagungan Uluhiyyah dan belas kasihan RububiyyahMu.

Kami menyucikan keadilan dan keindahanMu yang mutlak serta rahmatMu yang luas tanpa ada batasan sempadan ... Kami menyucikannya daripada kegelapan dan kejelekan yang tidak berpenghujungan ini...

Kami juga berpegang dan beriman dengan sepenuh kekuatan yang dikurniakan kepada kami bahawa ribuan para rasul dan nabi yang mulia, serta para *asfiya'* (golongan pilihan) dan *awliya'* (para wali) yang tidak terkira bilangannya iaitu orang-orang yang sentiasa menyeru dan memberikan persaksian dengan *haqqul yaqin*, '*ainul yaqin* dan '*ilmul yaqin* ... mereka semua mempersaksikan terhadap kewujudan khazanah rahmatMu di akhirat dan khazanah kebaikanMu di alam yang kekal abadi. Mereka juga mempersaksikan tentang jelmaan nama-namaMu yang mulia (*al-Asma' al-Husna*) yang akan terbongkar keseluruhannya di negeri akhirat, iaitu negeri yang dipenuhi dengan kebahagiaan ...

Kami semua beriman bahawa persaksian ini adalah suatu yang benar dan hakiki. Kami juga beriman bahawa segala apa yang ditunjukkan pleh para wali-waliMu adalah kebenaran dan realiti yang pasti berlaku. Kami juga beriman bahawa perkhabaran gembira yang telah mereka datangkan adalah suatu yang benar dan suatu yang realiti ... Mereka semua ini beriman bahawa hakikat yang agung ini adalah hakikat *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) semula yang merupakan cahaya

sinaran agung yang terpancar daripada nama *al-Haqq* yang menjadi tempat rujukan segala hakikat-hakikat yang lain. Mereka semua telah menunjukkan kepada para hambaMu yang lain (dengan keizinanMu juga) kepada daerah kebenaran dan mereka mengajar tentang diri hakikat yang sebenarnya.

*“Wahai TuhanKu! Dengan kemuliaan ajaran yang mereka bawa, dan dengan kemuliaan petunjuk yang mereka perlihatkan, kurniakanlah kami keimanan yang sempurna dan kurniakanlah kepada kami kesudahan kehidupan yang baik ... Sama ada kepada kami dan juga kepada para tullab, penuntut Risale-i Nur yang lain. Dan jadikanlah kami antara yang layak untuk menerima syafaat mereka ... Amin”.*

Demikianlah bagaimana dalil dan hujjah tersebut membuktikan kebenaran al-Quran bahkan kebenaran segala kitab langit yang lain. Begitu juga segala mukjizat dan bukti yang menunjukkan kenabian Rasulullah ﷺ dan juga para nabi yang lain menunjukkan hakikat kebenaran utama yang menjadi intipati dakwah mereka, iaitu kepastian kewujudan hari akhirat. Begitu juga kebanyakan dalil yang mempersaksikan kewujudan Allah ﷺ dan kewujudan negeri kebahagiaan dan alam yang kekal yang merupakan paksi Rububiyyah dan Uluhiyyah, bahkan ia juga adalah fenomena terbesar terhadap sifat Rububiyyah dan Uluhiyyah Allah ﷺ!!! Semuanya membuktikan kepada kewujudan negeri tersebut yang pintu-pintunya sentiasa terbuka sebagaimana yang akan diterangkan pada maqam-maqam akan datang. Ini adalah kerana kewujudan Allah ﷺ sendiri, kewujudan sifat-sifatNya yang mulia, nama-namanya yang agung (*al-Asma’ al-Husna*), hal ehwalNya yang bijaksana dan sifat-sifatNya yang kudus seperti *Rububiyyah, Uluhiyyah, Rahmah, ‘Inayah* (*penjagaan*), *Kebijaksanaan* dan *Keadilan* ... kesemuanya

menuntut kemestian kewujudan hari akhirat, bahkan menuntut kewujudan suatu alam yang bersifat kekal itu hingga ke peringkat wajib. Ia juga menuntut kewujudan *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) semula bagi urusan pemberian ganjaran pahala dan balasan dosa.

Ya! Selagimana Allah ﷺ yang bersifat esa, azali dan abadi wujud, maka paksi kesultanan RububiyyahNya iaitu akhirat mesti wujud juga ... Selagi mana Rububiyyah mutlak terjelma pada alam dunia ini, terutamanya pada makhluk yang bernyawa, iaitu Rububiyyah yang bersifat dengan keagungan, kebesaran, hikmat dan belas kasihan yang jelas dan nyata, maka sudah tentu terdapat kebahagiaan abadi. kebahagiaan abadi itulah yang menafikan segala sangkaan yang menyangka bahawa sifat RububiyyahNya membiarkan para hamba begitu sahaja tanpa memberikan pahala. Sifat Rububiyyah inilah yang menyelamatkan hikmat daripada bersifat sia-sia dan memelihara sifat belas kasihan yang ada dalam diri makhluk itu daripada melakukan pengkhianatan. Maksudnya bahawa dunia akhirat itu pasti wujud dan semestinya kita semua akan memasukinya.

Kesemua jenis nikmat, ihsan, kelembutan, kemuliaan, *'inayah* (penjagaan) dan rahmat ini dapat disaksikan dan zahir di hadapan akal yang tidak terpadam dan hati yang belum mati. Ia juga menunjukkan kepada kita tentang kewajiban kewujudan Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha mengasihani di belakang tabir. Oleh itu, sudah pasti akan kewujudan suatu kehidupan yang berkekalan dan abadi bagi mengelakkan pemberian nikmat daripada dipersenda. Kewujudan ini juga menunjukkan pemberian nikmat itu dapat dituai hasilnya.

Sesungguhnya, kehidupan yang kekal itu boleh memelihara ihsan daripada tipu daya juga agar ihsan itu dapat menyempurnakan segala hakikatnya, dan juga boleh menyelamatkan *'inayah* (penjagaan) daripada diperkecilkan serta dapat menyempurnakan perlaksanannya. Ia juga dapat menyelamatkan rahmat daripada bertukar menjadi *niqmah* (kecelakaan) dengan menyempurnakan kewujudannya serta dapat melepaskan kelembutan dan kemuliaan daripada menjadi terhina agar kedua-dua sifat tersebut dilimpahkan kepada para hamba. Ya, perkara yang menjadikan sesuatu ihsan sebagai suatu ihsan yang sebenarnya dan yang menjadikan sesuatu nikmat sebagai suatu nikmat yang sebenarnya ialah kewujudan suatu kehidupan yang kekal abadi di dunia yang juga kekal dan abadi ... Ya, ini semua pasti terlaksana ...

Demikianlah juga, *kalam* qudrat berterusan menulis pada musim bunga dan pada lembaran sempit lagi kecil. Ia menulis ratusan ribu kitab. Kitab-kitab yang saling bertindan di antara satu sama lain. Walau bagaimanapun tidak terdapat sebarang kesilapan, kepenatan dan keletihan, sebagaimana jelas di hadapan mata kita sendiri. Tuan punya kalam tersebut telah berjanji ratusan ribu kali bahawa: "Aku akan menulis suatu kitab yang lebih mudah daripada kitab musim bunga yang sudah tertulis di hadapan kamu. Aku akan menulis sebuah kitab yang kekal abadi. Aku akan menulisnya pada sebuah tempat yang lebih lapang, lebih luas dan lebih cantik daripada tempat yang sempit dan berselerak ini ... Ia adalah kitab yang tidak akan binasa selama-lamanya. Aku juga akan menjadikan kamu membacanya dalam keadaan kebingungan dan kehairanan!" Allah ﷺ juga menyebut kitab tersebut dalam segala keadaaNya. Maksudnya tidak diragukan lagi

bahawa semua dasar kitab tersebut telah ditulis. Manakala huraian dan penjelasannya akan ditulis ketika berlaku kebangkitan semula. Di dalam kitab ini juga, akan ditulis lembaran amalan yang dilakukan oleh semua orang...

Demikianlah juga bumi ini mempunyai kedudukan yang amat penting kerana ia mengandungi banyak makhluk Allah ﷺ. Ia menaungi ratusan ribu jenis hidupan yang bernyawa dan saling melengkapi. Ianya bukan hanya menjadi pusat dan intipati alam, bahkan menjadi markaz, saripati, natijah dan sebab penciptaan alam. Lantaran itu, bumi sentiasa disebut bersama dengan langit sebagaimana dalam firman Allah ﷺ:

رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

*'Tuhan langit dan bumi'*

dalam segala hal ehwal yang berkaitan dengan langit ...

Anak Adam pula berkuasa dalam pelbagai bidang di atas bumi ini yang mempunyai pelbagai hakikat dan ciri khusus. Ia berkuasa terhadap hampir kesemua makhluk Allah ﷺ dan hidupan yang wujud. Ia juga mampu mencipta sesuatu pembuatan agar selari dengan perkiraan dan kehendaknya serta menurut keperluan fitrahnya. Anak Adam juga mampu menyusun, mempersebah, menghias dan menyelaras segala jenis yang menakjubkan daripada kalangan segala pembuatan itu pada setiap tempat, sehingga ia tidak hanya menarik perhatian manusia dan jin sahaja, tetapi turut menarik perhatian seluruh penghuni langit dan bumi dan menarik perhatian empunya alam. Lalu apa yang dilakukan oleh anak Adam itu telah memberikannya keajaiban, penghormatan dan ketakjuban. Dari sudut ini, alam baginya mempunyai kedudukan dan nilai yang tinggi. Berdasarkan ilmu

pengetahuan dan kemahiran yang diberikan kepada manusia jelas menunjukkan bahawa manusialah yang menjadi subjek utama daripada penciptaan segala benda yang wujud ... dan bahawa ia adalah sebabnya yang paling utama dan agung serta hasilnya yang berharga ... Namun ini bukanlah suatu perkara yang pelik kerana manusia dicipta sebagai khalifah Allah ﷺ di atas muka bumi ini ... Memandangkan bahawa manusia menjadi perantara kepada pembentangan ciptaan Allah ﷺ yang Maha indah dan mereka menyusunnya dalam bentuk yang amat indah di atas dunia ini, maka azab ke atasnya ditangguh jika ia melakukan maksiat dan kekufuran. Dia dibenarkan untuk terus hidup di atas muka bumi ini dan diberikan penangguhan agar dapat menjalankan tugas ini dengan jayanya.

Oleh kerana anak Adam memiliki hakikat dan banyak keistimewaan sama ada dari sudut penciptaan dan tabiat semulajadi. Ia berhajat kepada bantuan yang tidak terbatas lantaran sifatnya yang amat lemah. Ia juga dapat merasai kesakitan yang tidak terhingga lantaran sifatnya yang amat dhaif. Namun ia memiliki Tuhan yang Maha Berkuasa. Tuhan yang memiliki *qudrat* dan sifat belas kasihan yang mutlak. Lantaran sifat inilah, Allah ﷺ menjadikan dunia yang amat besar dan luas ini sebagai khazanah atau gudang besar yang menyimpan pelbagai jenis galian yang diperlukan manusia. Dia juga menjadikan dunia ini sebagai gudang bagi pelbagai jenis makanan yang diperlukan manusia. Dia juga menjadikan dunia ini sebagai kedai bagi pelbagai jenis barang yang disukai oleh manusia. Allah ﷺ memandang manusia melalui pandangan belas kasihan, lalu Allah ﷺ mendidiknya dan membekalkannya dengan segala kehendaknya ...

Berdasarkan hakikat ini; iaitu Allah ﷺ mengasihi manusia dan Allah ﷺ menjadikan diriNya berhak untuk dikasihi oleh manusia. Allah ﷺ pula bersifat kekal. Dia memiliki alam yang berkekalan juga. Dia menjalankan segala perkara berdasarkan keadilanNya. Dia membuat segala perkara berdasarkan hikmatNya. Keagungan kekuasaan Allah ﷺ yang Maha Mencipta lagi Maha Azali ini dan keberkekalan pemerintahanNya tidak dapat dibatasi oleh dunia yang pendek ini.

Begitu juga tidak dapat dicukupi oleh umur manusia yang jauh lebih pendek daripada umur dunia, bahkan oleh umur dunia itu sendiri. Di atas dunia ini, manusia tidak terus menerima balasan terhadap perbuatan zalim, keingkaran, kekufuran dan kemaksiatan yang dilakukannya terhadap Tuhan yang telah memberikan nikmat dan mendidiknya dengan penuh belas kasihan. Keadaan ini bertentangan dengan sistem keadilan yang baik serta keseimbangan sempurna yang seharusnya berlaku di atas dunia ini. Keadaan ini juga bertentangan dengan keindahan dan kecantikan alam ini, kerana seorang zalim dan keras masih dapat terus menghabiskan kehidupannya dengan penuh kerehatan, sedangkan orang yang dizalimi dan menderita terpaksa menghabiskan hari-harinya dalam keadaan kehidupan yang susah. Tidak syak lagi, hakikat keadilan yang mutlak, kesannya dapat disaksikan pada seluruh makhluk yang tidak dapat menerima dan meredhai sama sekali, jika orang-orang yang zalim dan melampau itu tidak akan dibangkitkan semula bersama-sama dengan orang-orang yang dizalimi dan menderita, iaitu kedudukan mereka sama sahaja ketika berhadapan dengan kematian.

Allah ﷺ telah memilih bumi ini daripada sekalian alam yang wujud. Allah ﷺ juga telah memilih manusia untuk berada di atas muka bumi bersama makhluk lainnya. Allah ﷺ mengurniakan kedudukan yang tinggi kepada mereka. Allah ﷺ juga memberikan perhatian yang khusus untuk mereka. Allah ﷺ juga telah memilih para anbiya', awliya' dan *asfiya'* daripada kalangan manusia. Mereka adalah orang-orang yang melaksanakan segala tujuan dan matlamat Rabbaniyyah. Mereka menjadikan diri mereka dikasihi oleh Allah ﷺ dengan keimanan dan penyerahan diri mereka kepada Allah semata-mata. Allah ﷺ pula menjadikan mereka dari kalangan para waliNya yang dikasihi dan sentiasa menunjukkan arahan dan perintah kepada mereka. Allah ﷺ juga memuliakan mereka dengan pelbagai jenis mukjizat dan taufiq dalam amalan mereka. Allah ﷺ juga telah menundukkan para musuh mereka dengan tamparan dari langit. Allah ﷺ juga telah memilih daripada kalangan mereka seorang imam yang menjadi lambang kemegahan dan kebanggaan mereka, iaitu Muhammad ﷺ. Melalui nurnya, separuh daripada bumi yang mempunyai manfaat yang banyak diterangi dengan cahayanya, di samping satu perlima daripada kemanusiaan yang penting sepanjang beberapa kurun juga turut diterangi cahayanya. Seolah-olah seluruh makhluk diciptakan untuknya semata-mata, kerana matlamat-matlamat penciptaan seluruh makhluk ini jelas terjelma melalui baginda ﷺ dan melalui agama yang baginda ﷺ diutuskan untuk menyampaikannya, juga melalui al-Quran yang diturunkan kepada baginda ﷺ. Sepatutnya segala khidmat baginda ﷺ yang mulia dan tidak terhingga itu amat wajar untuk dibalasi dan diganjari dengan diberikan kepada umur panjang baginda ﷺ dan tidak terbatas. Baginda ﷺ amat berhak untuk memperolehinya. Namun apa yang berlaku, baginda ﷺ hanya mempunyai umur yang

pendek sahaja, iaitu sebanyak 63 tahun yang dihabiskan oleh baginda ﷺ dengan penuh mujahadah, kepenatan dan kelelahan! Adakah boleh, atau adakah masuk akal, atau adakah wujud kemungkinan bahawa baginda ﷺ dan orang-orang yang seumpama baginda ﷺ dan para kekasihnya tidak akan dibangkitkan semula? Adakah boleh, atau adakah masuk akal, atau adakah wujud kemungkinan bahawa baginda ﷺ sekarang tidak hidup dengan roh baginda ﷺ? Adakah masuk akal, atau adakah wujud kemungkinan bahawa sekarang baginda ﷺ telah musnah sama sekali, tidak mempunyai apa-apa lagi? Tidak, tentu sekali tidak ... Tidak seratus ribu kali tidak ... Ya, seluruh alam dan seluruh hakikat alam menyeru dan mahu agar baginda ﷺ dibangkitkan serta menuntut daripada Tuhan alam ini agar baginda ﷺ terus hidup.

*Al-Ayat al-Kubra ‘Risalah Alamat Yang Agung’* telah menjelaskan ... Ia adalah sinaran ketujuh dan ia telah membuktikan melalui 33 ikatan yang kuat. Setiap satu daripadanya adalah umpama bukit yang amat tinggi dari sudut kekuatan hujahnya ... Risalah tersebut telah menjelaskan bahawa alam ini tidak lahir melainkan daripada buatan kuasa Tuhan yang Maha Esa. Ia juga tidak dimiliki oleh sesiapapun melainkan milik Tuhan yang Maha Esa juga.

Risalah tersebut menampilkan pegangan tauhid melalui bukti dan martabat yang ditampilkan secara spontan, iaitu bahawa alam ini adalah paksi kesempurnaan sifat Tuhan. Ia juga menjelaskan bahawa dengan sifat keesaan dan ‘kesatuan’, seluruh alam bertukar menjadi umpama tentera yang dikerah oleh Tuhan yang Maha satu dan Maha esa itu. Semua mereka ditugaskan untuk melaksanakan segala perintahNya. Risalah itu juga menjelaskan bahawa dengan

kedatangan dan kewujudan akhirat akan merealisasikan dan memelihara kesempurnaanNya. Keadilan mutlak juga akan tersebar dan kezaliman akan dapat dihapuskan. Kebijaksanaan-Nya yang menyeluruh akan tersebar dan terselamat daripada sifat sia-sia dan diperbodohkan. Sifat rahmatNya yang menjangkau ufuk yang luas dapat menyelamatkan manusia daripada azab yang memedihkan. Begitu juga, kemuliaan dan kekuatanNya yang mutlak dapat dilihat dengan jelas serta jauh daripada kelemahan yang menghinakan. Seterusnya segala sifatNya akan terzahir dalam keadaan bersih, suci dan agung.

Oleh itu, tidak diragukan lagi bahawa hari kiamat pasti akan berlaku. Begitu juga kebangkitan dan pengumpulan semula manusia pasti akan berlaku. Pintu-pintu bagi negeri pahala dan seksa pasti akan dibuka, berdasarkan hakikat-hakikat yang terdapat di dalam kelapan-lapan perenggan yang telah disebutkan sebelum ini. Kelapan-lapannya adalah permasalahan halus dan noktah yang mengandungi matlamat tersendiri daripada ratusan noktah yang halus tentang keimanan kepada Allah ﷺ. Ia adalah bagi merealisasikan kepentingan alam bumi ini dan kedudukan serta kemuliaan manusia itu sendiri ... Ia juga bagi menunjukkan dan membuktikan keadilan, kebijaksanaan, kerahmatan dan kekuasaan Tuhan bumi dan Tuhan manusia ... Ia juga bagi menyelamatkan para wali dan para kekasih sebenar yang merindukan Tuhan yang Maha kekal daripada sifat binasa dan kemusnahan abadi ... Ia juga bagi membolehkan orang yang paling agung, paling dikasihi dan paling mulia daripada kalangan mereka untuk melihat balasan pahala daripada amalnya serta hasil khidmatnya yang mulia yang menjadikan seluruh alam berada dalam keadaan bersyukur dan keredhaan

yang berterusan ... Juga agar kesempurnaan kekuasaan Allah ﷺ yang kekal abadi itu tersuci daripada sebarang kekurangan dan kecuaian, serta kekuasaanNya bersih daripada kelemahan dan hikmat kebijaksanaanNya terlepas daripada kemungkaran, serta keadilanNya terungkai daripada kezaliman.

Kesimpulannya:

*“Selama mana Allah ﷺ wujud, maka akhirat adalah suatu yang tidak diragukan lagi kewujudannya secara mutlak”.*

Ketiga-tiga rukun iman yang disebutkan sebelum ini terbukti dengan segala dalilnya dan menyaksikan ‘kebangkitan semula’. Maka begitu juga dengan dua lagi rukun iman iaitu beriman kepada para malaikatNya dan beriman dengan qadar baik dan buruknya semuanya datang daripada Allah ﷺ ... kedua-duanya juga turut membuktikan kewujudan ‘kebangkitan semula’ ... Kedua-duanya menyatakan dengan penyaksian yang kuat terhadap alam yang lain dan menunjukkan kepada ‘kebangkitan semula’ itu sebagaimana berikut:

Segala dalil, penyaksian dan dialog yang menunjukkan kewujudan malaikat serta tugas-tugas ‘ubudiyyah mereka mengambil peranan sebagai dalil yang menunjukkan kewujudan alam roh, alam ghaib, alam baqa’ (kekal), alam akhirat, negeri kebahagiaan, syurga dan neraka yang kedua-duanya akan dipenuhi dengan manusia dan jin. Ini adalah kerana malaikat boleh melihat dan berasda di alam-alam ini melalui keizinan yang diberikan oleh Allah ﷺ kepada mereka. Semua para malaikat berada dekat dengan manusia seperti Jibril a.s. yang sentiasa bertemu dengan manusia

memberitahu secara sepakat tentang kewujudan alam-alam tersebut dan memberitahu tentang perjalanan yang mereka lakukan di dalamnya. Kita mengetahui secara mudah tentang kewujudan benua Amerika yang tidak pernah kita lihat, melalui perkhabaran yang disampaikan oleh orang-orang yang pernah pergi ke sana. Maka begitu juga kita boleh beriman dengan mudah dengan perkhabaran yang disampaikan oleh malaikat yang menceritakan tentang kewujudan alam kekal, negeri akhirat, syurga dan neraka... Tambahan pula perkhabaran yang disampaikan oleh malaikat menyamai kekuatan seratus kali berita yang mutawatir... Demikianlah kita beriman dan membenarkan berita-berita tersebut.

Dalil-dalil yang membuktikan keimanan kepada *al-qadr* sebagaimana terdapat di dalam *Risalah al-Qadr* iaitu *Kalimah Kedua Puluh Enam* turut menjadi dalil dan bukti terhadap kebangkitan, pengumpulan semula manusia dan timbangan amalan manusia pada neraca agung. Ini adalah kerana apa yang kita saksikan dengan mata kepala kita seperti suatu catatan di atas papan sistem dan neraca ... penulisan segala peristiwa dan kejadian kehidupan bagi setiap yang hidup di dalam ingatannya, di dalam biji dan benihnya dan di dalam papan-papan seumpamanya ... perakaman segala perbuatan yang dilakukan oleh makhluk yang bernyawa terutamanya manusia serta penetapannya pada papan yang terpelihara ... semua penetapan yang dilakukan terhadap semua perkara adalah melalui penetapan yang berdasarkan kebijaksanaan, penelitian dan penuh amanah, semuanya itu dilakukan demi menghadapi hari penghakiman yang agung, bagi mencapai balasan pahala atau balasan seksa yang berkekalan. Jika tidak demikian, maka tiada sebarang matlamat dan faedah di

sebalik catatan yang menyeluruh, dan penulisan yang merakam serta merekodkan segala perkara hatta perkara yang paling halus sekalipun. Jika demikian, maka berlakulah apa yang dikatakan sebagai perkara yang berlawanan dengan hikmat kebijaksanaan dan hakikat kebenaran. Jika kebangkitan semula tidak berlaku, maka segala pengertian buku alam yang benar yang ditulis dengan pena *al-qadr* akan terburai dan rosak binasa! Ini sama sekali tidak mungkin berlaku. Langsung tiada kebarangkalian sedemikian. Bahkan ia adalah mustahil sama sekali. Sama seperti mustahilnya untuk mengingkari kewujudan alam ini bahkan ia adalah kegilaan semata-mata.

Kesimpulan; seluruh dalil yang menjadi bukti kepada kelima-lima rukun iman, juga menjadi dalil dan bukti terhadap ‘kebangkitan dan pengumpulan semula’ manusia serta kewujudannya. Ia juga menunjukkan kepada kewujudan negeri akhirat dan pintu-pintunya yang sedang terbuka. Bahkan kesemua dalil tersebut wujud untuk disaksikan kebenarannya. Oleh itu, adalah amat tepat dan serasi, apabila hampir satu pertiga kandungan al-Quran membincangkan tentang ‘kebangkitan semula’, kerana ia adalah asas dan bukti yang langsung tidak dapat dipertikaikan. al-Quran juga menjadikannya sebagai asas dan pusat bagi seluruh hakikatnya yang lain yang dilaungkannya selepas itu.



## Noktah Tauhid Pada Lafaz ‘Dia’ (هُوَ)

*Dengan Nama Allah Yang Maha Suci*

*“... dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih  
dengan memujiNya ...”<sup>22</sup>*

*Assalamu ‘alaikum wa rahmatullah  
wa barakatuh selama-lamanya.*

Wahai saudara-saudaraku yang sangat mulia dan setia!

Saya telah menyaksikan dengan penyaksian yang sebenar melalui perjalanan pemikiran secara berfikir, ketika saya sedang menilik lembaran udara melalui jirim fizikalnya sahaja, saya ternampak satu noktah tauhid yang menarik lahir daripada lafaz ‘Dia’ (هُوَ) iaitu perkataan yang terdapat pada

(فَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) dan pada. Saya dapati padanya bahawa jalan keimanan adalah mudah dan ringan sehingga kelihatan ia wajib dilalui, sedangkan jalan syirik dan kesesatan adalah mustahil dan dipenuhi dengan pelbagai kesukaran sehingga kelihatan ia amat sukar untuk ditempuhi.

Saya akan menerangkan noktah yang menarik, luas dan panjang itu melalui satu isyarat yang amat ringkas.

Ya! Segenggam tanah boleh menjadi tempat untuk menumbuhkan ratusan tumbuhan berbunga jika biji-bijian

---

<sup>22</sup> Al-Israa’, 44

bunga diletakkan di atas tanah tersebut secara berturut-turut dan bergilir-gilir. Jika perkara ini diserahkan kepada tabiat semulajadi dan (kaedah sebab musabbab sahaja), maka terdapat dua kemungkinan dalam hal ini. Pertama, mungkin pada tanah tersebut terdapat ratusan kilang maknawi yang kecil, bahkan mungkin bilangan kilang tersebut menyamai bilangan bunga yang tumbuh ... Kedua, mungkin juga setiap zarah tanah itu mengetahui binaan pelbagai jenis bunga, mengetahui susunannya dengan pelbagai cirinya yang tersendiri dan segala keperluan kehidupannya. Maksudnya, tanah tersebut mempunyai ilmu meliputi kudrat yang mutlak yang menyamai ilmu dan kudrat Allah ﷺ!

Udara adalah singgahsana pemerintah dan kehendak Ilahi. Setiap bahagian daripada udara, sama ada yang berbentuk bayu atau angin, bahkan udara yang berada di dalam sebahagian pernafasan manusia ketika mengucapkan perkataan (هُوَ) mempunyai tugas-tugas yang tidak terhingga dan tidak terkira.

Jika segala tugas ini disandarkan kepada tabiat semulajadi, kebetulan dan sebab musabbab semata-mata, maka terdapat dua kemungkinan. Pertama, mungkin udara membawa bersamanya pusat penyiaran dan penerimaan pancaran mini yang boleh menyiar dan menerima semua jenis suara dan perhubungan melalui telegraf, telefon dan radio di samping suara-suara percakapan yang lain. Pusat ini juga mempunyai kemampuan untuk melaksanakan segala tugas-tugas tersebut dalam satu waktu ... Kedua, mungkin sebahagian udara yang terdapat pada perkataan (هُوَ), iaitu setiap bahagian bahkan setiap zarah daripadanya, mempunyai ciri-ciri maknawi yang tersendiri, mempunyai kebolehan-

kebolehan sebanyak bilangan orang yang bercakap melalui telefon, sebanyak bilangan orang yang menghantar telegram dan sebanyak bilangan orang yang membuat siaran melalui radio. Setiap zarah ini juga mengetahui segala bahasa dan loghat yang digunakan dan dalam masa yang sama dapat mengajarkannya kepada zarah-zarah yang lain, dapat menyiarkannya dan dapat menyebarkannya juga. Sebahagian daripada fenomena tersebut dapat kita saksikan sebenarnya. Semua bahagian udara membawa kebolehan tersebut ... Oleh itu, bukan hanya terdapat satu sahaja kemustahilan di hadapan jalan golongan materialis dan naturalis, bahkan terdapat banyak perkara mustahil yang jelas, halangan dan kemosyikilan yang tidak terkira sebanyak bilangan zarah udara itu sendiri. Oleh itu, perkara ini adalah jelas dilihat.

Tetapi jika perkara tersebut disandarkan kepada Allah ﷺ Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia, maka pada ketika itu, udara dengan segala zarahnya menjadi tentera yang sentiasa bersiap untuk menerima perintah Ilahi. Pada ketika itu juga, kesemua zarah udara melaksanakan tugas-tugasnya yang berbagai-bagai itu serta tidak terkira banyaknya dengan keizinan dan kekuatan Allah ﷺ. Tugas-tugas itu juga dilaksanakan oleh setiap zarah tersebut dengan penjelmaan kudrat Allah ﷺ yang berlaku secara pantas sepantas kilat dan dengan penuh kesenangan semudah melafazkan kalimah (وَ) serta semudah gelombang udara yang keluar daripada menyebut perkataan tersebut. Maksudnya, udara menjadi lembaran luas bagi tulisan-tulisan yang telah diselaraskan dalam keadaan yang indah yang tidak terkira banyaknya bagi pena kudrat Ilahi. Sementara zarah udara tersebut pula menjadi permulaan kepada pena tersebut. Manakala zarah-zarah tersebut menjadi noktah-noktah lakaran oleh pena *al-*

*qadar* (ketetapan Allah ﷺ). Oleh itu, segalanya menjadi mudah semudah gerakan sebijji zarah sahaja.

Saya melihat hakikat ini dengan amat jelas dan huraian yang sempurna, juga melalui mata yang yakin ('ainul yaqin), iaitu ketika saya menyaksikan dunia udara dan memerhatikan lembarannya saya menerawang dengan pemikiran saya serta memerhatikan kalimah (قَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ) (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) dan (هُوَ). Dari situ saya tahu dengan 'ilmul yaqin bahawa terdapat satu bukti yang jelas terhadap keesaan Allah ﷺ pada udara yang wujud pada lafadz (هُوَ). Begitu juga pada makna dan isyaratnya terdapat penjelmaan bagi sifat keesaan. Bukti ini amat jelas dan amat kuat bagi membuktikan keesaan Allah ﷺ. Ia juga menjadi *qarinah (perbandingan)* kepada *isim isyarat* yang disebutkan secara mutlak dan tidak jelas iaitu ganti nama (هُوَ) seolah-olah ia tertanya-tanya kepada siapakah ganti mana itu diisyaratkan? Maka ketika itu, fahamlah saya mengapa al-Quran dan ahli zikir sentiasa mengulang-ulang kalimah ini pada maqam tauhid.

Jika seseorang mahu membuat suatu titik di atas sekeping kertas berwarna putih, maka perbuatan tersebut mudah sahaja untuk dilakukan. Tetapi jika dia diminta membuat beberapa titik pada beberapa helaian dalam masa yang sama, maka sudah tentu perbuatan tersebut adalah sukar dan mengelirukan. Demikian jugalah yang berlaku kepada sesuatu makhluk yang kecil jika ia ditekan melakukan beberapa tugas dalam masa yang sama. Oleh itu, sudah semestinya zarah-zarah akan menjadi kacau dan berselerak kerana terlalu banyak kalimah (perintah) keluar daripada mulut pada masa yang sama dan pada masa yang sama juga ia masuk ke dalam telinga ...

Tetapi saya menyaksikan dengan ‘ainul yaqin melalui petunjuk yang diberikan oleh lafaz (هُوَ) yang telah menjadi kunci atau kompas, bahawa jumlah titik yang ribuan banyaknya serta huruf dan perkataan telah diletakkan (atau boleh diletakkan) di dalam setiap bahagian udara yang menjadi medan saya menerawangkan pemikiran. Bahkan kesemua tugas tersebut boleh diletakkan di atas satu zarah sahaja tanpa berlaku percampuran, keserbutan dan menyebabkan peraturan menjadi berkecamuk. Perlu dinyatakan juga bahawa setiap zarah tersebut juga turut melaksanakan tugas-tugas lain yang amat banyak dalam masa yang sama. Namun itu sedikit pun tidak menjadikan zarah tersebut terkeliru. Zarah-zarah itu juga turut menanggung bebanan yang amat berat tanpa sedikit pun memperlihatkan kelemahan atau kemalasan. Kita tidak melihatnya cuai daripada melaksanakan tugasnya yang pelbagai bahkan ia menjalankan tugas-tugas tersebut dengan penuh peraturan, meskipun ribuan kalimah mendatangi zarah-zarah tersebut dalam bentuk dan suara yang berbagai-bagai. Bentuk dan suara yang datang itu juga turut keluar semula daripada zarah-zarah tersebut dengan tersusun rapi dan sama sebagaimana keadaannya ketika masuk, tanpa berlaku sebarang percampuran atau kekeliruan dan tanpa menyebabkan salah satu daripada zarah tersebut merosakkan zarah yang lain. Seolah-olah semua zarah tersebut mempunyai telinga kecil yang tajam pendengarannya yang sama besar dengan dirinya sendiri dan turut mempunyai lidah halus yang sesuai dengan dirinya, lalu semua perkataan masuk melalui telinga tersebut kemudian keluar daripada lidahnya yang kecil itu ... Bersama dengan segala perkara yang menakjubkan ini, setiap zarah bahkan setiap bahagian udara itu dapat berlegar dengan penuh kebebasan sambil

berzikir kepada Tuhan yang lisannya dalam keadaan penuh kesukaan dan kegembiraan dengan mengucapkan:

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) (قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ)  
melalui lisan dan penyaksian hakikat yang telah disebutkan sebentar tadi.

Ketika berlaku ribut yang kuat, guruh yang berdentum dan kilat yang menyambar, udara bertukar menjadi ombak besar yang bergelombang ... Namun setiap zarah masih belum kehilangan sistem dan peraturannya. Sedikitpun tugasnya tidak tergendala ... Sesuatu tugas tidak pernah menghalang tugas yang lain ... Demikianlah saya menyaksikan hakikat tersebut melalui pandangan mata hakikat ('ainul haqiqah).

Jadi, sama ada setiap zarah itu bahkan setiap bahagian udara itu mempunyai ilmu, kebijaksanaan, kehendak, kekuatan dan kudrat yang mutlak dan menyeluruh terhadap keseluruhan zarah ... agar ia mampu melaksanakan segala tugasnya yang pelbagai itu dalam keadaan sempurna ... namun keadaan ini adalah amat mustahil sebanyak bilangan zarah tersebut dan adalah keadaan yang sama sekali tidak boleh diterima, bahkan ia tidak pernah disebutkan oleh manapun syaitan ...

Oleh itu, akal yang waras berfikir berdasarkan *haqqul yaqin*, '*ainul yaqin* dan '*ilmul yaqin* bahawa lembaran udara ini adalah lembaran yang sentiasa bertukar ganti. Allah ﷺ Tuhan Yang Maha Mencipta mencatat di atasNya apa sahaja yang dikehendakinya berdasarkan ilmuNya yang mutlak dengan pena qudrat dan qadarNya yang menggerakkan segala sesuatu berdasarkan hikmatNya yang juga mutlak. Lembaran itu adalah umpama papan yang boleh dipadam dan ditulis tentang alam yang sentiasa bertukar dan berubah bagi segala

benda yang boleh dicatatkan di *Lawh Mahfuz*.

Demikianlah, udara menunjukkan penjelmaan sifat keesaan dengan perkara-perkara menakjubkan yang disebutkan tadi, ketika ia melaksanakan satu sahaja daripada tugas-tugasnya iaitu ketika memindahkan suara. Dalam masa yang sama, ia juga menjelaskan dengan terang tentang kemustahilan kesesatan yang tidak terhitung. Ia juga turut melaksanakan pelbagai tugas lain yang amat penting dengan penuh teratur tanpa berlaku percampuran, pertindihan dan kekeliruan, seperti pemindahan bahan-bahan seni seperti elektrik, tarikan graviti dan cahaya. Dalam masa yang sama, ia turut memasuki pelbagai tumbuhan dan haiwan melalui pernafasan sambil menjalankan tugas-tugas hariannya dengan penuh ketelitian. Dalam masa yang sama juga, ia turut memindahkan benih-benih tumbuhan untuk tujuan persenyawaan. Begitu juga dengan tugas-tugas asasi lain yang dijalankannya bagi menerus dan mengekalkan kehidupan ini. Ini semua membuktikan bahawa udara adalah suatu singgahsana agung yang tunduk dan patuh kepada perintah Ilahi dan kehendakNya yang Maha Mulia. Ia juga membuktikan dengan ‘ainul yaqin’ bahawa semua itu berlaku tanpa campurtangan ‘kebetulan’ atau sebab-sebab remeh atau bahan-bahan yang lemah, beku dan tidak tahu melakukan penulisan yang indah terhadap lembaran udara dan melaksanakan tugasnya yang penting itu.

Lalu saya merasa amat yakin dengan ‘ainul yaqin’ bahawa setiap zarah bahkan setiap bahagian udara mengucapkan melalui lisan halnya:

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ) dan (هُوَ الْأَحَدُ). قَالَ

Saya menyaksikan perkara yang menakjubkan ini

daripada sudut material yang terdapat pada udara dengan menggunakan kunci ini, iaitu kunci perkataan ‘dia’ (هُوَ). Begitu juga seluruh elemen udara menjadi seperti perkataan ‘dia’ (هُوَ), iaitu menjadi kunci alam *al-mithal* (perumpamaan) dan alam maknawi.

Alam *al-mithal* menjadi umpama kamera yang amat besar dan merakamkan gambar yang tidak terhitung banyaknya bagi segala peristiwa yang berlaku di dunia. Ia menyimpan semua gambar tersebut sekaligus tanpa berlaku percampuran dan kekeliruan sehingga seluruh alam ini meliputi segala pemandangan akhirat yang agung dan luas serta dapat menampung pemandangan ribuan dunia yang membentangkan keadaan-keadaan kemusnahan yang berlaku bagi makhluk-makhluk yang binasa. Ia juga memperlihatkan buahan kehidupannya yang merentasi pemandangan dan lukisan abadi yang dibentangkan di hadapan penghuni syurga yang memperolehi kebahagiaan selamanya melalui pameran yang berkekalan. Semua ini memperingatkan mereka tentang kejadian-kejadian dunia dan kenangan-kenangan indah yang berlalu di sana.

Hujah kuat yang menunjukkan kewujudan *Lawh Mahfuz* dan alam *al-Mithal* serta contoh kecilnya ialah kekuatan ingatan dan kekuatan khayalan yang berada di dalam kepala manusia. Meskipun kedua-duanya (kekuatan ingatan dan khayalan) hanya mengambil tempat yang amat sempit, iaitu tidak sampai sebesar sebutir benih sekalipun, namun kedua-duanya dapat melaksanakan tugas-tugasnya dalam keadaan yang amat sempurna tanpa berlaku percampuran dan kekeliruan. Juga dalam keadaan yang amat sistematik dan penuh ketelitian. Sehingga kedua-duanya menjadi seperti

sebuah perpustakaan yang amat sarat dengan maklumat dan dokumen. Ini semua membuktikan kepada kita bahawa kedua-dua kekuatan itu merupakan model kepada *Lawh Mahfuz* dan alam *al-Mithal*.

Demikianlah diyakini dengan *ilmul yaqin* yang muktamad bahawa udara dan air, terutamanya air mani, dapat mengatasi tanah dari sudut ia menunjukkan kewujudan Allah ﷺ sebagaimana kami telah bincangkan pada awal perbincangan tentang perkara ini. Kedua-duanya merupakan lembaran luas yang menjadi kertas untuk ditulis oleh qalam qadar dan hikmat Allah segala penulisan yang dipenuhi dengan kebijaksanaan yang mendalam. Kedua-duanya (air dan udara) juga menggerakkan iradah dan *Qalam al-Qadar* serta *Qudrah* di dalam kedua-duanya. Dengan ini, adalah diyakini juga bahawa campurtangan ‘kebetulan membabi buta’, kekuatan dan tabiat semulajadi yang buta dan tuli, serta sebab musabab yang remeh dan beku terhadap penulisan yang amat bijaksana itu merupakan satu perkara yang amat mustahil, seratus kali mustahil. Bahkan ia tidak mungkin berlaku sama sekali.

Sehingga sekarang baki risalah ini tidak dipertuliskan.

Ribuan ucapan penghormatan dan selamat untuk semua.

***Bediuzzaman Said Nursi***



# Pengaduan Adalah Bala

[Maqam Kedua Daripada Kalimah Yang Ketujuh Belas]<sup>23</sup>

Janganlah anda meraung, wahai si malang! Bertawakkallah kepada Allah ﷺ semasa menghadapi bala bencana. Pengaduan yang anda lakukan sebenarnya adalah bala.

Bahkan ia adalah bala di dalam bala, dosa di dalam dosa serta kepenatan.

Bala akan bertukar menjadi hadiah di dalam hadiah, kejernihan di dalam kejernihan.

Tinggalkanlah pengaduan. Bersyukurlah. Ianya akan menjadi seperti perihal bunga-bungaan akan tersenyum kerana kegembiraan burung bulbul (merbah).

---

<sup>23</sup> Bediuzzaman Said Nursi

*“Petikan yang terdapat pada Maqam Kedua ini datang dalam keadaan yang menyerupai syair, namun ia bukanlah syair. Penyusunannya dalam bentuk demikian tidaklah disengajakan. Tetapi kesempurnaan penyusunan hakikat menjadikannya terbentuk dalam bentuk yang menyerupai nazam (syair).”*

*“Tetapi ketika menterjemahkannya (kepada bahasa Arab) saya hanya berpada menterjemahkan maknanya sahaja”.*

(Penterjemah - Ihsan Qasim al-Solehi)



Tanpa Allah ﷺ hidup anda adalah kesakitan dan azab, kemasuhan dan kehilangan, kesia-siaan di dalam kesiasiaan.

Marilah bertawakkal kepada Allah ﷺ ketika menghadapi bala bencana.

Kenapakah anda bertempik dan meraung hanya kerana bala yang kecil? Sedang tanpa disedari anda sebenarnya dibebani dengan bala bencana sebesar dunia ini?



Senyumlah dengan bertawakkal ketika menghadapi segala bala bencana, agar bala bencana itu tersenyum buat anda.

Jika ia tersenyum, maka ia akan menjadi kecil dan kecut sehingga ia terus menghilang.

Wahai orang yang terpedaya, ketahuilah!

Bahawa kebahagiaan di dunia ini ialah dengan meninggalkan dunia.

Jika benar anda beriman dengan Allah ﷺ, Dia sudah mencukupi buat anda. Jika anda berpaling daripada dunia, dunia akan datang kepada anda.



Jika anda merasa bangga dengan diri anda, maka itu adalah kemasuhan yang nyata.

Walau bagaimana sekalipun amalan yang anda lakukan, namun segala perkara akan memusuhi anda.

Oleh itu, dalam kedua-dua keadaan, anda mesti meninggalkan (dunia).



Meninggalkan dunia bermaksud bahawa dunia adalah milik Allah ﷺ. Ia hanya boleh dipandang dengan izin dan namaNya sahaja. Jika anda ingin mencari perniagaan yang memperolehi keuntungan, maka ia adalah dengan menukarkan umur anda yang kekal abadi dengan umur anda yang akan binasa dan hilang.



Jika anda ingin memenuhi segala keinginan diri anda, maka ia akan binasa, sesat dan lemah. Jika anda mendongak ke arah ufuk yang tinggi, maka tanda-tanda kemasuhan jelas ternyata.



Segala kesenangan di pasaran ini hanyalah palsu. Sedikitpun tidak layak untuk dibeli. Oleh itu, tinggalkanlah ia. Kerana yang berasal dari situ sedang bersiap sedia untuk digantikan.



# Satu Buah Daripada Pokok Mulberi Hitam

[Maqam Kedua Daripada Kalimah Ketujuh Belas]

(Di atas puncak pokok mulberi hitam, *Said Lama* melalui lidah *Said Baru*<sup>24</sup> menyebutkan hakikat-hakikat berikut).

Orang yang bercakap denganku bukanlah Ziya Pasya,<sup>25</sup> bahkan mereka yang terpesona dengan Eropah. Orang yang bercakap bukanlah diriku, tetapi hatiku yang merupakan murid kepada al-Quran.



Sesungguhnya ‘kalimah-kalimah’ yang telah disebutkan sebelum ini adalah hakikat-hakikat kebenaran. Janganlah anda kebingungan. Awaslah daripada anda melepassi

---

<sup>24</sup> Ustaz Bedizzaman Said Nursi menggelar dirinya sebagai *Said Lama* sebelum beliau mula menulis Risale-i Nur, manakala selepas itu beliau menggelar dirinya sebagai *Said Baru*.

<sup>25</sup> Seorang penyair berbangsa Turki (1825-1880). Merupakan salah seorang reformis. Memasuki pertubuhan ‘Uthmani Baru (New Ottoman) dan berhijrah ke Paris. Mempunyai koleksi ‘Zafar Namah’ dan ‘Kharabat’ di dalam 3 jilid. Di dalamnya dihimpunkan syair-syair terpilih. Beliau adalah seorang yang amat pintar, tetapi beliau kebingungan berhadapan dengan hikmat Ilahi yang berlaku di alam semesta. Lantaran kebingungannya itu, beliau mengalami penderitaan yang hebat. - (Kamus Turki)

batasannya.

Janganlah anda sesat dengan mendengar fikiran orang-orang asing, kerana tentulah ia adalah kesesatan yang akan menyebabkan kamu menjadi seorang yang penuh dengan penyesalan.



Tidakkah anda pernah melihat orang yang lebih luas fikirannya dan lebih tajam penglihatannya sentiasa berkata ketika kebingungan: Aduh! Alangkah malangnya! Kepada siapa aku mengadu? Kerana apa? Aku sudah kebingungan!

Saya akan berkata tanpa ragu-ragu lagi, kerana al-Quran menjadikan saya berkata-kata: Saya hanya mengadu kepada Allah ﷺ dan keranaNya. Saya tidak akan bingung seperti anda!



Saya meminta pertolongan daripada kebenaran dan dengan kebenaran, saya tidak akan melampaui batasan sempadan saya.

Saya berdoa dari bumi ke langit. Saya tidak mlarikan diri seperti anda!



Di dalam al-Quran al-Karim, semuanya adalah dakwah. Saya tidak akan mengabaikannya seperti yang pernah kamu lakukan.

Di dalam al-Quran al-Karim: Semuanya adalah hikmat kebijaksanaan yang benar. Saya membuktikannya. Saya tidak memberikan sebarang keprihatinan kepada mana-mana

falsafah yang bertentangan.



Di dalam al-Quran al-Karim terdapat permata-permata hakikat.

Saya menebusnya dengan nyawa saya ... Saya tidak menjualkannya seperti anda!



Saya menerawangkan pandangan mata saya daripada makhluk kepada al-Khaliq (Tuhan yang Maha Mencipta). Saya tidak sesat seperti anda!

Saya terbang di atas jalan yang penuh berduri. Saya tidak memijaknya seperti anda!

Kesyukuranku naik hingga ke angkasa raya. Saya tidak melakukan maksiat seperti anda!



Saya melihat kematian dan ajal sebagai sahabat. Saya tidak takut kepadanya seperti anda!

Saya akan memasuki kubur dengan ketika tersenyum. Tidak gementar sebagaimana anda!



Mulut naga? Hamparan kesunyian? Jendela kemusnahan? Saya tidak melihat kubur sedemikian sebagaimana anda!

Bahkan saya melihatnya sebagai tempat pertemuan para kekasih ... Saya tidak merasa bosan dan saya tidak merasa marah terhadapnya seperti anda!



Saya tidak merasa dada saya sempit kerananya. Malah saya tidak mengeruninya.

Ia adalah pintu rahmat, pintu cahaya dan pintu kebenaran.

Saya mengetuknya dengan mengucapkan “*Bismillah*” dengan nama Allah ﷺ. Saya tidak berpaling dan saya tidak kebingungan.

Saya akan tidur lena, dengan mengucapkan “*Alhamdulillah*”, tidak merasai kesempitan dan tidak berada di dalam kesunyian.

Saya akan bangkit kerana mendengar gemaan suara Israfil pada fajar *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) dengan berkata: “*Allahu Akbar*”.

Saya tidak gerun menghadapi *al-Hasyr* (Hari Kebangkitan) agung!



Sama sekali saya tidak pernah merasa putus asa daripada kelembutan Allah ﷺ, Risale-i Nur al-Quran al-Karim dan limpahan keimanan.

Bahkan saya sentiasa berusaha, berlari dan terbang menuju naungan singgahsana al-Rahman.

Saya tidak kebingungan seperti anda ... Insya Allah ﷺ.



# Siapakah Manusia Yang Paling Bahagia?

[Perkara Kelima Daripada *al-Maktabat*]

- ✿ Oleh kerana dunia ini akan binasa ...
- ✿ oleh kerana umur adalah pendek ...
- ✿ oleh kerana kewajiban adalah banyak ...
- ✿ oleh kerana kehidupan abadi hanya dapat diusahakan di sini, yakni di dunia ...
- ✿ oleh kerana dunia ini mempunyai Pemiliknya ...
- ✿ oleh kerana dunia adalah merupakan yang rumah tetamu mempunyai seorang *Mudabbir* yang amat *Hakim* (Bijaksana) dan *Karim* (Pemurah) ...
- ✿ oleh kerana sama ada amalan kebaikan atau kejahanatan tidak akan dihukum tanpa balasan ...
- ✿ oleh kerana berdasarkan rahsia ayat ini

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

“Allah tidak akan membebankan seseorang dengan sesuatu yang berada di luar kemampuannya” ...

- ✿ oleh kerana jalan yang lurus dan jalan kesakitan itu tidak sama ...
- ✿ oleh kerana rakan-rakan duniawi dan kedudukannya akan mengikutinya hingga ke pintu kubur ...

- ❖ Maka sudah tentu, manusia yang paling bahagia ialah;
- ❖ seseorang yang tidak melupakan akhirat demi dunia ...
- ❖ dan tidak mengorbankan akhiratnya kerana dunia ...
- ❖ dan tidak merosakkan kehidupannya yang abadi demi kehidupan keduniaan ...
- ❖ dan tidak mensia-siakan umurnya pada perkara yang tidak berkepentingan ...
- ❖ dia juga mematuhi segala perintah sebagaimana tamu mematuhi arahan tuan rumah ...
- ❖ agar dia dapat membuka pintu kuburnya dengan aman ...
- ❖ dan memasuki negeri kebahagiaan yang abadi dengan selamat ...



# Sebaik-Baik Pemuda Di Kalangan Anda

خَيْرُ شَبَابِكُمْ مَنْ تَشَبَّهَ بِكُهُولِكُمْ وَشَرُّ كُهُولِكُمْ مَنْ تَشَبَّهَ  
بِشَبَابِكُمْ

*“Sebaik-baik pemuda di kalangan kamu ialah sesiapa yang menyerupai orang-orang tua di kalangan kamu dan seburuk-buruk orang tua di kalangan kamu ialah sesiapa yang menyerupai orang-orang muda di kalangan kamu”.*<sup>26</sup>

**Soalan:** Adakah kata-kata di atas merupakan habis Nabi ﷺ?  
Apakah maksudnya?

**Jawapan:** Saya pernah mendengar bahawa kata-kata tersebut adalah hadis Nabi ﷺ Maksudnya ialah:

*“Sesungguhnya sebaik-baik pemuda ialah mereka yang tidak terlalu tenggelam di dalam kealpaan. Bahkan mereka sentiasa mengingati kematian sebagaimana diingati oleh golongan tua. Lalu mereka berusaha keras untuk memakmurkan akhirat mereka dengan membebaskan diri daripada ikatan dan runtunan hawa nafsu muda mereka. Dan seburuk-buruk orang tua di kalangan kamu ialah mereka yang lalai kepada Allah, lalu mereka*

---

<sup>26</sup> Dikeluarkan oleh Abu Ya‘la dan al-Tabarani di dalam *al-Mu‘jam al-Kabir* daripada hadith *Wathilah*.

*diseret oleh kealpaan zaman muda, dan mereka meniru perangai pemuda yang mengikut hawa nafsu seperti kanak-kanak yang meniru perbuatan orang dewasa.”*

Kebetulan pengertian daripada bahagiaan kedua yang anda<sup>27</sup> dapat lihat di dalam papantanda anda ialah; saya pernah meletakkan di atas kepala saya sepotong kayu yang mengandungi suatu kata-kata hikmat. Saya melihatnya pagi dan petang dan saya mendapat pengajaran daripadanya. Kata-kata hikmat itu ialah:

- ❖ “*Jika anda mahukan seorang wali, maka cukuplah Allah menjadi wali buat anda*”. – Ya! Jika Allah ﷺ adalah wali anda, maka segala sesuatu menjadi kawan anda.
- ❖ “*Jika anda mahukan seorang teman, maka cukuplah al-quran al-karim menjadi teman anda*”. - Kerana dengannya, anda akan hidup bersama para nabi dan

<sup>27</sup> Di sini Ustaz Bediuzzaman Said Nursi berkata kepada anak muridnya, yang bernama Hulusi Yahyagil. Beliau adalah murid pertama Risale-i Nur, berasal dari Timur Turki. Beliau pernah bertugas dalam tentera sebagai kaptan di selatan Turki. Pada tahun 1929, pertama kali beliau menziarahi Ustaz Bediuzzaman. Selepas beliau bertemu dengan Ustaz Bediuzzaman, beliau berhenti tugasannya askar itu lalu mula berkhidmat kepadanya. Oleh kerana itu, Ustaz Bediuzzaman menyebut tentang beliau:

*Semangat dan kesungguhan beliau adalah sebab yang paling penting untuk menulis buku al-Maktubat (Surat-surat) dan akhir risalah-risalah di dalam buku al-Kalimat (Kalimah-kalimah)”.*

Semoga Allah merahmatinya.

malaikat yang merupakan sebaik-baik teman.

- ❖ “*Jika anda mahukan harta, maka cukuplah perasaan qana’ah (berpada dengan apa yang ada) menjadi khazanah kekayaan anda*”. - Ya! Seseorang yang memiliki *qana’ah* akan sentiasa berjimat cermat dan orang yang berjimat cermat akan memperoleh keberkatan.
- ❖ “*Jika anda mahukan seorang musuh, maka cukuplah nafsu anda sebagai musuh*”. - Kerana seseorang yang merasa kagum dengan dirinya sudah pasti akan melihat musibah dan dikenakan bala, sedangkan orang yang tidak merasa kagum dan sombang dengan dirinya akan mendapat kegembiraan, kebahagiaan dan rahmat daripada Allah ﷺ.
- ❖ “*Jika anda mahukan seorang pemberi nasihat, maka cukuplah kematian sebagai pemberi nasihat*.” - Sesungguhnya, sesiapa yang mengingati kematian akan selamat daripada cintakan dunia dan akan berusaha untuk akhiratnya dengan bersungguh-sungguh.



## Kepada Pemuda Yang Sakit - Penawar Kelima<sup>28</sup>

Wahai pesakit yang sedang diuji dan diduga!

Melalui pengalaman, saya sekarang merasa penuh yakin bahawa penyakit yang dihadapi oleh segolongan manusia merupakan satu bentuk kebaikan Ilahi dan hadiah daripada al-Rahman<sup>29</sup>.

Beberapa orang pemuda telah berjumpa dengan saya dalam tempoh lapan atau sembilan tahun ini. Mereka meminta saya mendoakan kesihatan mereka daripada penyakit-penyakit yang dihadapi, sekalipun saya bukanlah orang yang layak berbuat demikian. Saya dapati sesetengah daripada mereka itu lebih banyak menghabiskan masa berfikir dan mengingati akhirat. Mereka tidak lagi mabuk dan tenggelam dalam kealpaan masa muda. Bahkan mereka memelihara dan menjaga diri daripada terjerumus ke lembah nafsu kehaiwanan. Oleh itu, saya memperingatkan mereka

---

<sup>28</sup> Dipetik daripada buku, *al-Lama'at*.

<sup>29</sup> Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi ﷺ bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang Allah menghendaki kebaikan baginya, maka dia akan dikenakan musibah”.

bahawa penyakit yang masih boleh ditanggung itu sebenarnya adalah pemberian ihsan daripada Allah ﷺ Saya berkata:

*“Wahai saudaraku! Saya tidak menentang penyakit yang anda hadapi. Saya juga tidak merasa kasihan terhadap anda kerana penyakit yang anda hadapi sehingga membolehkan saya melakukan doa untuk anda. Apa yang saya harapkan ialah agar anda terus bersabar dan teguh pendirian menghadapi penyakit ini hingga akhirnya anda sembuh dan kembali sihat walafiat. Kerana selepas penyakit ini selesai menjalankan tugasnya, al-Khaliq al-Rahim, Allah Tuhan yang Mencipta lagi Maha Pengasih itu pasti akan menyembuhkan anda, insya Allah”.*

Saya juga berkata:

“Sesungguhnya sesetengah orang seperti anda sedang menggoncang dan meruntuhkan tiang kehidupan abadinya kerana mahu memperolehi kenikmatan zahir yang sementara di atas dunia ini. Mereka hidup dalam kealpaan kerana kesihatan yang dimiliki. Kepada mereka, kesihatan itu adalah bala sebenarnya. Mereka meninggalkan solat, lupa kepada kematian dan lalai daripada melaksanakan perintah Allah ﷺ Tetapi melalui penyakit yang dihadapi, anda dapat melihat kubur iaitu tempat persinggahan yang anda sama sekali tidak dapat melarikan diri daripadanya suatu hari nanti. Di samping itu, anda juga dapat melihat segala tempat persinggahan akhirat yang lain. Oleh itu, segala tindakan dan perlakuan anda adalah berdasarkan apa yang anda lihat itu.

*Sebenarnya, penyakit anda adalah ibarat kesihatan bagi anda. Manakala kesihatan yang sedang dinikmati oleh sebahagian manusia pula adalah*

*seperti penyakit buat mereka”.*



# Satu Permasalahan Berkaitan Dengan Jiwa<sup>30</sup>

إِنَّ النَّفْسَ لِأَمَارَةٍ بِالسُّوءِ

Maksudnya:<sup>31</sup> "... sesungguhnya nafsu manusia itu menyuruh melakukan kejahatan ..."

(Yusuf: 53)

Sabda Rasulullah ﷺ di dalam sebuah hadis:

<sup>32</sup>أَعْدَى عَدُوكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنَبِكَ.

"Musuh anda yang paling ketat ialah nafsu anda yang berada di dalam diri anda sendiri."

Benar! Sesungguhnya sesiapa yang mengasihi dirinya yang *ammarah bissu'* (menyuruh melakukan kejahatan) dan tidak suci itu serta kagum dengannya, pada hakikatnya dia langsung tidak mengasihi orang lain, bahkan hanya mengasihi dirinya sahaja. Bahkan jika dia melahirkan perasaan kasih sayang kepada orang lain, maka kasih sayang itu tidak datang daripada lubuk hatinya. Mungkin kasih

---

<sup>30</sup> Dipetik daripada *al-Lama'at*.

<sup>31</sup> Terdapat manfaat untuk semua dalam perkara ini.

<sup>32</sup> Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam *al-Zuhd* daripada hadis Anas r.a.

sayang itu adalah kerana sesuatu manfaat buat dirinya lantaran kenikmatan yang mungkin akan diperolehnya. Dia juga akan sentiasa berusaha agar dirinya dikasihi oleh orang lain dan mendapat kekaguman mereka. Dia akan memalingkan sebarang kecuaian daripada dirinya dan tidak akan menanggungkan bebanan kekurangan pada dirinya. Bahkan dia akan mempertahankan dirinya sebagaimana ikhlasnya seorang peguambela yang membela anak guamnya daripada sebarang kesalahan. Dia juga akan memuji dirinya sendiri dengan perkara-perkara yang melampaui batas bahkan dengan pendustaan sekalipun bagi membersihkan dirinya daripada sebarang kecacatan atau kekurangan. Kadang-kadang hampir sampai kepada peringkat mengagungkan dan menyucikan dirinya. Bahkan sampai ke suatu peringkat sebagaimana dinyatakan oleh firman Allah ﷺ:

مَنْ اتَّخَذَ إِلَهًا هَوَاهُ

*“... orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhan ...”*

(al-Furqan: 43)

Ketika itu, tamparan dan sindiran ayat ini berturut-turut dikenakan ke atasnya mengikut peringkat kesalahan yang dilakukan. Maka pujian terhadap dirinya akan bertukar kepada berpalingnya manusia daripada dirinya. Cubaannya agar mereka memberikan kasih sayang kepadanya akan bertukar kepada perasaan keberatan mereka terhadapnya. Dia akan mendapati keadaan di sebalik apa yang diharapkan. Lebih-lebih lagi dia telah menghilangkan keikhlasan, kerana dia mencampurkan riya' dan menunjuk-nunjuk dalam amalan akhiratnya. Dia telah tewas berhadapan dengan hawa nafsu

dan perasaannya sendiri yang tidak dapat melihat akibat buruk yang bakal menimpa, tidak memikirkan hasil yang akan berlaku dan hanya merasa seronok untuk mendapat kelazatan sementara. Bahkan kadang-kadang nafsunya yang sesat memberikan pelbagai alasan untuk menghasutnya agar melanggar peraturan demi memperoleh kenikmatan yang hanya berlangsung selama sejam sahaja, tetapi boleh menyebabkannya terhumban ke dalam penjara selama setahun. Kadang-kadang dia terpaksa menghadapi sepuluh tahun hukuman hanya kerana mahu menenangkan gejolak perasaan balas dendam dan syahwatnya yang sentiasa mempedayakan yang berlangsung dalam tempoh tidak sampai seminit pun. Perumpamaan orang seperti itu adalah sama dengan seorang kanak-kanak bodoh yang tidak mampu memberikan nilai yang sepatutnya kepada sebahagian al-Quran yang dibaca dan dipelajarinya, lalu dia menjualnya bagi mendapatkan sekeping kuih yang murah harganya. Kerana dia menjual kebaikan-kebaikannya yang lebih mahal daripada batu permata dan menggantikannya dengan sesuatu yang tidak berguna yang hanya seperti kepingan-kepingan kaca. Itulah perasaan, hawa nafsu dan kesombongannya. Dia akan memperoleh kerugian besar sedangkan sepatutnya dia mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

اللَّهُمَّ احْفَظْنَا مِنْ شَرِّ النَّفْسِ وَالشَّيْطَانِ وَمِنْ شَرِّ الْجِنِّ  
وَالْأَنْسَانِ

Ya Allah! Perliharakanlah kami daripada  
keburukan jiwa dan syaitan, dan daripada  
keburukan jin dan manusia. Amin.



## Orang Yang Berjaga Tetapi Tidur<sup>33</sup>

Ketahuilah bahawa saya menepati maksud kata-kata syair di bawah:

*“Mataku telah tidur pada waktu malam ketika ia masih muda,*

*Tiba-tiba ia terjaga pada waktu pagi dalam keadaan sudah tua”.*

Kerana waktu paling banyak saya berjaga pada zaman muda, saya dapatinya sekarang sebenarnya adalah waktu saya paling tenggelam di dalam ketiduran!

Mereka yang berjaga sekarang pada tanggapan ‘orang-orang yang bertamadun’ sama seperti keadaan saya terjaga pada masa dahulu.

Perumpamaan mereka samalah seperti seseorang yang bermimpi bahawa dia terjaga dan menceritakan mimpi itu yang bahawasannya dia terjaga di dalamnya kepada orang lain. Pada hal, dengan keadaan terjaga di dalam mimpi itu, sebenarnya dia berpindah daripada keadaan tidur yang ringan kepada keadaan tidur yang berat. Sesiapa yang berada dalam keadaan tidur tersebut, bagaimana dia dapat membangkitkan ‘orang hidup yang mengantuk’ dan bagaimana dia boleh memperdengarkan perkataannya kepada

---

<sup>33</sup> Dipetik daripada *al-Mathnawi al-‘Arabi al-Nuri*.

orang yang mengantuk melalui hijab tidurnya yang berlapis-lapis?

*Wahai mereka yang berjaga tetapi tidur!*

*“Janganlah kamu menghampirkan diri kepada orang-orang yang bertamadun dengan bertoleransi agama dan meniru mereka, dengan menyangka bahawa kamu akan menjadi jambatan di antara kami dan mereka, atau kamu menyangka bahawa kamu dapat memenuhi ruang yang kosong di antara kami dan mereka. Sama sekali tidak! Jarak antara orang-orang yang beriman dan kafir amat jauh tidak terbatas. Lembah yang terdapat di antara kami amat dalam tidak mampu diisi oleh kamu. Bahkan kamu akan menurut jejak mereka, atau kamu akan mengalami kesesatan yang jauh!!”.*



## Sedarlah Sebelum Anda Tenggelam!<sup>34</sup>

Ketahuilah wahai manusia, bahawa antara keajaiban yang diletakkan oleh Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana di dalam hakikat kejadian anda ialah:

Bahawa kadang-kadang dunia yang luas ini tidak dapat memuatkan anda, lalu anda berkata dengan penuh keluh kesah: “Oh ...” seolah-olah anda adalah seorang yang di-penjara danyang tercekik. Dalam masa yang sama anda juga boleh dimuati oleh sebijji sawi, sebuah bilik yang sempit, suatu lintasan hati dalam tempoh seminit untuk anda menjadi *fana*’, lalu anda menggunakan pancaindera anda yang paling tinggi untuk menghadapinya.

Allah ﷺ juga telah memberikan kepada anda beberapa hikmat. Sesetengahnya menelan seluruh dunia tetapi tidak pernah merasa kenyang. Sesetengahnya pula merasa sempit meskipun hanya daripada sebutir jagung dan tidak mampu menanggung meskipun sehelai rambut. Sebagaimana perihal anak mata yang tidak mampu menerima meskipun sehelai rambut.

*Oleh itu awaslah, berhati-hatilah, bimbanglah yang anda mengalami keadaan tenggelam yang akan menyebabkan segala hikmat akan turut tenggelam bersama anda. Awaslah anda di dalam makanan, perkataan, rambut,*

---

<sup>34</sup> Dipetik daripada *al-Mathnawi al-'Arabi al-Nuri*.

*tompokan, daging, sayuran atau ciuman anda. kerana segala sesuatu yang anda lakukan pasti terdapat satu sudut yang tidak berkesudahan yang mampu menenggelamkan anda dan tidak merasa sempit untuk menelan anda.*

Lihatlah kepada cermin anda, bagaimana langit boleh tenggelam bersama dengan bintang-bintangnya di dalam cermin tersebut. Lihatlah juga kepada rekod anda yang kecil umpama biji sawi itu bagaimana Allah ﷺ menulis pada lembaran amalan anda bahkan kebanyakan lembaran kehidupan anda sendiri.. Maha Suci Allah Tuhan yang Maha Berkuasa lagi Maha Berdiri dengan sendiriNya ...!



## Penyakit Lupa<sup>35</sup>

Pada suatu hari, salah seorang penuntut Risale-i Nur yang menghafal al-Quran berkata kepada saya sebagaimana kebanyakan orang lain: “*Saban hari, penyakit lupa saya menjadi semakin teruk. Apakah yang harus saya lakukan?*”

Saya menjawab: “*Janganlah engkau memandang kepada yang haram sekadar kemampuan engkau.*”

Kerana “*Pandangan yang haram akan menyebabkan kelupaan*”, sebagaimana diriwayatkan daripada Imam Syafie r.a.

Memang benar! Sesungguhnya setiap kali bertambah pandangan yang haram di sisi ummat Islam, maka jiwa nafsu syahwat mereka akan bergejolak, lalu akan melahirkan keadaan melampau dan berlebihan, sehingga kadang-kadang seseorang terpaksa mandi wajib beberapa kali dalam seminggu. Ini akan menyebabkan kelemahan hafalan sebagaimana termaklum di sisi ilmu perubatan.

Antara faktor yang menyebabkan penyakit lupa ini menjadi begitu tersebar hingga mencakupi seluruh lapisan masyarakat ialah kerana menularnya perbuatan mendedahkan aurat pada zaman ini, terutamanya di negeri-negeri panas. Keadaan ini menyebabkan banyak berlaku pandangan-

---

<sup>35</sup> Dipetik daripada *Mulhaq Kastamonu*.

pandangan haram yang hanya mengakibatkan berlaku pelampauan dan berlebihan. Anda dapat semua orang mengadu menghadapi penyakit lupa. Setiap orang tanpa terkecuali, berdasarkan separah mana dia menghidapinya.

*Oleh kerana itu sebahagian daripada pentakwilan hadis yang memberi amaran bahawa al-Quran akan dicabut daripada dada para penghafaz pada akhir zaman, terlaksana melalui peningkatan penyakit ini.*

Ini bermakna bahawa penyakit ini akan bertambah parah dan akan menghalang daripada seseorang dapat menghafal al-Quran. Ketika itu, terlaksanalah pentakwilan hadis tersebut.



# Taqwa Dan Amal Soleh<sup>36</sup>

[Maktub Ini Adalah Amat Penting]

*Dengan Nama Allah Yang Maha Suci*

*Assalamu alaikum warahmatullah  
wabarakatuh selama-lamanya.*

Wahai saudara-saudaraku yang mulia lagi setia!

Sesungguhnya dalam beberapa hari ini saya berfikir tentang asas-asas taqwa dan amal soleh, yang kedua-duanya adalah dua asas yang paling utama pada pandangan *al-Quran al-Karim* selepas iman.

*Taqwa* ialah meninggalkan perkara yang dilarang dan menjauhi segala dosa. Manakala *amal soleh* pula ialah melakukan perkara yang disuruh bagi mendapat kebaikan.

Zaman sekarang diselubungi dengan kemusnahan (akhlak dan roh), kebangkitan hawa nafsu yang *ammarah bissu'* (sentiasa menyuruh melakukan kejahanan) dan pelepasan hawa nafsu daripada sebarang kekangan. Oleh itu, pada zaman sekarang, taqwa menjadi asas yang paling utama bahkan asas kepada segala asas. Ia juga menempati kedudukan paling utama kerana ia adalah penolakan kepada segala *mafsadah* (kerosakan) dan peninggalan segala dosa

---

<sup>36</sup> Dipetik daripada *Mulhaq Kastamonu*

besar. Ini adalah kerana – pada setiap ketika – menolak kerosakan adalah lebih utama daripada menarik kemanafaatan, sebagaimana ditentukan oleh sebuah kaedah yang telah ditetapkan.

Oleh kerana aliran-aliran yang memusnahkan roh dan akhlak telah berselerakan di sana sini pada masa sekarang, maka taqwa telah menjadi asas yang terbesar dan teragung bagi menutup dan menghalang kemusnahan yang menggerunkan itu.

*Sesiapa yang berjaya melaksanakan segala kefarduan yang diperintahkan kepadanya dan tidak melakukan dosa-dosa besar, maka dia akan terselamat dengan izin Allah ﷺ. Kerana taufiq untuk melakukan amalan yang ikhlas meskipun dikelilingi dengan pelbagai jenis dosa-dosa besar yang menggiurkan, adalah suatu perkara yang sukar berlaku.*

Sesungguhnya sesuatu amalan soleh yang dilakukan meskipun sedikit akan menjadi banyak dan besar kesannya berdasarkan syarat-syarat yang berat itu dan dalam suasana yang mencengkam.

Kemudian di sana terdapat sejenis amal soleh yang termasuk di dalam kandungan taqwa itu sendiri. Kerana meninggalkan yang haram adalah wajib, sedangkan melaksanakan perkara wajib, pahalanya adalah lebih besar daripada pahala melakukan kebanyakan perkara sunat.

Pada zaman seperti ini, dosa dan kejahatan melakukan serangan dari segenap penjuru, maka perbuatan menjauhkan diri daripada satu dosa sahaja beserta dengan sedikit amalan kebaikan, sudah pun menyamai dengan meninggalkan ratusan dosa (yang berlaku akibat satu dosa tersebut) dan pelaksanaan ratusan kewajipan.

Noktah ini amat perlu diberikan perhatian. Namun ia tidak akan berhasil melainkan dengan niat yang ikhlas, taqwa dan tujuan untuk menjauhkan diri daripada dosa dan kejahanan. Seseorang akan memperoleh balasan pahala beberapa amalan soleh yang terbit daripada satu ibadat yang dia sedikit pun tidak mengerjakannya.

*Sesungguhnya tugas yang paling penting yang mesti dilaksanakan oleh para penuntut Risale-i Nur yang menjadi khadam al-Quran pada masa sekarang ialah:*

*“Menjadikan taqwa sebagai asas segala amalan. Kemudian melangkah ke hadapan berdasarkan taqwa tersebut dalam menghadapi arus pemusnahan dan serangan yang menggerunkan dan dosa-dosa yang meliputi mereka. Kerana manusia hari ini ketika menjalani pelbagai bentuk kehidupan moden terpaksa berdepan dengan ratusan dosa dan kesalahan pada setiap minit. Maka tidak ragu lagi, taqwalah yang menjadikan seseorang itu seolah-olah melaksanakan ratusan amal soleh, kerana dia menjauhkan dirinya daripada melakukan perkara-perkara haram”.*

Adalah diketahui bahawa dua puluh orang tidak akan mampu membina sebuah bangunan dalam masa dua puluh hari. Tetapi sesebuah binaan itu boleh diruntuhkan hanya oleh seorang sahaja dalam masa sehari.

Oleh itu, sepatutnya jika terdapat seorang melakukan keruntuhan dan kemusnahan akhlak dan roh, maka sepatutnya perbuatannya dibalas dengan dua puluh orang yang melakukan pembinaan dan yang memakmurkan sudut tersebut. Tetapi kita menyaksikan realiti yang sebaliknya. Ribuan orang melakukan keruntuhan dan kemusnahan, tetapi

mereka hanya dihadapi oleh hanya satu pihak sahaja, dan pihak yang satu itu ialah *Risale-i Nur*.

Oleh itu, penentangan berseorangan yang dilakukan oleh khadam al-Quran dalam menghadapi pemusnahan yang menakutkan itu, merupakan satu keadaan yang amat menakjubkan. Apatah lagi jika kedua-dua kekuatan yang sedang berhadapan itu mempunyai tahap kemampuan yang sama. Pasti anda akan menyaksikan lebih banyak perkara yang amat menakjubkan dalam proses kemakmuran dan pembinaan (akhlik dan roh) yang berlaku itu.

Kami bawakan satu contoh sahaja bagi menerangkaninya:

Sesungguhnya paksi utama dalam kehidupan bermasyarakat ialah golongan muda menghormati golongan tua dan golongan tua mengasihi golongan muda. Tetapi sekarang kita menyaksikan bahawa asas utama ini telah runtuh, sehingga kita kerap mendengar berita dan kejadian menyayat hati dan menyedihkan yang menimpa para ibu bapa. Ia berlaku lantaran runtuh dan musnahnya asas yang utama ini.

Syukur kepada Allah ﷺ, di mana sahaja *Risale-i Nur* ini berada, maka ia mampu menentang kemasuhan dan menghalang daripada berlaku keruntuhan terhadap asas kemasyarakatan yang utama ini, bahkan ia cuba untuk memakmurkannya.

Sebagaimana Ya'juj dan Ma'juj boleh melakukan kerosakan di atas muka bumi lantaran runtuhnya benteng Zulqarnain, maka kerosakan yang lebih buruk daripada kerosakan yang disebabkan oleh Ya'juj dan Ma'juj telah berlaku dan meliputi alam ini dengan kegelapan, keganasan

serta huru hara. Kehidupan dan akhlak juga telah diselaputi oleh kezaliman yang keji dan kekufuran yang melampau. Oleh itu, kerosakan kelihatan dengan jelas sama ada di daratan dan di lautan, hasil daripada kejadian gempa yang menimpa benteng Zulqarnain seperti yang digambarkan dalam *al-Quran* yang merupakan *syariat* Nabi Muhammad ﷺ yang mulia.

*Oleh itu, jihad maknawi yang dilakukan oleh para penuntut Risale-i Nur bagi menghadapi arus yang sedang melanda ini, dengan izin Allah ﷺ akan dianggap sebagai suatu jihad yang menghasilkan pahala yang besar, kerana ia mempunyai cebisan jihad yang dilakukan oleh para sahabat yang mulia, yang walaupun mereka melakukan amal yang sedikit, namun mereka diberikan ganjaran yang besar dan diperolehi amalan soleh.*

*Wahai saudara-saudaraku yang mulia!*

*Dalam waktu yang genting seperti ini, dan ketika berhadapan dengan peristiwa-peristiwa yang besar, maka kekuatan kita yang paling besar -selepas kekuatan keikhlasan- ialah kekuatan turut serta dalam melakukan amalan-amalan akhirat, kerana setiap orang daripada kamu akan mencatatkan kebaikan yang banyak di dalam buku catatan amalan saudaranya, sebagaimana melalui lidahnya dia menghulurkan bantuan dan pertolongan ke dalam kota dan kubu taqwa.*

Terutamanya jika kamu memberikan bantuan kepada saudara kamu yang berhajat dan lemah ini, pertolongan yang hebat menghadapi pelbagai serangan dari segenap penjuru. Dia adalah orang yang amat memerlukan pertolongan kamu

dalam tiga bulan yang diberkati dan diketahui di dalam Islam.

Saya tidak menolak kemungkinan untuk mendapat pertolongan tersebut daripada kamu, kerana kamu adalah layak untuk mengusahakannya. Kamu adalah para pahlawan yang setia dan mengasihani situasi yang sedang dihadapi oleh saudara kamu ini. Dan saya pula memohon kepada kamu dengan segenap anggota badan dan dengan sepenuh hati saya agar kamu memberikan kepada saya bantuan maknawi tersebut.

Dan saya pula akan menyertakan para penuntut Risale-i Nur di dalam doa-doa saya dan kebaikan-kebaikan maknawi saya, bahkan saya mungkin akan berdoa untuk kamu lebih daripada seratus kali sehari dengan nama para penuntut Risale-i Nur, dengan syarat kamu beriltizam dengan keimanan dan kesetiaan, kerana ia adalah perlengkapan bagi menyertai amal-amal akhirat.

***Bediuzzaman Said Nursi***



## Satu Lembaran Kehidupan<sup>37</sup>

Sesungguhnya sejarah dan perjalanan kehidupan peribadiku diketahui oleh ramai orang:

“Saya tinggal selama dua tahun di rumah Umar Basha, seorang gabenor di Bitlis<sup>38</sup> kerana kesungguhannya mendesak saya untuk tinggal di situ dan kerana sifatnya yang amat menghormati ilmu dan ulama. Beliau mempunyai enam orang anak perempuan; tiga daripadanya masih kecil dan tiga lagi sudah dewasa. Meskipun saya tinggal dengan mereka di dalam sebuah rumah sepanjang tempoh dua tahun, namun saya masih tidak dapat membezakan di antara ketiga-tiga anaknya yang sudah dewasa itu, kerana saya tidak pernah merenung dan melihat kepada mereka sehingga saya dapat membezakan mereka. Pada suatu hari, seorang alim menjadi tetamu saya di rumah tersebut, tetapi dia sudah boleh membezakan di antara ketiga-tiga anak gabenor yang sudah dewasa itu hanya dalam tempoh dua hari sahaja. Orang-orang yang di sekitar saya merasa hairan kenapa saya masih tidak dapat mengenal dan membezakan di antara ketiga-tiga anak perempuan yang sudah dewasa itu. Mereka mula bertanya:

**“Kenapa tuan tidak melihat kepada mereka?”**

---

<sup>37</sup> Dipetik daripada *Mulhaq Kastamonu*

<sup>38</sup> Nama bandar di Timur Turki.

Saya menjawab: “**Demi untuk menjaga kemuliaan ilmu, saya merasa tertegah untuk melihat mereka**”.



Satu festival telah diadakan di Istanbul empat puluh tahun lalu, menyebabkan keadaan menjadi amat sesak. Ribuan wanita yang berpakaian tetapi bertelanjang datang dari Istanbul, Rom dan Armenia berdiri di kedua-dua tebing teluk yang memisahkan Istanbul kepada dua bahagian. Saya bersama-sama dengan Encik Taha dan Haji Ilyas yang kedua-duanya adalah anggota Majlis Perwakilan menaiki sebuah bot untuk pergi ke hujung teluk tersebut, tempat di mana sambutan besar-besaran diadakan.

Bot kami melalui berdekatan wanita-wanita tersebut. Saya sedikit pun tidak sedar bahawa Encik Taha dan Haji Ilyas telah berpaktat sesama mereka untuk memerhatikan saya secara bergilir-gilir bagi mengetahui adakah saya akan melihat kepada para wanita tersebut atau tidak. Akhirnya setelah sejam kami berlegar-legar dengan bot tersebut di hadapan para wanita itu, mereka berdua mengaku dengan berkata:

“Kami amat hairan. Tuan sedikitpun tidak mengangkat pandangan tuan kepada mereka”.

Saya menjawab: “**Saya tidak mahu merasai sesuatu yang sementara lagi remeh dan bercampur baur dengan kesakitan, kerana akibatnya ialah kesakitan dan penyesalan**”.



# Rahsia Kecelakaan Orang Yang Sesat Dan Kebahagiaan Orang Yang Beriman

[Penghujung Ketiga Daripada ‘Kalimah Ketiga Puluh’]<sup>39</sup>

Apabila tiada sebarang asas bagi membina kesesatan dan ketika ketiadaan hujah dan dalil, wakil ahli kesesatan dan para penyerunya akan berkata:

“Sesungguhnya saya melihat kebahagiaan dunia, kenikmatan, kelazatan hidup, kemajuan dan tamadun perindustrian hanya boleh dicapai dengan melupakan akhirat, tidak beriman kepada Allah ﷺ, dengan cintakan dunia, membebaskan diri daripada segala ikatan dan bermegah serta kagum terhadap diri sendiri. Oleh itu, saya memandu ramai orang hingga sekarang dengan semangat kesyaitanan agar mereka terus melalui jalan kesesatan ini”.

**Jawapan:** Kita pula berkata dengan nama al-Quran al-Karim:

“Wahai manusia yang celaka! Kembalilah kepada kewarasan! Janganlah engkau mendengar seruan ahli kesesatan. Jika engkau mendengarnya, engkau akan rugi besar sehingga menyebabkan roh, akal dan hati engkau menggeletar ketakutan. Di depan anda terdapat dua jalan:

---

<sup>39</sup> Dipetik daripada *al-Kalimat*.

**Pertama:** Jalan kecelakaan yang ditunjukkan oleh penyeru kesesatan.

**Kedua:** Jalan kebahagiaan yang dijelaskan oleh al-Quran al-Karim.

Sesungguhnya anda telah melihat banyak perbandingan yang telah dibuat di antara kedua-dua jalan di atas dalam kebanyakan kalimah, terutamanya dalam “Beberapa Kalimah Ringkas”. Sekarang, bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan, mari perhatikan salah satu daripada ribuan perbandingan dan pemandangan tersebut:

*Sesungguhnya jalan kesyirikan, kesesatan, kemaksiatan (kemungkaran) dan kefasikan akan menyebabkan manusia terjerumus ke lembah yang paling hina. Jalan tersebut juga akan mencampakkan satu bebanan yang amat berat ke atas bahunya yang lemah dan ditimpakannya kesakitan yang tidak terhingga. Ini kerana jika manusia tidak mengenali Allah ﷺ dan jika dia tidak bertawakkal kepadaNya, maka dia adalah sama dengan darjah haiwan yang binasa. Dia sentiasa merasa sakit dan dukacita yang berpanjangan. Dia juga akan berada dalam kelemahan yang tidak berkesudahan. Dia meraung dalam kemiskinan dan kepapaan yang tidak berpenghujung. Dia juga terdedah kepada musibah-musibah yang tidak terkira banyaknya. Dia juga akan merasa sakitnya perpisahan daripada sesuatu yang dia kasih dan dia jalini hubungan yang intim. Dia merasai kesakitan dan terus merasainya, hingga akhirnya dia sendiri meninggalkan para kekasihnya yang masih hidup dan berpisah dengan mereka dalam keadaan berkeluh kesah, berseorangan dan terasing ke dalam kegelapan perkuburan.*

Sepanjang hidupnya, dia mendapati dirinya sentiasa

berada dalam kesakitan dan pengharapan yang tidak berakhir, sedangkan dia tidak memiliki kecuali sebuah iradah (kehendak) yang sekelumit, kudrat yang terhad, kehidupan yang pendek, umur yang binasa dan fikiran yang semakin sempit. Usahanya untuk menenangkan dirinya menjadi sia-sia. Dia berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi kehendaknya yang tidak terbatas. Demikianlah bagaimana kehidupannya berlangsung tanpa dia memperoleh buah dan hasilnya.

Ketika anda mendapatinya lemah dan tidak mampu menanggung bebanan dirinya sendiri, bahkan anda dapat dia menggantung pada tengkuk dan pada pundak kepalanya segala bebanan dunia yang maha besar ini. Ini menyebabkan dia terseksa dengan azab yang membakar dan menyakitkan sebelum dia menerima azab neraka jahim.

Sesungguhnya ahli kesesatan tidak merasai kesakitan yang pahit dan azab roh yang menakutkan ini, kerana mereka telah mencampakkan diri mereka ke pangkuhan kealpaan untuk menghilangkan perasaan dan sensitiviti mereka dalam tempoh yang singkat dengan kemabukannya.. Tetapi sebaik sahaja salah seorang daripada mereka mula mendekati tebing perkuburan, maka perasaannya akan menjadi halus dan perasaan sakitnya akan menjadi berganda-ganda secara tiba-tiba. Ini kerana jika dia bukan hamba Allah ﷺ yang ikhlas, maka dia akan menyangka bahawa dia memiliki dirinya sendiri, sedangkan dia adalah lemah kerana hanya mempunyai kehendak yang sekelumit dan kudrat yang secebis, hinggakan kehendak dirinya sendiri juga adalah lemah ketika berhadapan dengan bencana alam di dunia ini. Dia melihat alam ini dipenuhi musuh yang menyelilinginnya,

bermula daripada sehalus-halus kuman dan berakhir dengan bencana gempa bumi yang sentiasa bersedia untuk menerkam dan membinasakannya. Oleh itu, dia menggeletar ketakutan dan hatinya menggil kebimbangan setiap kali dia membayangkan keadaan kubur dan melihatnya.

Sedang dia melalui apa yang dialaminya, hal ehwal dunia yang berhubung dengan dia juga sentiasa memenatkannya. Begitu juga dengan hal ehwal manusia yang mempunyai hubungan dengannya. Ini kerana dia menyangka bahawa segala kejadian dan peristiwa yang berlaku, lahir daripada permainan dan pertunjukan semulajadi. Bukan datang daripada perbuatan *al-Hakim al-Alim*, Tuhan yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mengetahui. Bukan datang daripada perkiraan *al-Qadir al-Rahim al-Karim*, Tuhan Yang Maha Berkuasa, Maha Mengasihani Lagi Maha Pemurah. Oleh itu, di samping kesakitannya sendiri, dia juga terpaksa mengalami kesakitan orang lain. Segala malapetaka seperti gempa bumi, penyakit taun, angin taufan, kemarau, peningkatan harga barang, kemusnahan, kebinasaan dan seumpamanya menjadi musibah besar dan bala menakutkan bagi dirinya.

Orang ini yang memilih sendiri untuk berada dalam situasi yang tragis ini tidak berhak untuk mendapat belas kasihan dan ratapan terhadap dirinya. Perumpamaan lelaki tersebut sama dengan seorang lelaki yang telah disebutkan ketika dibuat perbandingan di antara dua orang bersaudara sebagaimana telah diceritakan di dalam “*Kalimah Kelapan*”. Di sana telah disebutkan bahawa seorang lelaki tidak berpuas hati dengan kenikmatan yang bersih, kegembiraan yang suci, hiburan yang manis dan perkelahan yang mulia lagi dibenarkan, di samping para kekasih yang sopan di dalam

taman yang luas dan di tengah-tengah sambutan yang mesra. Namun dia memilih untuk meneguk najis arak bagi memperoleh kelazatan yang tidak dibenarkan. Lalu dia mabuk sehingga dia mula mengkhayalkan bahawa dia sedang berada di tempat yang kotor, di kalangan binatang-binatang buas. Dia menggeletar seolah-olah sedang berada pada musim dingin. Dia mula menjerit dan meminta pertolongan, namun tiada siapa yang mengasihannya, kerana dia menyangka makanan yang lazat dan pinggan mangkuk yang berada di bilik tamu sebagai batu batan yang bernajis, lalu dia terus memecahkannya. Dia menyangka buku-buku berharga dan surat-surat bernilai yang berada di tempat duduk sebagai ukiran-ukiran biasa dan perhiasan yang tidak mempunyai sebarang makna, lalu dia mula mengoyakkannya dan mencampakkannya di bawah tapak kakinya. Demikianlah keadaannya.

Lelaki ini dan orang-orang yang seumpamanya tidak berhak untuk mendapat rahmat dan belas kasihan, bahkan mereka lebih berhak untuk diajar dan dihukum. Begitu jugalah keadaannya dengan seseorang yang disebabkan oleh kemabukan kekufuran dan kegilaan kesesatan yang lahir akibat kesilapannya membuat pilihan, lalu dia menyangka bahawa dunia yang merupakan tempat persinggahan yang disediakan oleh Allah ﷺ Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Bijaksana hanya sebagai permainan semulajadi yang buta dan alat mainan yang tuli. Dia melihat segala pembaharuan yang berlaku kepada semua makhluk yang mewujudkan hakikat *al-Asma' al-Husna* dan perpindahannya ke alam ghaib kerana berlalunya masa setelah ia melaksanakan segala tugas-tugasnya dan memenuhi segala matlamat-matlamatnya, seolah-olah ia disumbatkan ke lautan

dan hilang di tebing kemusnahan. Dia mambayangkan bahawa suara-suara tasbih dan tahmid yang memenuhi seluruh alam sebagai dengungan dan keluhan yang dikeluarkan oleh orang-orang yang telah tiada dan musnah di dalam perpisahan abadi mereka. Dia juga mengira lembaran-lembaran kewujudan ini yang merupakan risalah-risalah kudus dan indah hanya sebagai campuran dan sebatian yang tidak mempunyai sebarang makna dan tujuan. Dia juga menyangka pintu kubur yang membuka jalan kepada dunia kerahmatan yang luas hanya sebagai terowong yang membawa kepada kegelapan. Dia menggambarkan ajal yang merupakan panggilan untuk menyambung ikatan dan pertemuan dengan para kekasih sebenar sebagai saat perpisahan kekasih keseluruhannya!

Ya! Sesiapa yang hidup dalam putaran gambaran dan sangkaan ini, sebenarnya sedang mencampakkan dirinya ke dalam azab seksa dunia yang memedihkan. Di samping itu, dia juga tidak layak untuk mendapat rahmat dan belas kasihan. Dia hanya berhak untuk mendapat azab yang pedih, kerana dia menghina segala makhluk dengan menuduh mereka sebagai sia-sia, juga kerana dia memalsukan *al-Asma' al-Husna* dengan mengingkari kewujudanya dan mengingkari risalah Rabbani dengan menolak penyaksianya terhadap keesaan Allah ﷺ.

*Wahai orang-orang yang sesat! Wahai orang-orang yang celaka!*

Adakah ilmu kamu yang paling canggih, tamadun kamu yang paling gemilang, kepintaran kamu yang paling tinggi dan perancangan kamu yang paling lengkap dapat memberikan apa-apa kesan terhadap dengan kejatuhan yang menakutkan yang dialami oleh manusia? Adakah ia mampu

bertahan di hadapan kekecewaan yang memusnah, menakut dan menggerunkan manusia? Adakah sesuatu yang kamu namakan sebagai ‘semulajadi’, sebab-sebab yang kamu sandarkan kepadanya kesan-kesan perbuatan Ilahi, sekutu kamu yang kamu sandarkan kepadanya kebaikan-kebaikan Rabbani, penemuan-penemuan yang kamu banggakan, perkauman yang kamu megahkan dan sembahyang yang kamu sembah ... adakah semua itu mampu menyelamatkan kamu daripada kegelapan kematian yang merupakan ketiadaan abadi buat kamu? Adakah semua itu mampu kamu lalui pada sempadan perkuburan dengan selamat, pada batasan barzakh dengan aman, pada dataran mahsyar dengan tenang, boleh menolong kamu menyeberang jambatan *al-sirat* dengan penuh bijaksana dan menjadikan kamu ahli yang layak untuk mendapat kebahagian abadi dan kehidupan yang berkekalan?

Sesungguhnya kamu pasti akan melalui jalan ini, kerana kamu tidak akan mampu untuk menutup pintu kubur bagi sesiapapun. Kamu pasti akan bermusafir pada jalan ini. Bagi sesiapa yang melalui jalan ini, dia pasti dan mesti bersandar dan bergantung kepada seseorang yang mempunyai ilmu menyeluroh dan tuntas dengan setiap lorong, jalan dan batasan sempadannya yang luas, bahkan kesemua lingkaran yang besar itu berada di bawah pengurusan, perintah dan kekuasaannya.

*Wahai orang-orang yang sesat dan alpa!*

Kasih sayang dan makrifat yang diletakkan di dalam fitrah kamu, instrumen kesyukuran dan sarana ibadat yang sepatutnya dikorbankan untuk Allah ﷺ sahaja, dan seharusnya dihalakan kepada sifat dan asma’ Allah ﷺ yang mulia lagi tinggi, tetapi kamu telah mencurahkannya secara

tidak benar untuk diri kamu sendiri dan juga untuk dunia. Oleh itu, amatlah layak kamu merasai azabnya. Ini berdasarkan kaedah “*Natijah memberikan kasih sayang kepada yang tidak dibenarkan ialah menanggung azab pedih tidak terperi tanpa belas kasihan*”. Juga kerana kamu telah memberikan kasih sayang yang sepatutnya dicurahkan kepada Allah ﷺ semata-mata, tetapi kamu telah mencurahkannya kepada diri kamu sendiri, lalu kamu mendapat bala kekasih kamu itu yang tidak terkira kerana kamu tidak memberikannya kerehatannya yang hakiki. Demikian juga kamu tidak menyerahkan urusannya dengan bertawakkal kepada kekasih sebenar iaitu Allah ﷺ yang mempunyai kuasa mutlak, lalu kamu akan merasai kesakitan secara berterusan. Kamu juga telah memberikan kasih sayang yang sepatutnya hanya untuk asma’ dan sifat Allah ﷺ yang mulia dan suci, tetapi kamu memberikannya kepada dunia, dan kamu bahagi-bahagikan kesan-kesan perbuatannya yang indah kepada sebab-sebab yang material. Maka kamu merasa kecelakaan akibat perbuatan kamu itu, kerana sebahagian daripada para kekasih kamu yang ramai itu berpaling meninggalkan kamu tanpa ucapan selamat tinggal. Antara mereka ada yang kamu tidak kenal langsung, bahkan jika mereka mengenali kamu sekalipun, maka mereka tidak mengasihi kamu, dan bahkan jika mereka mengasihi kamu sekalipun, mereka tidak memberikan apa-apa manfaat kepada kamu. Maka kamu akan terus berada dalam azab yang berkekalan yang terdiri daripada perpisahan yang tidak terbatas dan kesakitan kerana kekecewaan serta putus asa untuk kembali semula ke dunia.

Inilah hakikat yang didakwa oleh ahli kesesatan sebagai ‘kebahagiaan hidup’, ‘kesempurnaan insan’, ‘keindahan tamadun’ dan ‘kelazatan kebebasan’.

Ketahuilah betapa tebalnya hijab yang menutupi kemaksiatan (kemungkaran) dan kemabukan yang membius perasaan dan pertimbangan!

Katakanlah: Celaka buat akal mereka yang sesat!

Jalan yang lurus atau lorong bercahaya *al-Quran al-Karim* dapat mengubati dan membalut kesemua luka-luka yang dialami oleh ahli kesesatan itu dengan hakikat-hakikat keimanan. Ia juga dapat menghancurkan semua kegelapan lalu yang berada pada jalan tersebut dan menutup segala pintu kesesatan dan kemasuhan, dengan cara-cara berikut:

- ✿ Ia mengubati kelemahan, kedhaifan, kefakiran dan hajat manusia dengan tawakkal kepada *al-Qadir al-Rahim*, Allah ﷺ Yang Maha Berkuasa Lagi Maha Mengasihani. Ia juga menyerahkan segala bebanan hidup dan dunia kepada qudrat dan rahmat Allah ﷺ yang Maha luas tanpa dibebankan ke atas bahu manusia, bahkan ia menjadikan manusia memiliki pemanduan diri dan kehidupannya sendiri. Ia juga mengadakan kedudukan yang selesa untuk manusia dan memperkenalkan bahawa manusia bukanlah haiwan yang berkata-berkata (berakal), tetapi dia adalah manusia sebenar dan tetamu mulia lagi dihormati di sisi Allah ﷺ Tuhan Yang Maha Memiliki Lagi Maha Penyayang.
- ✿ Ia juga merawat luka-luka kemanusiaan yang lahir daripada kemasuhan dunia, kehilangan segala benda dan kecintaan kepada benda-benda yang akan musnah. Ia merawatnya dengan lemah lembut dan penuh simpati dengan memperlihatkan bahawa dunia

hanyalah tempat persinggahan milik Tuhan *al-Rahman*. Ia juga menerangkan bahawa segala benda yang terdapat di dalamnya adalah cermin bagi *al-Asma' al-Husna* dan menjelaskan bahawa segala makhluk ciptaanNya adalah risalah Rabbani yang sering bertukar pada setiap ketika dengan keizinan Tuhannya, lalu ia menyelamatkan manusia daripada genggaman kegelapan.

- ❖ Ia juga merawat luka-luka yang diakibatkan oleh kematian dan ajal, yang dianggap oleh ahli kesesatan sebagai perpisahan abadi daripada semua orang tercinta dengan menjelaskan bahawa kematian sebenarnya adalah mukadimah kepada penyambungan dan pertemuan dengan para kekasih yang telah pergi ke alam barzakh dan mereka yang sekarang ini sedang berada di alam baqa'. Ia membuktikan bahawa perpisahan itu sebenarnya adalah pertemuan.
- ❖ Ia juga menghilangkan ketakutan terbesar manusia dengan membuktikan bahawa kubur sebenarnya adalah sebuah pintu yang terbuka ke alam rahmat yang luas, negeri kebahagiaan yang abadi, taman-taman syurga, negeri-negeri cahaya milik Allah ﷺ Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Ia menerangkan bahawa pelancongan ke alam barzakh yang merupakan pelancongan yang amat menyakitkan dan mencelakakan buat ahli kesesatan sebenarnya adalah pelancongan yang paling menyeronokkan, mesra dan menggembirakan, kerana kubur bukanlah mulut ular yang menggerunkan, tetapi ia adalah sebuah taman daripada taman-taman syurga.

**Ia berkata kepada seseorang yang beriman:**

- ✿ Jika kehendak (iradat) dan pilihan engkau hanya sedikit dan separuh, maka serahkanlah urusan engkau kepada Tuhan yang memiliki iradat yang menyeluruh dan mutlak..
- ✿ Jika kemampuan engkau adalah lemah, maka bergantunglah kepada qudrat (kekuasaan) *al-Qadir al-Mutlaq*, Yang Maha Berkuasa dengan kekuasaan yang mutlak..
- ✿ Jika kehidupan engkau akan binasa dan pendek, maka berfikirlah tentang kehidupan yang kekal abadi..
- ✿ Jika umur engkau adalah pendek, maka janganlah engkau berduka cita kerana engkau memiliki umur yang panjang sebenarnya..
- ✿ Jika fikiran engkau bertahap rendah, maka masuklah di bawah cahaya *al-Quran al-Karim*, dan lihatlah dengan cahaya keimanan agar setiap ayat al-Quran mengurnikan cahaya umpama bintang yang bergemerlapan kepada engkau sebagai ganti daripada cahaya fikiran engkau yang malap..
- ✿ Jika engkau mempunyai pengharapan-pengharapan dan kesakitan-kesakitan yang tidak bersempadan, ingatlah sebenarnya engkau mempunyai balasan pahala yang tidak berpenghujung dan rahmat yang tidak bersempadan yang sedang menunggu engkau..
- ✿ Jika engkau mempunyai matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan yang tidak berkesudahan, maka

janganlah resah dengan sentiasa berfikir tentangnya, kerana ia tidak akan dapat dihitung di dunia ini, bahkan tempatnya adalah di akhirat nanti, sedang Tuhan Yang Maha Mengurnia adalah Tuhan yang amat pemurah, mulia dan luas pemberianNya.

### Ia juga berbicara dengan manusia seraya berkata:

- ✿ *Wahai manusia! Engkau bukanlah pemilik atas dirimu.. Bahkan engkau dimiliki oleh al-Rahim Zul-Jalal, Tuhan Yang Maha Berkuasa dengan kuasa yang mutlak, Yang Maha Mengasihani dengan kasih yang mutlak. Maka janganlah engkau membebankan diri engkau dengan bebanan kehidupan engkau. Kerana Tuhan yang memberikan kehidupan kepada engkau, Dialah yang mentadbirkannya.*
- ✿ Sesungguhnya dunia ini tidaklah dibiarkan begitu sahaja tanpa pemilik, agar engkau tidak bimbang terhadapnya, tidak membebankan diri engkau, dan tidak memenatkan fikiran engkau tentang hal ehwalnya. Ini kerana pemilik dan tuanNya adalah *al-Hakim al-Alim*, Tuhan yang Amat Bijaksana lagi Maha Mengetahui. Engkau hanyalah tetamuNya, maka janganlah engkau campurtangan dalam urusan-urusanNya lantaran rasa ingin tahu engkau dan janganlah engkau mencampur adukkannya tanpa kefahaman yang jelas.
- ✿ Sesungguhnya manusia dan haiwan bukanlah makhluk yang diabaikan dan dibiarkan begitu sahaja. Bahkan mereka sebenarnya sedang melaksanakan perintah di bawah kekuasaan dan penyeliaan *al-Hakim al-Rahim*, Tuhan yang Maha Bijaksana lagi

Maha Mengasihani. Maka janganlah engkau membiarkan roh engkau menanggung kesakitan dengan berfikir tentang kesulitan dan kesakitan mereka, serta janganlah engkau mendahulukan perasaan belas kasihan engkau kepada mereka melebihi dengan rahmat dan belas kasihan *al-Khaliq al-Rahim*, Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha mengasihani.

- ✿ Sesungguhnya kuman, taun, taufan, kemarau dan gempa bumi serta lain-lain kejadian ialah mengambil peranan sebagai musuh engkau pada zahirnya, kendaliannya berada pada kuasa *al-Rahim*, Tuhan yang Maha Mengasihani. Dia adalah *al-Hakim*, Tuhan yang Maha Bijaksana yang tidak terbit sebarang kesia-siaan daripadaNya. Dia adalah *al-Rahim* Tuhan yang Maha Mengasihani lagi luas rahmatNya. Setiap perkara yang dilakukanNya, pasti terdapat kelembutan dan belas kasihanNya.

### Ia juga berkata:

- ✿ *Bahawa alam ini sekalipun ia akan binasa, namun ia disediakan dengan segala perkara yang membolehkannya kekal abadi ... sekalipun ia sementara dan akan hancur, namun ia boleh menghasilkan buah yang kekal abadi, dan memperlihatkan sifat-sifat indah daripada al-Asma' al-Husna yang kekal abadi.. sekalipun kelazatan-kelazatannya sedikit, namun kelembutan, kemuliaan dan kelebihan al-Rahman al-Rahim, Tuhan yang Maha pemurah lagi Maha mengasihani adalah kelazatan hakiki yang tidak akan hilang atau binasa.. meskipun*

*kesakitannya banyak, namun kesakitan-kesakitan itu sebenarnya melahirkan kelazatan maknawi dari sudut pembalasan ukhrawi. Oleh kerana lingkaran yang dibenarkan syarak sudah mencukupi untuk roh, hati dan jiwa mengambil kelazatan dan keseronokan masing-masing, maka tidak perlu lagi ia memasuki kawasan-kawasan terlarang, kerana jika satu sahaja kelazatan dikecap daripada kawasan terlarang tersebut, maka ia mungkin akan menyebabkan seribu satu kesakitan.*

- ✿ Tambahan pula ia akan menjadi sebab terhalangnya seseorang daripada mendapat kelazatan kemuliaan Tuhan *al-Rahman*, iaitu kelazatan yang murni, harum dan kekal abadi.

Jelas daripada apa yang telah diterangkan bahawa jalan kesesatan akan menghumban manusia ke ceruk yang paling bawah sehingga melemahkan mana-mana tamadun atau mana-mana falsafah untuk mencari jalan penyelesaiannya, bahkan melemahkan kemajuan dan ketinggian ilmu yang dicapai mereka untuk mengeluarkan mereka daripada kepekatan kegelapan yang sesat itu.

- ✿ *Al-Quran al-Karim* pula dapat memimpin manusia dengan iman dan amal soleh serta meninggikan kedudukannya; daripada kedudukan yang rendah kepada kedudukan yang paling tinggi.
- ✿ *Al-Quran* menjelaskan bukti-bukti yang pasti dan membentangkan keterangan-keterangan yang jelas nyata tentangnya, lalu ia menimbus lubang yang dalam dengan peningkatan maknawi dan dengan peralatan penyempurnaan jiwa ... Ia juga memudah

dan meringankan manusia secara mutlak daripada segala kesulitan perjalanannya yang panjang, kepenatan dan kesusahannya ketika menuju ke arah yang abadi. Itu dilakukan dengan al-Quran menampilkan sarana dan perantara yang boleh digunakan bagi memintas jalan yang biasanya dilalui dalam tempoh seribu tahun, bahkan lima puluh ribu tahun, tetapi dapat dilalui dalam masa hanya sehari.

- ❖ *Al-Quran* juga memakaikan jilbab ubudiyyah kepada manusia sehingga manusia layak berperanan sebagai hamba Allah ﷺ yang menurut perintah, atau sebagai tetamu yang bertugas di sisi Tuhan yang Maha Mulia. Iaitu dengan al-Quran memperkenalkan bahawa Allah ﷺ adalah Sultan Azali dan Abadi, dan Dia menjamin kerehatan yang sempurna ketika manusia berjalan di dunia tempat pertamuan atau di alam barzakh serta di alam akhirat tempat kediaman.. Sebagaimana seseorang pegawai yang ikhlas bertugas untuk seorang sultan, dapat pergi ke mana-mana dengan segala kemudahan yang diberikan di dalam kawasan sempadan kekuasaannya dan dia boleh ke sana ke mari di dalam kawasan wilayah pemerintahannya dengan kenderaan yang laju seperti kapal terbang, kapal laut dan keretapi. Begitu juga keadaannya dengan seseorang yang dengan keimanannya dia mempunyai hubungan dengan Tuhan pemilik azali, maka dengan amalan solehnya dia dapat melalui kediaman-kediaman dunia tempat pertamuan ini dan kawasan-kawasan di alam barzakh dan alam akhirat serta antara sempadan kedua-duanya yang amat luas seluas mata memandang,

tetapi dia dapat melaluinya sepantas kilat dan buraq, sehingga dia menemui kebahagiaan abadi ... al-Quran membuktikan hakikat-hakikat ini dengan pembuktian yang putus dan menampilkannya dengan jelas bagi para wali dan *asfiya'*, yang suci murni hati mereka.

### Kemudian hakikat al-Quran mula berkata:

- ✿ *Wahai mukmin!* Janganlah engkau mencurahkan kebolehan engkau yang tidak terbatas untuk berkasih sayang itu kepada diri engkau yang *ammarah bissu'* kerana ia adalah hodoh dan mempunyai kekurangan, ia juga jahat dan memudaratkan engkau. Janganlah engkau menjadikannya kekasih dan buah hati engkau. Janganlah engkau menjadikan hawa nafsunya sebagai sembahyan engkau. Tetapi jadikan kekasih engkau orang yang layak mendapat kasih sayang yang tidak berpenghujung. Iaitu Tuhan yang Maha Berkuasa memberikan *ihsan* (kebaikan) yang tidak berkesudahan kepada engkau. Tuhan yang Maha Berkuasa membahagiakan engkau dengan kebahagiaan yang juga tidak berakhiran. Bahkan Dia juga boleh memberikan kebahagiaan kepada engkau dengan Dia memperbanyakkan kebaikan-kebaikannya kepada semua orang yang mempunyai hubungan dengan engkau. Dialah Tuhan yang mempunyai kesempurnaan yang mutlak, keindahan yang kudus dan suci daripada sebarang kekurangan, ketidak sempurnaan, kehilangan dan kebinasaan. KeindahanNya tidak bersempadan dan kesemua namaNya adalah indah dan cantik.
- ✿ Ya. Sesungguhnya pada setiap nama Allah ﷺ terdapat cahaya-cahaya kecantikan dan keindahan

yang tidak berkesudahan. Syurga dengan segala kehalusan, keindahan dan kenikmatannya hanyalah jelmaan bagi menzahirkan keindahan rahmatnya dan kerahmatan keindahannya. Segala keindahan, kecantikan, kebaikan, kesempurnaan yang dikasihi dan disukai di dunia ini adalah isyarat kepada keindahanNya dan dalil yang menunjukkan kepada kesempurnaanNya.

### Ia juga berkata:

- ❖ *Wahai manusia! Punca-punca kasih sayang yang terpancar daripada batin engkau, yang tertuju kepada Allah ﷺ, yang berkait dengan al-Asma' al-Husna dan yang terpesona dengan sifat-sifatNya yang mulia, maka janganlah engkau mengorbankannya dengan engkau bergantung kepada makhluk-makhluk yang binasa.. janganlah engkau mempersia-siakannya tanpa sebarang faedah terhadap makhluk-makhluk yang akan hilang. Ini kerana semua kesan dan makhluk akan binasa, sedangkan al-Asma' al-Husna yang jelas kelihatan penjelmaan dan keindahannya terhadap semua kesan dan buatan adalah bersifat kekal dan abadi.. Pada setiap nama (isim) daripada al-Asma' al-Husna dan pada setiap sifat yang kudus terdapat ribuan martabat kebaikan dan keindahan, serta ribuan tingkatan kesempurnaan.*
- ❖ Jika engkau melihat kepada nama *al-Rahman* sahaja, engkau akan dapat bahawa syurga adalah salah satu daripada penjelmaannya, kebahagiaan abadi adalah salah satu daripada kilatannya dan segala rezeki serta

nikmat yang terhambur di sana sini di seluruh pelusuk dunia adalah salah satu daripada titisannya”.

Maka perhatikanlah betul-betul ayat-ayat al-Quran yang mengisyaratkan kepada perbandingan dan pertimbangan ini di antara hakikat ahli kesesatan dan ahli iman dari sudut kehidupan di dunia dan dari sudut tugas yang dilaksanakan. Firman Allah ﷺ:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (4) ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ

(5) إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مُمْتَنَنٍ

(6)

“Sesungguhnya Kami telah Menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka beroleh pahala yang tidak putus-putus.”

(al-Tin: 4-6)

Perhatikan juga ayat berikut:

فَمَا بَكَتْ عَلَيْهِمُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ

“Mereka (ketika dibinasakan) itu tidak ditangisi oleh langit dan bumi (atau penduduk keduanya)”.

(al-Dukhan: 29)

Ayat-ayat ini menunjukkan akibat buruk setiap golongan manusia itu. Perhatikanlah kedua-duanya nescaya engkau

akan dapati betapa tinggi nilai dan mukjizat kedua-duanya dalam menerangkan pertimbangan dan perbandingan yang telah kami lakukan.

Manakala bagi **ayat pertama**, untuk menerangkan secara ringkas hakikat mukjizat yang terkandung di dalamnya, kami menyerahkan kepada “*Kalimah Kesebelas*” yang telah menerangkannya dengan huraiyan yang terperinci. Manakala bagi ayat kedua pula, kami akan menunjukkan secara ringkas sahaja kepada sejauhmana ia menerangkan tentang suatu hakikat yang tinggi, iaitu:

**Ayat kedua** berbicara dengan berkata: “*Sesungguhnya langit dan bumi tidak menangisi kematian ahli kesesatan*”. Melalui kaedah *mafhum mukhalif*,<sup>40</sup> ayat ini menunjukkan bahawa *langit dan bumi menangisi pemergian ahli iman daripada dunia ini*. Maksudnya, ahli kesesatan mengingkari tugas-tugas langit dan bumi dan menuduh bahawa kewujudan langit dan bumi hanyalah sia-sia sahaja. Ahli kesesatan juga tidak memahami tugas yang dilaksanakan oleh kedua-duanya, lalu mereka tidak memberikan hak yang seharusnya diberikan kepada kedua-duanya, bahkan mereka tidak mengenali Tuhan kedua-duanya dan tidak memahami bagaimana kedua-duanya menunjukkan kepada Tuhan yang menjadikan mereka berdua. Lalu mereka memusuhi, menghina dan mencemuh langit dan bumi. Oleh itu, amat sesuailah jika langit dan bumi tidak menangisi pemergian dan kematian mereka, bahkan langit dan bumi bermohon agar mereka dicelakakan agar ia merasa senang dengan kemusnahan mereka.

Berdasarkan *mafhum mukhalif* juga, ayat-ayat tersebut

---

<sup>40</sup> Kefahaman tersirat yang diperolehi di sebalik apa yang tersurat.

berkata bahawa *langit dan bumi menangisi kematian ahli iman kerana mereka mengetahui dan menghargai tugas-tugas langit dan bumi dengan selayaknya*. Mereka juga membenarkan semua hakikat langit dan bumi serta mereka memahami berdasarkan keimanan mereka tentang apakah pengertian-pengertian yang ditunjukkan oleh langit dan bumi. Setiap kali mereka membuat pemerhatian kepada langit dan bumi, mereka berkata dengan penuh takjub: “Alangkah indahnya tugas-tugas yang dilaksanakan oleh langit dan bumi!” Lalu mereka memberikan penghargaan dan penghormatan selayaknya kepada langit dan bumi. Mereka menyebarkan kasih sayang mereka kepada langit dan bumi berdasarkan kasih sayang mereka kepada Allah ﷺ, iaitu kerana Allah ﷺ, dengan menganggap langit dan bumi sebagai cermin yang memantulkan jelmaan nama-nama Allah ﷺ yang indah (*al-Asma’ al-Husna*). Oleh itu, langit bergegar dan bumi berduakacita kerana kematian ahli iman seolah-olah kedua-duanya menangisi kehilangan mereka.



# Satu Persoalan Penting

**Anda berkata;**

*“Kasih sayang bukanlah suatu (ikhtiyari) pilihan. Berdasarkan keperluan fitrah, saya sukakan makanan-makanan dan buah-buahan yang lazat. Saya sayang ibu-bapa dan anak-anak. Saya cintakan isteri saya yang merupakan teman hidup. Saya sayang teman-teman dan sahabat-sahabat saya. Saya cintakan para Nabi dan para Wali. Saya cintakan zaman muda dan kehidupan saya. Saya cintakan musim bunga, dunia ini dan semua benda yang indah. Bagaimana saya tidak mencintai semua ini? Bagaimana saya boleh menukar semua jenis cinta ini kepada Allah ﷺ, kepada nama-namaNya, sifat-sifatNya dan zatNya? Apakah maksud perkara ini? ”*

**Jawapan;** Jawapannya ada pada “Empat Noktah” berikut:

## Noktah Pertama

Sesungguhnya *mahabbah* (kasih sayang) bukanlah pilihan. Tetapi dengan kehendak; wajah *mahabbah* boleh berubah daripada suatu *mahbub* kepada *mahbub* yang lain (*mahbub*; satu benda yang dikesih). Maka wajah *mahabbah* tersebut boleh mengembalikan *mahabbah majazi* (metafora) kepada *mahabbah hakiki* dengan syarat memperlihatkan keburukan

*mahbub* itu ataupun menganggap *mahbub* itu sebagai wasilah atau cermin bagi *mahbub* lain; iaitu *mahbub* yang benar lagi layak.

## Noktah Kedua

Kita tidak berkata; “**Janganlah berkasih sayang**” kepada semua yang anda telah sebutkan. Bahkan kita berkata; “**Kasihilah mereka demi Allah ﷺ yang Maha Besar dan juga atas nama mahabbahNya**”.

Misalnya; berlazat-lazat dengan **makanan** yang enak dan mengecapi buah-buahan yang sedap, dan dalam masa yang sama mengingati bahawa ia adalah kebaikan dan kenikmatan yang datang daripada Allah ﷺ yang Maha Pemurah (*al-Rahman*) lagi Maha Mengasihani (*al-Rahim*), bermaksud kecintaan kepada nama Allah ﷺ, *al-Rahman* (yang Maha pemurah) dan nama Allah *al-Mun'im* (yang memberikan nikmat). Lebih dari itu, Ia juga adalah kesyukuran berbentuk maknawi. Bukti bahawa kecintaan ini bukanlah untuk diri sendiri atau kerana nafsu bahkan untuk nama *al-Rahman* ialah bahawa untuk mendapatkannya, hanya jalan yang halal sahaja digunakan. Di samping sifat *qanda'ah* (berpada dengan apa yang ada) yang tinggi bahawa nikmat-nikmat itu hendaklah hanya diambil daripada kawasan-kawasan yang dibenarkan sahaja. Dan ketika mengambilnya, hendaklah difikirkan bahawa ia adalah nikmat Allah ﷺ yang perlu disyukuri.

*Justeru kecintaan dan penghormatan anda kepada kedua ibubapa sebenarnya berpunca daripada kecintaan anda kepada Allah ﷺ. Kerana Dia telah menanam di dalam diri kedua ibu bapa anda perasaan kasih sayang dan belas kasihan sehingga mereka berdua menjaga dan mendidik anda dengan*

perasaan penuh kasih sayang dan kebijaksanaan.

Tanda yang menunjukkan bahawa ia adalah kasih sayang kerana Allah ﷺ, ialah bersangatan mencintai dan menghormati kedua-duanya apabila mereka mencapai umur tua yang ketika itu anda tidak mengharapkan apa-apa daripada mereka. Tetapi anda tetap melimpahkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan terhadap mereka meskipun anda sendiri mengalami pelbagai kesulitan yang membebankan. Firman Allah ﷺ:

إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَامُهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أَفْ وَلَا  
تَهْرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (23) وَاحْفِظْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلُّ  
مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيْانِي صَغِيرًا (24)

*“Jika salah seorang daripada keduanya, atau keduanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ha”, dan janganlah engkau menengking dan menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”.*

(al-Isra': 23-24)

Ayat di atas menyeru anak-anak agar memelihara hak kedua ibu bapa dalam lima peringkat. Ia juga menerangkan sejauhmana kepentingan berbuat baik kepada keduanya dan kejelekan menderhakai keduanya..

Seseorang tidak boleh menerima bahawa dia dikalahkan oleh orang lain, kecuali oleh anaknya sendiri. Kerana dari

segi fitrah, seseorang bapa tidak menyimpan sebarang perasaan hasad dengki terhadap anaknya. Ini menyebabkan si anak tidak boleh menuntut sesuatu hak daripada ayahnya, kerana pertikaian biasanya berlaku daripada perasaan hasad dengki dan persaingan di antara dua individu, atau timbul daripada penafian hak orang lain. Seseorang bapa terselamat daripada kedua-duanya secara fitrah. Oleh sebab itu, seseorang anak tidak berhak untuk membuat dakwaan di mahkamah terhadap bapanya. Bahkan ketika dia melihat bapanya melakukan sesuatu di luar batasan, maka dia tetap tidak boleh menderhakainya. Maksudnya bahawa sesiapa yang menderhakai dan menyakiti bapanya, maka dia adalah seorang yang bertukar menjadi haiwan yang buas.

**Kasih sayang dan cinta kepada anak-anak** juga sebenarnya adalah kasih sayang kepada Allah ﷺ. Maka cara untuk membalas kembali rasa cintaNya, iaitu dengan menjaga mereka dengan penuh belas kasihan dan kasih sayang, dengan menganggap mereka sebagai kurniaan Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mulia. Manakala tanda yang menunjukkan bahawa kasih sayang tersebut adalah untuk Allah ﷺ dan pada jalanNya ialah kesabaran berserta dengan kesyukuran ketika berlaku bala bencana, terutamanya ketika kematian, tidak merasa kecewa, putus asa untuk terus berdoa, bahkan wajib berserah kepada Allah ﷺ dan memujiNya ketika berlaku ketentuan tersebut. Seolah-olah dia berkata: Sesungguhnya makhluk ini adalah kekasih dan dimiliki oleh Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia. Tuhannya telah mengamanahkannya kepadaku untuk suatu tempoh masa tertentu. Sekarang hikmat kebijaksanaaNya menuntut agar ia diambil dariku untuk dibawa ke tempat lain yang lebih selamat dan lebih baik. Jika pada zahirnya aku hanya

memiliki satu bahagian sahaja daripada makhluk tersebut, maka Allah ﷺ mempunyai seribu bahagian hakiki padanya. Oleh itu, kita mesti berserah kepada hukum ketentuan Allah ﷺ.

Manakala **kasih sayang kepada rakan-rakan dan kawan-kawan** pula, jika mereka terdiri daripada ahli iman dan taqwa, maka perasaan kasih sayang kepada mereka sebenarnya berada pada jalan Allah ﷺ dan berpunca daripadanya, kerana memenuhi tuntutan ‘**berkasih sayang kerana Allah ﷺ**.<sup>41</sup>

Selain itu, **kasih sayang kepada isteri yang merupakan teman hidup anda**, maka anda hendaklah mengasihinya sebagai suatu hadiah yang indah dan membawa kebahagiaan daripada hadiah kerahmatan Ilahi buat anda. Awaslah anda daripada mengaitkan kecintaan anda itu dengan ikatan kecantikan zahir yang segera hilang; seharusnya anda hendaklah mengikat kasih sayang anda itu dengan keindahan yang tidak akan hilang, supaya akan bertambah bersinar hari demi hari, iaitu keindahan akhlak, perilaku kehidupan yang baik yang tersemai di dalam kewanitaan dan kelembutannya Keindahan paling manis dan murni yang terdapat pada seseorang isteri ialah perasaan belas kasihannya yang suci murni lagi bersinar. Keindahan belas kasihan dan keelokan perilaku ini akan berkekalan dan

41

*“... Berkasih sayang kerana Allah dan marah kerana Allah adalah sebahagian daripada iman.”*

Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam kitab al-Iman.

semakin bertambah hingga ke penghujung umur. Dengan mengasihi kedua-duanya, segala hak makhluk yang lembut dan lemah ini akan terpelihara dan terjaga. Tanpanya pula, segala hak makhluk tersebut akan hilang daripadanya pada waktu yang dia sangat berhajat kepadanya, iaitu ketika dia kehilangan kecantikan zahirnya.

Di samping itu, **kasih sayang kepada para nabi dan para wali yang soleh**, juga berlaku kerana Allah ﷺ Kasih sayang ini adalah benar berlandaskan pada jalanNya. Oleh kerana mereka adalah hamba Allah ﷺ yang ikhlas lagi diterima di sisiNya, dari sudut ini, kasih sayang tersebut terjadi kerana Allah ﷺ.

Demikian juga **dengan kehidupan ini** yang dikurniakan Allah ﷺ kepada anda dan kepada manusia lain. Ia adalah modal besar yang dengannya anda mampu mendapat kehidupan akhirat yang kekal abadi. Ia juga adalah khazanah agung yang mengandungi segala kelengkapan dan kesempurnaan yang kekal. Oleh itu, menjaga dan mengasihi kehidupan dari sudut ini serta mempergunakannya demi Allah ﷺ sahaja, adalah kembali kepada Allah ﷺ juga.

Demikian juga dengan **kasih sayang kepada kemudaan**, ketampanan dan kelembutan mereka, serta menghargainya sebagai satu daripada nikmat Allah ﷺ yang indah, kemudian berusaha untuk mempergunakannya dengan sebaik-baiknya, juga merupakan kasih sayang yang dibenarkan syarak, bahkan patut mendapat penghargaan.

Kemudian perasaan **kasih sayang kepada musim bunga** dan merinduinya juga berlaku kerana Allah ﷺ dan tertuju kepada nama-namaNya yang indah (*al-Asma' al-Husna*); kasih sayang ini merupakan lembaran paling indah

yang menampilkan cahaya jelmaan ukiran *al-Asma' al-Husna* dan bilik pameran paling agung bagi mempamerkan keindahan seni buatan Rabbani.. Maka berfikir dan mengenang musim bunga dari sudut ini adalah kasih sayang yang mencerminkan nama-nama Allah ﷺ (*al-Asma' al-Husna*) yang maha indah.

**Bahkan kecintaan dan keberahian kepada dunia** akan bertukar menjadi kasih sayang kerana Allah ﷺ Jika dunia ini dipandang sebagai ladang akhirat, cerminan *al-Asma' al-Husna*, dan risalah Rabbani yang ditujukan kepada seluruh makhluk, maka dunia ini akan tersemat sebagai sebuah rumah yang bertujuan sebagai persinggahan sementara para tetamu. Namun, dengan syarat tiada campur tangan jiwa yang sentiasa menyeru keburukan (*al-nafs al-ammarah bi al-su'*) ke dalam kasih sayang tersebut. Ringkasnya:

Jadikanlah cinta anda kepada dunia dan segala yang terdapat di dalamnya dengan maknanya yang *harfi* (literal), bukan dengan makna namanya, iaitu kerana suatu pengertian yang terdapat di dalamnya, bukan kerana dirinya semata-mata. Janganlah anda berkata tentang sesuatu: “Alangkah indahnya ia!” Tetapi berkatalah: “Alangkah indah penciptaan!” Awaslah daripada batin hati anda dimasuki oleh kecintaan kepada selainNya walau pun sedikit, kerana batin hati anda adalah cermin yang khusus untuk Allah ﷺ sahaja. Katakanlah:

اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا حُبَّكَ وَحُبًّا مَا يُقْرِبُنَا إِلَيْكَ

“Ya Allah! Rezkikan kepada kami kecintaan kepada Engkau dan kecintaan kepada sesuatu yang boleh

*mendekatkan kami kepada Engkau.*<sup>42</sup>

*Demikianlah, jika segala jenis cinta yang telah kami sebutkan di atas dihalakan ke arah yang betul, iaitu kasih sayang kerana Allah ﷺ dan pada jalanNya, maka cinta itu akan memberikan nikmat hakiki yang sedikitpun tidak mempunyai sebarang kesakitan. Ia juga adalah penyambungan sebenar-benarnya, bukan kehilangan. Bahkan ia menambahkan kecintaan kita kepada Allah ﷺ. Lebih dari itu, ia juga adalah kecintaan yang dibenarkan, kesyukuran terhadap kelazatan kurniaanNya dan pemikiran terhadap nikmatNya, iaitu terhadap kecintaan itu sendiri.*

Satu contoh perbandingan untuk penjelasan: Jika seorang raja yang berkuasa menghadiahkan anda sebiji epal, sebagai contoh, maka anda akan menyimpan dua jenis cinta dan anda akan menikmatinya menerusi dua bentuk nikmat<sup>43</sup>:

### **Pertama:**

Kecintaan yang kembali kepada epal itu sendiri, dari sudut ia

<sup>42</sup> Terdapat banyak hadis daripada Rasulullah ﷺ berkenaan doa memohon kasih sayang Allah. Antaranya: Daripada Abdullah bin Yazid al-Khutami al-Ansari, daripada Rasulullah ﷺ. bahawa baginda berkata di dalam doa baginda:

*Ya Allah! Rezkikan kepada kami kecintaan kepada Engkau dan kecintaan kepada orang yang memberikan manfaat kepadaku oleh kecintaannya di sisi Engkau...”*

Hadis oleh al-Tirmizi (al-Tuhfah: 3557) dan beliau berkata: “Hadis ini adalah hadis hasan gharib.”

<sup>43</sup> Ini adalah sebuah kisah yang benar iaitu dua ketua kabilah melawat seorang raja dan contoh ini sama seperti dengan keadaan mereka.

adalah buah yang enak dan lazat berdasarkan ciri-cirinya tersendiri. Kecintaan ini tidak kembali kepada raja. Bahkan sesiapa yang memakan epal itu dengan penuh lahap di hadapan raja, maka dia hanya memperlihatkan kecintaannya kepada epal itu, tidak kepada raja. Mungkin raja itu memandang jengkel perbuatan tersebut, dan tidak suka akan cinta yang hanya tertumpu kepada epal itu dan mengabulkan cinta kepada raja. Tambahan pula, kecintaan kepada epal itu hanyalah berbentuk sebahagian (*juz'ie*) dan ia akan hilang, kerana dengan semata-mata selesai memakannya, kelazatan akan hilang dan membuaikan perasaan dukacita.

### **Manakala cinta kedua pula ialah:**

Iaitu kerana mendapat penghormatan diraja dan kurniaannya yang terhormat yang terjelma melalui pengurniaan buah epal tersebut.. Seolah-olah buah epal itu adalah contoh bagaimana raja tersebut memberikan perhatian kepadanya, atau pemberian buah epal itu adalah pujian yang berbentuk benda daripadanya. Maka, orang yang menerima hadiah daripada raja dengan penuh kasih sayang dan kemuliaan tersebut, sepatutnya melahirkan kasih sayangnya kepada raja tersebut, bukan kepada buah epal yang diperolehnya. Perlu dinyatakan bahawa buah epal yang menjadi jelmaan dan tanda penghormatan diraja itu memiliki seribu kali kelazatan lebih tinggi daripada mana-mana buah epal lain. Kelazatan ini ialah kesyukuran sebenarnya. Kecintaan ini pula adalah kecintaan yang mempunyai penghormatan dan penghargaan yang selayaknya bagi seseorang raja.

Demikianlah ketika seseorang menghalakan kecintaannya kepada nikmat dan buah-buahan itu sendiri dengan penuh

kelalaian, dia hanya berlazat-lazat dengan kelazatannya yang material semata-mata, maka kecintaan nafsu itu hanya kembali kepada hawa nafsunya sahaja, dan kelazatan tersebut akan hilang dan menyakitkan. Sekiranya kecintaan tersebut tertuju kepada sudut kemuliaan yang dikurniakan Allah ﷺ, tertuju ke arah kelembutan rahmatNya, tertuju kepada buahan kebaikanNya, dengan menghargai segala tingkatan kebaikan dan kelembutanNya, meskipun mendapat kelazatan sepenuhnya, maka ia adalah kesyukuran maknawi, bahkan ia adalah kelazatan yang tidak akan menyebabkan kesakitan.

### Noktah Ketiga

Sesungguhnya kecintaan yang tertuju kepada *al-Asma' al-Husna* mempunyai beberapa peringkat. Kadang-kala kecintaan tersebut tertuju kepada *al-Asma' al-Husna* kerana kecintaan kepada kesan-kesan Ilahi yang banyak terdapat di seluruh alam maya ini, sebagaimana yang telah kami terangkan sebelum ini. Kadang-kala ia tertuju kepada *al-Asma' al-Husna* kerana ia adalah lambang kesempurnaan tertinggi Ilahi. Kadang -kala seseorang manusia rindu kepada *al-Asma' al-Husna* kerana keperluannya yang tersangat kepadanya. Ini kerana manusia pada hakikatnya adalah seseorang yang amat memerlukan dan keperluannya tidak terbatas, sementara *al-Asma' al-Husna* pula bersifat umum dan boleh merangkumi segalanya. Maksudnya, manusia mencintai *al-Asma' al-Husna* dengan dorongan keperluannya kepada *al-Asma' al-Husna* itu sendiri.

Kami akan jelaskan perkara ini dengan satu perumpamaan:

Bayangkan bahawa anda sedang berada dalam keadaan lemah dan amat memerlukan seseorang yang boleh

membantu dan menyelamatkan kaum kerabat anda, golongan fakir miskin, atau makhluk-makhluk lain yang lemah lagi memerlukan yang anda sayang. Tiba-tiba muncul seseorang di hadapan anda lalu memberikan kesenangan, kenikmatan dan kelazatan kepada mereka sebagaimana yang anda inginkan.. Maka bayangkanlah betapa gembiranya hati anda dan betapa lapangnya dada anda terhadap nama orang tersebut yang bersifat *al-Mun'im* (yang Pemberi nikmat) dan *al-Karim* (yang Pemurah). Bayangkanlah juga betapa gembira dan leganya perasaan anda daripada kedua-dua nama keramat tersebut. Bahkan orang tersebut sudah pasti mendapat kekaguman dan penghargaan tinggi anda, serta kecintaan anda akan tertuju kepadanya dengan dua nama (*al-Mun'im* dan *al-Karim*) tersebut!

Melalui perumpamaan ini, perhatikanlah dua nama sahaja daripada *al-Asma' al-Husna* iaitu *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah) dan *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani). Anda akan dapatkan bahawa seluruh orang-orang beriman yang terdiri daripada para bapa, datuk terdahulu, semua orang yang dikasihi, kaum kerabat dan kawan-kawan, kesemua orang-orang yang anda sayangi, kasihi dan cintai itu diberikan pelbagai jenis nikmat yang lazat, kemudian mereka digembira dan dibahagiakan pula di akhirat dengan pengurniaan nikmat yang baik dan lazat; bahkan Allah ﷺ menambahkan lagi kenikmatan tersebut dengan memberikan kebahagiaan dan kenikmatan kerana dapat bertemu sesama sendiri dan dengan dapat melihat keindahan abadi di sana.. Maka alangkah layaknya nama *al-Rahman* dan *al-Rahim* untuk dikasihi dan dicintai! Alangkah rindunya jiwa manusia kepada kedua-duanya!

Maka anda bandingkanlah sendiri sejauh mana kebenaran kata-kata kami di atas.

**الْحَمْدُ لِلّٰهِ عَلٰى رَحْمَانِتِهِ وَعَلٰى رَحْمٰنِتِهِ**

*“Segala puji-pujian bagi Allah Tuhan sekalian alam terhadap sifat pemurah dan kasih sayangNya”.*

Anda juga mempunyai kaitan dengan segala makhluk yang wujud bertebaran di seluruh alam. Anda merasa sakit dengan kesakitan yang dialami oleh mereka. Seolah-olah dunia keseluruhannya adalah kediaman anda yang cantik dan rumah yang anda disukai. Jika anda perhatikan dengan mendalam, anda dapati kerinduan yang membara dan keperluan yang tinggi di dalam roh anda kepada sifat atau nama *al-Hakim* (Yang Maha Bijaksana) dan *al-Murabbi* (Yang Mendidik atau Mengasuh) bagi Tuhan yang Mentadbir makhluk-makhluk ini keseluruhannya dengan hikmat kebijaksanaan yang sempurna, susunan yang teliti, pentadbiran yang unggul dan pentarbiahan yang Penyayang.

Kemudian, jika anda terus perhati dengan lebih mendalam terhadap kemanusiaan keseluruhannya, anda akan dapati bahawa anda tertakluk kepada mereka, merasa sakit dengan keadaan mereka yang mendukacitakan dan merasa amat merana dengan kehilangan dan kematian mereka. Tiba-tiba roh anda merindui nama atau sifat *al-Warith* (Yang Maha Mewarisi) dan *al-Baith* (Yang Membangkitkan), serta memerlukan kepada nama *al-Baqi* (Yang Maha Kekal), *al-Karim* (Yang Maha Mulia), *al-Muhyi* (Yang Menghidupkan), *al-Muhsin* (Yang Berbuat Kebaikan) bagi Tuhan yang Maha Mencipta lagi Maha Mulia, yang menyelamatkan mereka daripada kegelapan dan meletakkan mereka di tempat tinggal yang lebih indah dan lebih baik daripada dunia ini.

*Oleh kerana hakikat manusia adalah lebih tinggi dan fitrahnya adalah bersifat memerlukan, maka ia memerlukan sebanyak seribu satu keperluan kepada seribu satu nama daripada al-Asma' al-Husna dan kepada pelbagai martabat daripada setiap nama itu. Keperluan yang berganda-ganda itu ialah kerinduan. Kerinduan yang berganda-ganda itu pula ialah kecintaan. Kecintaan yang berganda-ganda pula adalah keasyikan. Sekadar mana sempurnanya roh seseorang, maka sekadar itulah tertampilnya martabat kecintaan mengikut martabat nama-nama tersebut. Kecintaan kepada kesemua nama-nama tersebut juga akan bertukar kepada kecintaan kepada diri Allah Yang Maha Mulia Lagi Maha Suci, kerana nama-nama tersebut adalah tajuk dan penjelmaan diri Allah ﷺ itu sendiri.*

Salah satu martabat di antara seribu satu nama daripada al-Asma' al-Husna terkandung di dalam nama-nama *al-'Adl* (Yang Adil), *al-Hakam* (Yang Bijaksana), *al-Haqq* (Yang Benar) dan *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani). Penjelasannya adalah seperti berikut:

Jika anda mahu menyaksikan bagaimana kebijaksanaan dan keadilan yang terkandung di dalam nama-nama *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah), *al-Rahim* (Yang Maha Mengasihani) dan *al-Haqq* (Yang Benar) di dalam lingkungan yang luas dan besar, maka perhatikanlah contoh berikut:

Terdapat satu angkatan tentera yang besar mengandungi empat ratus unit yang pelbagai. Setiap unit berbeza daripada unit yang lain dengan pakaian tersendiri, makanan tertentu dan alat senjata tersendiri yang mudah digunakan, begitu juga dengan jenis rawatan yang diterima.. Meskipun perbezaan

dalam semua perkara ini wujud, namun kesemua empat ratus unit tersebut tidak terpisah dan tidak terpecah kepada kumpulan-kumpulan dan puak-puak tersendiri. Bahkan kesemuanya bergabung sesama sendiri tanpa dapat dibezakan.. Jika terdapat seorang pemerintah yang mampu memberikan bagi setiap unit tersebut pakaian yang sesuai, makanan yang berkhasiat, rawatan yang diperlukan, senjata yang berpadanan, tanpa terlupa, keliru dan berkecamuk, dan tanpa mempunyai penolong dan pembantu, bahkan dia sendiri yang mengagih-agihkannya kepada mereka, berdasarkan sifat rahmat, belas kasihan, qudrat (kekuatan), ilmu yang mengatasi dan pengetahuan yang meliputi segala perkara, di samping keadilan terunggul dan kebijaksaan sempurna... ya jika terdapat seorang pemerintah yang demikian sifatnya yang tidak mempunyai bandingan, dan anda sendiri menyaksikan dengan mata anda sendiri hasil kerjanya yang menakjub dan mengagumkan, maka pada ketika itu, anda akan mengetahui betapa besar kekuasaan, belas kasihan dan keadilannya. Ini kerana penyediaan satu batalion tentera yang merangkumi sepuluh puak yang berbeza dengan alat kelengkapan yang berlainan serta pakaian yang beraneka, sudahpun merupakan satu tugas yang amat sukar dan sulit, sehingga terpaksa memperlengkapkan mereka dengan fesyen atau cara pakaian dan peralatan tertentu, meskipun setiap puak terdiri daripada satu bangsa tertentu sahaja.

Jika anda ingin melihat melalui perumpamaan ini bagaimana nama Allah ﷺ *al-Haqq* (Yang Maha Benar), *al-Rahman* (Yang Maha Pemurah) dan *al-Rahim* (Yang Maha Penyayang) terkandung di dalam keadilan dan kebijaksanaan, maka layangkan dan terawangkan pandangan anda ketika musim luroh kepada khemah-khemah yang didirikan di atas

permukaan bumi untuk didiami oleh 400.000 bangsa yang cemerlang. Mereka mewakili angkatan tentera tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Tumpukan pandangan anda kepada mereka, nescaya anda akan dapat dihukum kesemua bangsa dan etnik tersebut adalah bercampur baur. Pakaian mereka pula berbeza. Rezeki mereka juga pelbagai. Senjata mereka adalah berbeza. Cara hidup mereka juga berlainan. Latihan yang dijalani dan taklimat serta arahan yang diberikan juga berbeza. Waktu kerahan kerja dan cuti mereka juga tidak sama. Dalam masa yang sama, mereka tidak mempunyai lidah yang boleh digunakan untuk memohon agar segala keperluan dan kehendak mereka dipenuhi dan disempurnakan. Meskipun demikian, setiap mereka diurus dan ditadbir dengan nama *al-Haqq*, *al-Rahman*, *al-Razzaq*, *al-Rahim* dan *al-Karim*, tanpa mengalami sebarang keceluaran dan kelupaan dalam lingkungan kebijaksanaan dan keadilan berdasarkan neraca yang teliti dan sistem yang mantap ... Saksikanlah penjelmaan ini (iaitu penjelmaan nama-nama Allah ﷺ tersebut dalam apa yang berlaku). Adakah mungkin kuasa lain selain Allah ﷺ yang mampu untuk campurtangan dalam menangani urusan ini secara penuh tersusun dan sistematik dengan membuat pertimbangan yang amat teliti? Adakah mungkin orang lain boleh menghulurkan tangannya atas apa sebab sekalipun untuk turut serta dan campur tangan dalam perbuatan yang amat menakjubkan, pengurusan yang amat bijaksana, Rububiyyah yang amat pemurah dan pentadbiran yang menyeluroh itu selain daripada Allah ﷺ yang bersifat dengan keesaan, bijaksana dan berkuasa di atas segala sesuatu?

## Noktah Keempat

### Anda berkata:

*“Sesungguhnya saya juga mempunyai pelbagai jenis kasih sayang di dalam diri saya. Sama ada yang berkait dengan makanan yang lazat, yang berkait dengan diri saya sendiri, atau berkait dengan isteri dan anak-anak saya, yang berkait dengan ibu bapa saya, yang berkait dengan semua orang yang saya kasih, yang berkait dengan kawan-kawan saya, yang berkait dengan para wali yang soleh dan para nabi yang dimuliakan. Bahkan, kasih sayang saya berkait dengan semua benda yang indah, khususnya musim luruh yang indah itu dan dunia ini secara umumnya ... Jika pelbagai jenis kasih sayang tersebut berjalan sebagaimana diperintahkan oleh al-Quran al-Karim, maka apakah hasil dan faedahnya?”*

### Jawapan:

Sesungguhnya penerangan tentang semua hasilnya serta penjelasan tentang semua faedahnya memerlukan kepada penulisan sebuah kitab yang besar. Oleh itu, kami hanya akan menyebutkan satu atau dua sahaja hasilnya secara ringkas. Pertamanya, kami akan menerangkan hasil-hasilnya yang diperolehi di dunia, kemudian selepas itu, kami akan menerangkan pula hasil-hasil yang akan lahir di akhirat. Ia adalah seperti berikut:

Kami telah sebutkan sebelum ini bahawa pelbagai jenis kasih sayang yang terdapat di sisi golongan yang lalai dan yang hanya mementingkan keduniaan sahaja, yang kasih sayang mereka lahir hanya untuk memenuhi kehendak-

kehendak nafsu mereka sahaja, mempunyai hasil yang menyakitkan dan akibat yang mencelakakan, yang terdiri daripada pelbagai macam bala bencana dan kesulitan. Di samping itu, mereka hanya memperoleh sedikit kenikmatan dan secebis kerehatan daripadanya.

**Sebagai contoh:** Belas kasihan akan bertukar menjadi bala bencana yang menyeksakan akibat kelemahan. Kasih sayang akan bertukar menjadi kebimbangan dan kerinduan yang memudaratkan akibat berlakunya perpisahan. Kelazatan akan bertukar menjadi minuman yang penuh beracun disebabkan kehilangan ... Manakala di akhirat kesemuanya kekal tanpa memberikan sebarang faedah dan manfaat, kerana ia tidak berlaku kerana Allah ﷺ, bukan setakat itu sahaja, bahkan ia akan bertukar menjadi azab yang pedih jika ia menjatuhkan seseorang kepada perkara-perkara yang haram.

### **Pertanyaan:**

*Bagaimana kasih sayang kepada para nabi yang mulia dan para wali yang soleh boleh menjadi suatu yang tidak bermanfaat dan tidak berfaedah?*

### **Jawapan:**

Ia sama seperti kasih sayang orang-orang Kristian terhadap Nabi Isa a.s. yang percaya kepada konsep triniti, dan sebagaimana kasih sayang golongan al-Rafidah terhadap Sayyidina Ali r.a.! Kasih sayang mereka tidak memberikan sebarang manfaat dan faedah.

Jika pelbagai jenis kasih sayang yang engkau telah sebutkan sebelum ini adalah mengikut petunjuk al-Quran al-Karim dan menuju kepada jalan Allah ﷺ dan kerana

kecintaan kepadaNya, maka hasilnya yang baik akan berbuah ketika di dunia, apatah lagi hasilnya yang baik akan berkekalan di akhirat nanti.

**Manakala hasilnya di dunia ialah:**

**Kecintaan anda terhadap makanan yang lazat dan buah-buahan yang enak** merupakan nikmat Ilahi yang tidak dicemari oleh sebarang kesakitan. Kelazatan juga terdapat pada perbuatan bersyukur itu sendiri.

**Kasih sayang anda terhadap nafsu anda iaitu belas kasihan anda terhadapnya**, serta usaha keras anda mendidik dan membersihkannya, serta menahannya daripada menuruti segala hawa nafsu yang ingin melakukan segala kehinaan, menjadikannya mematuhi perintah anda. Maka ia tidak dapat menggoda dan mengongkong anda dengan hawa nafsunya, bahkan ia memimpin dan menuntun anda kepada petunjuk, bukan kepada hawa nafsu.

**Jika kecintaan anda kepada isteri anda yang merupakan rakan perjalanan dalam kehidupan di dunia ini** adalah berasaskan kepada keindahan akhlak dan ketinggian belas kasihannya, serta kerana dia adalah pemberian daripada rahmat Ilahi, maka anda akan memberikan kasih sayang sejati dan kecintaan yang mendalam kepadanya. Isteri anda pula akan membalaikasih sayang tersebut, di samping mempunyai perasaan hormat dan penghargaan yang tinggi terhadap anda. Situasi ini akan sentiasa menyubur selagimana anda berdua semakin berusia. Dengan itu, anda berdua akan terus hidup di dalam kebahagiaan dan keindahan dengan izin Allah ﷺ ... Tetapi jika kasih sayang tersebut dibina di atas kecantikan luaran yang menjadi sasaran hawa nafsu sahaja, maka ia akan segera

layu dan kering, maka kehidupan bersuami isteri juga akan turut terjejas.

Manakala **kasih sayang anda kepada ayah dan ibu anda**, diibaratkan sebagai ibadat yang bakal diberikan pahala sekiranya ianya berlandaskan jalan Allah ﷺ. Tidak syak lagi, kasih sayang dan penghormatan anda kepada kedua-dua ibubapa akan bertambah ketika kedua-duanya mencapai usia yang lanjut. Anda juga akan memperoleh kelazatan rohani yang murni dan kesenangan hati yang sempurna ketika anda memberikan khidmat kepada mereka, ketika anda mencium tangan mereka berdua dan ketika anda memberikan penghormatan yang sepatutnya kepada mereka dengan penuh keikhlasan. Ketika mempunyai perasaan yang tinggi dan keazaman yang kuat ini, anda menuju kepada Allah ﷺ yang maha berkuasa dengan memanjatkan doa agar Allah ﷺ memanjangkan umur mereka agar anda mendapat balasan pahala yang berlebihan. Tetapi jika kasih sayang dan penghormatan tersebut hanya kerana ingin mendapat habuan dunia semata-mata dan hanya lahir daripada hawa nafsu, maka ia akan melahirkan kesakitan rohani yang suram hasil daripada perasaan dan semangat yang rendah lagi hina, iaitu hanya ingin menjauhkan diri daripada mereka berdua, sedangkan mereka berdua adalah sebab kepada kewujudan dan kehidupan anda. Perasaan buruk itu juga lahir daripada perasaan tanggungjawab yang berat menerima mereka berdua ketika usia mereka yang telah lanjut sehingga menjadi beban yang besar. Bahkan lebih dahsyat lagi jika anda bercita-cita mereka cepat mati dan sentiasa menunggu-nunggu saat kematiannya!

**Manakala kasih sayang anda kepada anak-anak anda**

merupakan kasih sayang terhadap barang amanah yang Allah ﷺ amanahkan kepada anda, agar anda mendidik dan menjaga mereka sebaik-baiknya. Kasih sayang kepada mereka adalah kasih sayang yang diselubungi dengan kebahagiaan dan kegirangan. Dalam masa yang sama, ia juga adalah nikmat Ilahi. Jika inilah perasaan anda, maka janganlah pula anda berdukacita terhadap musibah yang menimpa mereka dan janganlah anda menjerit dengan penuh penyesalan jika mereka meninggal dunia. Kerana sebagaimana yang telah kami nyatakan terdahulu, Tuhan yang Mencipta mereka amat mengasihani mereka dan amat bijaksana dalam mengatur urusan mereka. Ketika itu anda hendaklah berkata bahawa sesungguhnya kematian bagi mereka adalah kebahagiaan buat mereka. Jika ini yang anda lakukan, maka anda akan terselamat daripada kesakitan kerana berpisah dengan mereka dan anda akan terfikir bahawa anda sentiasa akan dinaungi dengan rahmat Allah ﷺ.

Selain itu, *kasih sayang anda kepada rakan-rakan dan kaum kerabat*, sekiranya ianya disebabkan Allah ﷺ semata-mata, maka perpisahan dan kematian mereka tidak sekali-kali dapat menghalang persahabatan, persaudaraan, kasih sayang dan keintiman yang abadi dengan mereka. Ini adalah kerana hubungan kerohanian dan kasih sayang maknawi yang tulus itu akan berterusan, berkekalan dan menghasilkan kelazatan pertemuan dan kenikmatan perjumpaan seolah-olahnya terus berlaku.. Tetapi, jika kasih sayang tersebut wujud bukan kerana Allah ﷺ dan bukan pada jalanNya, maka kelazatan pertemuan yang berlaku satu hari sahaja akan menyebabkan kesakitan perpisahan selama seratus tahun.<sup>44</sup>

---

<sup>44</sup> Pertemuan sesaat yang berlaku pada jalan Allah ﷺ akan dikira sebagai setahun, manakala pertemuan setahun kerana dunia yang

**Manakala kasih sayang anda kepada para Nabi a.s. dan para wali yang soleh** akan menjadikan alam barzakh yang merupakan alam yang gelap dan sepi pada pandangan orang-orang yang sesat dan lalai, sebagai beberapa buah rumah yang memperoleh cahaya daripada mereka. Ketika itu, anda tidak lagi merasa sepi untuk turut menyertai mereka dan tidak lagi merasa takut kepada alam barzakh, bahkan sentiasa rindu kepadanya tanpa mengerohkan kenikmatan dan kelazatan kehidupan dunia anda.. Tetapi jika kasih sayang anda kepada mereka sama seperti kasih sayang kepada golongan-golongan tersohor dan glamor keduniaan yang lain, maka dengan semata-mata terfikir tentang kematian para wali yang mempunyai kesempurnaan itu dan bagaimana jasad mereka akan dimamah oleh bumi di dalam perkuburan agung masa lalu, maka ia akan menambahkan kesakitan kepada kesakitan kehidupan yang telah sedia ada. Ia juga akan mendorong seseorang untuk menggambarkan bahawa dia akan mati dan binasa dengan berkata: "Suatu hari nanti, aku juga akan masuk ke dalam kubur ini yang telah menghancurkan tulang orang-orang yang besar dan agung!" Dia berkata demikian dengan penuh penyesalan dan kebimbangan.. Sedangkan pada pandangan pertama, dia melihat mereka sedang berehat dan ceria di alam barzakh yang mempunyai dewan dan serambi masa depan, setelah mereka meninggalkan pakaian jasadiah masa lalu mereka.. Dengan itu, dia akan melihat kepada tanah perkuburan dengan pandangan penuh kerinduan dan kemesraan.

**Manakala kasih sayang anda kepada benda-benda**

---

akan binasa ini tidak menyamai sesaatpun. - Bediuzzaman Said Nursi

**yang indah dan cantik itu** hendaklah wujud kerana Allah ﷺ dan pada jalanNya agar kita mengenali Tuhan yang mulia yang telah membuatnya sehingga anda berkata: **“Alangkah indah ciptaanNya!”** Kasih sayang ini sendiri adalah tafakkur yang mempunyai kelazatan dan kenikmatan, bahkan ia akan membuka jalan bagi merasai pelbagai kasih sayang kepada sebarang keindahan dan rindu kepada sebarang kecantikan agar anda sentiasa mengintai-ngintai untuk mencapai martabat perasaan yang lebih tinggi dan indah. Ia juga akan memperlihatkan kepada anda khazanah berharga yang tersimpan lalu orang yang melihatnya akan tenggelam di dalam kelazatan yang tinggi dan indah. Ini adalah kerana kasih sayang tersebut membuka penglihatan mata hati yang memindahkannya daripada hanya melihat kesan perbuatan Tuhan yang Maha Membuat lagi Maha Mulia itu kepada melihat keindahan perbuatan-perbuatannya yang menawan, juga memindahkannya daripada hanya melihat keindahan perbuatan kepada keindahan *al-Asma’ al-Husna* Allah ﷺ, juga daripada hanya melihat keindahan *al-Asma’ al-Husna* kepada keindahan sifat-sifatNya yang mulia, juga daripada hanya melihat kepada keindahan sifat-sifatNya yang mulia kepada keindahan zatNya yang suci itu sendiri. Maka kasih sayang dengan cara yang dinyatakan itu adalah ibadat yang mendatangkan kelazatan dan ia juga adalah takaffur pada martabat yang tinggi serta mendatangkan kenikmatan dalam masa yang sama.

Manakala **kasih sayang anda kepada kemudaan** disebabkan anda begitu menyukai zaman muda anda kerana ia adalah nikmat indah yang dikurniakan Allah ﷺ. Tidak ragu lagi bahawa anda akan mempergunakan zaman muda anda itu untuk beribadat kepada Allah ﷺ bukan dengan

membazirkannya dalam perkara-perkara bodoh dan tenggelam di dalam kesesatan. Ini adalah kerana ibadat-ibadat yang anda laksanakan pada zaman muda, ia sebenarnya adalah buah yang enak dan kekal abadi yang dihasilkan oleh zaman yang telah berlalu itu. Oleh itu, selepas anda melangkaui zaman tersebut dan usia anda telah lanjut, maka anda memperoleh hasil yang bertambah-tambah dan bertimbun-timbun serta berkekalan, serta secara berperingkat-peringkat anda terselamat daripada segala penyakit jiwa yang sentiasa memerintahkan kepada perkara-perkara yang jahat dan keburukan yang biasa dilakukan oleh kenakalan zaman muda. Anda berharap kepada Allah ﷺ agar memberikan taufiq kepada anda supaya dapat melakukan ibadat yang lebih banyak pada zaman tua agar anda layak untuk mendapat rahmat Allah ﷺ yang maha luas itu. Anda merasa janggal jika diri anda menjadi seperti golongan-golongan lalai yang hanya menghabiskan lima puluh tahun umur zaman muda dan zaman tua mereka dengan menyesali terhadap apa yang telah terlupakan daripada zaman muda mereka yang penuh kenikmatan itu yang hanya berlangsung selama lima atau sepuluh tahun sahaja. Seorang penyair menggambarkan penyesalan dan penderitaan mereka dengan berkata:

ليت الشباب يعود يوما

فأخبره بما فعل المشيّب

“Alangkah baiknya jika zaman muda dapat kembali semula, lalu aku memberitahu apa yang zaman tua telah membuat kepadaku”.

Manakala **kecintaan anda kepada pemandangan-pemandangan yang indah terutamanya pemandangan**

**pada musim bunga**, ia adalah kerana anda berkeinginan untuk melihat dan mengintai-ngintai keindahan perbuatan Allah ﷺ. Meskipun musim bunga berakhir, namun kelazatan dan kenikmatan menyaksikan serta memandangnya tidak hilang, kerana gambarannya tetap kekal. Maka musim bunga itu serupa dengan surat indah Rabbani yang dibuka untuk tatapan para makhlukNya. Maka khayalan anda dan musim tersebut sama seperti pita rakaman yang mengekalkan kelazatan menyaksikan pemandangan tersebut dan sentiasa memperbaharui gambaran-gambaran indah yang dibawa oleh musim bunga tersebut. Oleh itu, kasih sayang dan kecintaan anda tidaklah bersifat sementara atau diseliputi dengan dukacita dan penyesalan, bahkan ia adalah kasih sayang dan kecintaan yang murni, suci, lazat dan penuh kenikmatan.

Manakala **kasih sayang dan kecintaan anda kepada dunia**, ia adalah kerana kecintaan anda kepada Allah ﷺ dan demi keranaNya semata-mata. Dengan itu, segala benda yang menimbulkan ketakutan dan kegerunan yang ada di atas dunia menjadi kawan yang baik bagi anda. Anda juga boleh mengasihi dunia ini atas dasar bahawa ia adalah ladang untuk akhirat. Dengan itu anda boleh memetik setiap benda yang ada di dalamnya, yang boleh dijadikan sebagai buah yang enak di akhirat kelak, atau anda mendapatkan apa sahaja yang ada di dalamnya yang boleh dijadikan sebagai modal anda di akhirat kelak. Segala musibah dunia yang menimpa tidak sedikitpun menakutkan anda. Begitu juga kehilangan dan kemusnahannya sedikitpun tidak membimbangkan anda. Dengan itu, anda menghabiskan tempoh bermukim anda di dunia sebagai tetamu yang dimuliakan. Tetapi jika kecintaan anda kepada dunia sama seperti cinta oleh golongan yang lalai, maka kami telah berkata kepada anda berkali-kali: Diri

anda akan tenggelam dan musnah lantaran kecintaan melampau yang mencekik anda. Kecintaan itu juga akan hilang lenyap dan tidak akan mendatangkan sebarang faedah serta manfaat!

Demikianlah kami cuba untuk memperlihatkan kepada anda satu sahaja daripada ratusan akibat bagi setiap perkara yang kami telah sebutkan, ketika cinta dan kasih sayang anda berlaku sesuai dengan petunjuk *al-Quran al-Karim*. Dalam masa yang sama, kami juga telah menyebutkan secara tidak langsung tentang satu sahaja daripada ratusan kemudaratannya kasih sayang dan kecintaan tersebut jika ia tidak berlaku selaras dengan perintah *al-Quran al-Karim*.

Jika anda ingin mengetahui hasil-hasil daripada pelbagai jenis kasih sayang dan kecintaan tersebut di alam akhirat yang kekal abadi, sebagaimana yang disebutkan secara tidak langsung oleh ayat-ayat al-Quran yang terang dan nyata, maka di sini kami akan menerangkan kepada anda secara ringkas satu sahaja daripada faedah-faedah akhirat yang diperolehi daripada pelbagai jenis kasih sayang dan kecintaan yang dibenarkan syarak itu. Penerangan itu kami akan lakukan melalui sembilan isyarat, setelah kami mengemukakan satu pendahuluan, sebagaimana berikut:

### **Mukadimah**

Sesungguhnya Allah ﷺ dengan UluhiyyahNya yang mulia, dengan rahmatNya yang indah, dengan RububiyyahNya yang besar, dengan belas kasihanNya yang mulia, dengan kudratNya yang agung dan dengan hikmatNya yang halus telah menghiasi manusia yang kerdil ini dengan pancaindera dan perasaan yang pelbagai serta beragam. Allah ﷺ

memperindah manusia dengan anggota, organ dan kelengkapan yang pelbagai agar manusia dapat merasa dan mengecapi rahmatNya yang luas dan pelbagai nikmatNya yang tidak terhitung. Allah ﷺ juga ingin memperkenalkan manusia dengan pelbagai kebaikanNya yang tidak terkira. Di samping itu, melalui anggota dan organ yang banyak itu, Allah ﷺ juga mahu manusia melihat pelbagai jenis jelmaan ribuan namaNya daripada *al-Asma' al-Husna* yang tidak terhad itu, agar manusia mengasihinya dan memberikan penghargaan yang sepatutnya.

Setiap anggota, kelengkapan dan alat yang ada pada manusia mempunyai tugas yang tersendiri, tugasan ibadat yang khusus, kesakitan yang berlainan dan balasan pahala yang berbeza.

❖ **Sebagai contoh:** *Mata*, tugasnya melihat kepada keindahan. Mata dapat melihat mukjizat qudrat Ilahi yang indah yang terdapat pada alam penyaksian, lalu mata menuaikan tugasnya dengan mempersebahkan kesyukurannya kepada Allah ﷺ melalui pandangan-pandangannya yang mengundang kesedaran. Setiap orang tahu betapa besarnya nikmat penglihatan dan betapa sengsara jika kehilangannya. Oleh itu, tidak perlulah dijelaskan lagi akan nikmat melihat dan kesakitan kehilangannya.

❖ **Contoh lain:** *Telinga*, tugasnya ialah mengesan isyarat-isyarat halus rahmat Ilahi yang berlegar di dunia pendengaran. Telinga mendengar pelbagai jenis suara dan alunannya yang lembut dan berbagai-bagai. Telinga mempunyai tugas ibadat khusus, nikmat tersendiri dan balasan pahala yang

tertentu.

- ❖ **Contoh lain:** *Deria hidu* yang dapat mengesan isyarat-isyarat halus rahmat Ilahi yang merebak melalui haruman pelbagai jenis wangian dan bauan. Ia memiliki kelazatannya yang tersendiri dalam rangka ia melaksanakan kesyukurannya yang khusus, dan sudah pasti ia juga mempunyai balasan pahala yang tertentu baginya.
- ❖ **Contoh lain:** *Deria rasa* yang terdapat pada lidah. *Deria rasa* menunaikan tugasnya dan mempersempahkan kesyukuran maknawi dalam pelbagai bentuk melalui rasanya terhadap pelbagai jenis makanan dan kelazatannya.

Demikianlah ... Setiap anggota, deria dan organ manusia serta semua organ dalaman yang utama seperti jantung, roh, akal dan lain-lain yang memiliki tugasnya yang tersendiri dan mempunyai pelbagai nikmat yang khusus untuknya sahaja. Selain itu, satu perkara yang tidak dapat disangkal ialah *al-Hakim al-Mutlaq*, Allah ﷺ itu Maha Mencipta lagi Maha Bijaksana yang telah mempermudahkan anggota-anggota tersebut bagi melaksanakan tugas masing-masing dan pasti akan memberi balasan yang sesuai dan berhak diperoleh untuk setiap anggota tersebut.

Sesungguhnya semua kenikmatan sebagaimana yang telah disebutkan dapat dirasai oleh setiap manusia melalui perasaan dalamannya. Semua orang pasti dapat merasakannya dan meyakininya melalui gerak hatinya yang benar.

Hasilnya, di akhirat pula telah dibuktikan oleh dua belas hakikat yang bersinar daripada ‘*Kalimah Kesepuluh*’ dan

enam asas cemerlang daripada ‘*Kalimah Kedua Puluh Sembilan*’.

اَصْدَقُ الْكَلَامِ وَأَبْلَغُ النِّسَامِ كَلَامُ اللَّهِ الْمَلِكِ الْعَزِيزِ الْعَلَمِ

“Penjelasannya juga telah terbukti melalui *al-Quran al-Karim* yang merupakan kata-kata yang benar dan susunan kata-kata yang paling indah. *Al-Quran* merupakan kata-kata Allah yang Maha Mulia lagi Maha Mengetahui”.

Semuanya terbukti sama ada melalui perkataannya yang jelas, atau melalui perumpamaan, kiasan dan isyarat ... Oleh itu, kami berpendapat bahawa tidak perlu untuk membawa bukti-bukti berkenaan perkara ini. Perlu dinyatakan juga bahawa kami telah pun membawa bukti-bukti yang banyak dalam beberapa kalimah yang lain, juga di dalam ‘*Maqam Kedua* (yang ditulis dalam Bahasa Arab)’ daripada ‘*Kalimah Kedua Puluh Lapan*’ yang khusus mengenai syurga dan juga di dalam ‘*Kalimah Kedua Puluh Sembilan*’.

### **Isyarat Pertama**

Sesungguhnya cinta yang dibenarkan dan diberkati dengan kesyukuran kepada Allah ﷺ terhadap segala **makanan** yang lazat dan buah-buahan yang enak di dunia ini, balasannya di akhirat kelak juga ialah makanan dan buah-buahan yang baik dan selayaknya di syurga yang kekal abadi; sebagaimana dinyatakan dalam *al-Quran al-Karim*. Cinta tersebut mempunyai perasaan rindu dan suka kepada syurga dan buah-buahan yang terdapat di dalamnya. Sehingga buah-buahan yang anda makan di dunia dengan menyebut al-hamdulillah akan terbentuk di dalam syurga sebagai buah-buahan yang khusus dan dipersembahkan kepada anda satu keenakan

daripada keenakan-keenakan syurga. Di sini (di dunia) anda makan sebiji buah, dan di sana (di akhirat) buah tersebut akan terbentuk sebagai salah satu buah daripada buah-buahan syurga. Oleh kerana anda telah mempamerkan rasa syukur maknawi yang lazat itu dengan anda melihat pemberian nikmat Ilahi dan anugerah daripada Tuhan pada makanan dan buahan yang anda makan di sini (di dunia), maka di sana (di akhirat) iaitu di dalam syurga, anda akan diserahkan dengan pelbagai jenis makanan dan buah-buahan yang lazat dan enak. Ini sebagaimana dinyatakan di dalam hadis dan juga melalui isyarat di dalam al-Quran al-Karim, dan kehendak hikmat Ilahi dan rahmatNya yang maha luas.

### **Isyarat Kedua**

Cinta yang dibenarkan syarak terhadap **jiwa**, iaitu menyintai-nya semasa di dunia dengan melihat kepada kekurangan bukan kelebihannya, serta usaha untuk menyempurna, menyucikan, menjaga, mengasihi dan mendorongnya kepada kebaikan, akan membawa hasil di akhirat nanti. Hasilnya, Allah ﷺ akan memberikan kepada kekasih yang selayaknya dengan perbuatan-perbuatan tersebut dan juga syurgaNya. Sesungguhnya jika jiwa yang semasa di dunia membenci dirinya sendiri dan juga membenci syahwatnya serta meninggalkan segala kesukaannya kerana Allah ﷺ, dan menggunakan pelbagai peralatan yang ada padanya dengan cara yang paling baik dan sempurna, maka Allah ﷺ akan mengurniakan kepadanya balasan terhadap cinta yang benar dan disertai dengan ubudiyyah kepada Allah ﷺ dengan bidadari yang memakai tujuh puluh perhiasan syurga bersolek dengan tujuh puluh jenis kecantikan sehingga kelihatan seolah-olah syurga mini yang mempunyai denyutan roh dan

kehidupan. Oleh itu, jiwa dan perasaan yang taat akan merasa tenang dan tenteram kepada perintah-perintah Allah ﷺ. Hasil ini tidak diragukan akan berlaku, kerana banyak ayat al-Quran menjelaskannya dengan penuh yakin.

Kemudian, kasih sayang yang tertuju kepada perasaan muda di dunia, iaitu dengan menghalakan kekuatan zaman muda dan kecergasannya kepada ibadat dan taqwa akan menghasilkan jiwa muda yang berterusan di dalam dunia yang kekal abadi dan kenikmatan yang berkekalan.

### **Isyarat Ketiga**

Manakala natijah yang diperoleh di akhirat hasil daripada kasih sayang kepada **isteri** yang berdasarkan kepada kebaikan perilaku hidupnya, keindahan sifat peribadinya dan kelembutan kasih sayangnya, kesemuanya memeliharanya daripada menderhaka kepada suami dan menjauhkannya daripada kesalahan dan dosa, maka natijahnya ialah:

Isteri yang soleh menjadi kekasih yang dicintai, rakan yang benar dan teman yang manja di dalam syurga. Kecantikannya lebih indah daripada bidadari. Perhiasannya lebih berkilaunya daripada perhiasan bidadari. Kecantikannya mengatas kecantikan bidadari. Dia sentiasa berbual bersama-sama dengan suaminya; mengenangkan kembali saat-saat manis semasa di dunia. Demikianlah janji Tuhan yang Maha Mengasihani dan Maha Mulia. Allah ﷺ telah berjanji, maka Dia pasti akan menunaikan janjiNya.

### **Isyarat Keempat**

Manakala natijah yang diperoleh daripada cinta kepada kedua **ibubapa** dan **anak-anak**, maka balasannya bahawa Allah ﷺ

akan memberikan kebaikan kepada keluarga yang bahagia sekalipun terdapat perbezaan kedudukan mereka di dalam syurga. Mereka sentiasa bergaul mesra sesama mereka dalam syurga dan negeri yang kekal abadi itu, sebagaimana dinyatakan dalam nas al-Quran al-Karim;

وَلْدَانُ مُخْلِدُونَ

*“... anak-anak muda yang tetap kekal (dalam keadaan mudanya)...”*

(al-Waqi’ah: 17).

Bapa juga boleh bermesra dengan anak-anak mereka yang telah meninggal dunia sebelum umur baligh dan mereka kekal menjadi anak-anak di dalam syurga, iaitu dalam keadaan yang amat mesra dan dikasihi oleh setiap jiwa. Oleh yang demikian, keinginan untuk bermesra dengan anak-anak yang tertanam di dalam fitrah manusia akan menjadi tenang. Mereka akan menikmati suatu nikmat yang kekal dan perasaan yang berterusan di dalam syurga. Anak-anak mereka itu dikekalkan dalam fizikal yang kecil iaitu pada umur kecil sebelum mencapai umur baligh. Sangkaan bahawa syurga tiada peluang untuk bermesra dengan anak-anak, kerana syurga bukan tempat untuk melahirkan anak. Tetapi, oleh kerana syurga mengandungi kelazatan dunia yang paling baik, maka bergaul mesra dengan anak-anak sudah pasti dapat dilakukan di dalam syurga dalam keadaan dan bentuknya yang paling baik dan indah. Alangkah bahagianya para bapa yang kehilangan anak-anak mereka di dunia!

### **Isyarat Kelima**

Sesungguhnya natijah daripada cinta kepada **sahabat-**

**sahabat dan kaum keluarga yang soleh** sebagaimana dituntut oleh ‘*cinta kerana Allah* ﷺ’ ialah bahawa anda akan dapat duduk bersama-sama mereka di atas kerusi berhadapan serta berbual-bual tentang kenangan-kenangan manis yang berlaku semasa di dunia. Masa yang indah diisi dengan perbualan mesra, sebagaimana dinyatakan dalam *al-Quran al-Karim*.

### Isyarat Keenam

Manakala natijah kasih sayang kepada **para Nabi a.s.** dan **para solihin** sebagaimana diterangkan dalam al-Quran ialah bahawa anda akan memperoleh syafaat para Nabi dan para wali yang mulia tersebut di alam barzakh dan ketika berlaku kebangkitan besar di Padang Mahsyar. Di samping itu, hasil nikmat tersebut, anda juga akan memperoleh limpahan-limpahan daripada maqam dan kedudukan dan martabat mereka yang tinggi dan layak bagi mereka.

*Ya, sesungguhnya hadis Rasulullah ﷺ ada menerangkan bahawa seseorang akan bersama-sama dengan sesiapa yang dikasihinya.<sup>45</sup>* Oleh itu, seseorang boleh naik ke maqam dan kedudukan paling tinggi berdasarkan hubungan kasih sayang yang terjalin dengan rakannya.

### Isyarat Ketujuh

Cinta anda terhadap **sesuatu yang cantik**, contohnya terhadap pemandangan musim bunga; anda akan berkata: “*Alangkah indahnya ciptaan Allah* ﷺ”, serta anda menujukkan kasih sayang itu kepada sesuatu yang berada di sebalik sesuatu benda yang cantik dan indah yang terdiri

<sup>45</sup> Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam al-Adab 69.

daripada keindahan perbuatan dan bagaimana ia dilakukan dengan penuh tersusun, juga pandangan anda terhadap apa yang berada di sebalik perbuatan yang diselaraskan sebegitu rupa yang memperlihatkan keindahan penjelmaan *al-Asma'* *al-Husna*, dan juga pandangan anda terhadap penjelmaan sifat-sifat yang mulia yang berada di sebalik *al-Asma'* *al-Husna* itu, maka natijah kecintaan yang dibenarkan ini ialah:

Anda akan dapat menyaksikan keindahan yang ribuan kali ganda lebih indah daripada keindahan yang anda telah saksikan pada makhluk-makhluk tersebut. Iaitu anda akan dapat menyaksikan penjelmaan *al-Asma'* *al-Husna* dan keindahan sifat-sifat yang mulia yang selayaknya dengan syurga dan negeri yang kekal abadi. Imam al-Sirhindi berkata: "Sesungguhnya segala keindahan syurga hanyalah merupakan jelmaan bagi *al-Asma'* *al-Husna*." Maka perhatikanlah ia kerana Allah ﷺ!

### Isyarat Kelapan

Manakala kasih sayang anda terhadap **dunia** dengan kasih sayang yang dibenarkan oleh syarak, iaitu kasih sayang anda terhadapnya yang disertakan dengan pemerhatian dan pemikiran bahawa keindahannya adalah kerana ia adalah ladang bercucuk tanam untuk akhirat dan cerminan jelmaan bagi *al-Asma'* *al-Husna*, maka natijahnya di akhirat adalah:

Anda akan dikurniakan syurga seluas dunia keseluruhannya, tetapi ia tidak akan hancur sebagaimana hancurnya dunia, bahkan ia akan terus kekal abadi. Pada cerminan syurga tersebut akan diperlihatkan jelmaan-jelmaan *al-Asma'* *al-Husna* dalam keadaan paling bersinar dan bercahaya, yang sebahagian sinaran dan cahayanya yang

lemah telah dapat anda saksikan semasa di dunia lagi.

Manakala kasih sayang anda terhadap dunia sebagai ladang bercucuk tanam untuk akhirat, iaitu dengan menganggap ia sebagai tapak semaian yang amat kecil bagi menumbuhkan biji-biji benih agar ia bertangkai dan berbuah di akhirat, maka natijahnya ialah:

Anda akan memperoleh buah-buahan syurga yang lebih banyak daripada buah-buahan yang ada di dunia ini. Di situ, segala pancaindera dan perasaan kemanusiaan di dunia akan terbuka umpama biji-biji benih kecil itu yang pecah dan membesar dengan sempurna, kemudiannya biji-biji benih kecil itu bertangkai sebagaimana kesediaan fitrah yang menanggung keseluruhan nikmat dan kesempurnaan.. Natijah ini dijelaskan dengan kehendak rahmat Allah ﷺ yang maha luas dan hikmatNya yang mutlak, dan juga dinyatakan secara langsung dalam al-Quran al-Karim dan hadis.

Oleh kerana kasih sayang anda terhadap dunia bukan satu kehinaan yang berpuncu dari segala kesalahan, tetapi ia adalah kasih sayang yang ditujukan kepada aspek yang lain, iaitu kepada *al-Asma' al-Husna* dan akhirat itu sendiri. Maka anda telah menjalin hubungan kasih sayang sebenar dengan dunia dan telah memakmurkan sudut tersebut dengan niat beribadat, sehingga seolah-olah anda melakukan seluruh ibadat dunia ini. Oleh itu, sudah pasti balasan diperoleh daripada cinta ini adalah lebih luas daripada dunia ini secara keseluruhannya. Ini berdasarkan kepada tuntutan rahmat dan hikmat Ilahi.

Kemudian oleh kerana cinta kepada dunia itu menghasilkan kasih sayang kepada akhirat dan kerana dunia umpama ladang untuk akhirat, juga kerana cinta kepada Allah

﴿ dan jelmaan ***al-Asma' al-Husna***, maka tidak syak lagi kasih sayang atau cinta ini akan dibalas dengan nikmat yang tiada tandingan di dunia ini, iaitulah syurga yang amat luas seumpama luasnya langit dan bumi.

**Soalan:** Apakah faedahnya jika syurga diciptakan Allah ﷺ seluas langit dan bumi ini?

**Jawapan:** Jika anda boleh bersiar-siar dengan kelajuan khayalan di seluruh pelusuk bumi ini, dan anda mampu melawat kebanyakan bintang yang berada di langit, nescaya ketika itu anda akan berkata: “Sesungguhnya seluruh dunia ini adalah milik saya.” Ketika itu, tidak ada orang lain yang berkongsi kuasa dengan anda, meskipun terdapat malaikat, manusia lain dan binatang bersama-sama anda di dalam dunia yang luas itu.

Maka begitu juga anda boleh berkata: “*Sesungguhnya syurga itu adalah milik saya*”, meskipun ia dipenuhi dengan orang lain yang menghuninya.

Di dalam ‘**Risalah Syurga (al-Jannah)**’ iaitu ‘**Kalimah Kedua Puluh Lapan**’ dan demikian juga di dalam ‘**Risalah al-Ikhlas**’, kami telah jelaskan makna sebuah hadis bahawa beberapa orang ahli syurga dikurniakan sebuah syurga yang keluasannya seluas lima ratus tahun perjalanan.

### **Isyarat Kesembilan**

Sesungguhnya natijah daripada iman dan cinta **kepada Allah** ﷺ ialah:

Anda dapat melihat keindahan kudus dan kesempurnaan yang suci bagi zat yang mulia s.w.t., sebagaimana dinyatakan

dalam sebuah hadis yang sahih<sup>46</sup> dan al-Quran al-Karim. Satu saat daripada penglihatan itu menyamai ribuan tahun nikmat syurga.<sup>47</sup> Satu saat nikmat syurga itu pula mengatasi ribuan

<sup>46</sup> Daripada Abu Hurairah r.a. bahawa beberapa orang bertanya:

*“Wahai Rasulullah! Adakah kami boleh melihat tuhan kami pada hari kiamat?” Lalu Rasulullah ﷺ menjawab: “Adakah kamu merasa sangsi pada melihat anak bulan pada malam bulan purnama?” Mereka berkata: “Tidak wahai Rasulullah ﷺ.” Rasulullah ﷺ berkata lagi: “Adakah kamu merasa sangsi pada melihat matahari pada hari yang tidak mempunyai awan?” Mereka menjawab: “Tidak wahai Rasulullah.” Rasulullah ﷺ berkata lagi: “Sesungguhnya kamu akan melihatNya demikianlah”.*

Hadis keseluruhannya diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim.

<sup>47</sup> Terdapat di dalam hadis:

*“... Sabda Rasulullah ﷺ: “Lalu Allah menyingkapkan hijab, dan Dia menjelma untuk mereka, lalu Dia meliputi mereka dengan nurNya. Jika tidak kerana sudah ditetapkan bahawa mereka tidak akan terbakar, nescaya mereka akan terbakar kerana cahaya yang meliputi mereka itu. Kemudian dikatakan kepada mereka: “Kembalilah kamu ke rumah-rumah kamu.” Lalu mereka kembali ke rumah-rumah mereka dalam keadaan isteri-isteri mereka tidak dapat melihat mereka dan mereka tidak dapat melihat isteri-isteri mereka kesan cahaya yang meliputi mereka (semasa melihat Allah ﷺ). Setelah mereka berada di rumah-rumah mereka, dan cahaya tersebut hilang dan mereka kembali kepada keadaan asal mereka, para isteri mereka berkata: “Kenapa kamu keluar dari sisi kami dalam satu keadaan dan kamu kembali dalam keadaan yang lain?” Mereka menjawab: “Ia adalah kerana Allah ﷺ telah menjelma bagi kami dan kami melihat kepadaNya. Itulah yang menjadikan kami tidak dapat dilihat oleh kamu...”*

tahun kehidupan dunia yang indah, sebagaimana dibuktikan secara sepakat oleh ahli ilmu dan kasyaf.

Anda mungkin boleh membandingkan sejauh mana tahap kerinduan dan kemahuan yang dirangkumi oleh fitrah manusia untuk melihat keindahan dan kesempurnaan yang kudus itu, serta sejauh mana keinginan membuak-buak dan betapa keinginan manusia untuk menyaksikannya dengan perumpamaan berikut:

Setiap orang pasti ingin di dalam hatinya untuk bertemu dengan Sayyidina Sulaiman a.s. yang telah dikurniakan kesempurnaan. Setiap orang juga merasa amat rindu untuk melihat Sayyidina Yusuf a.s. yang dikurniakan setengah daripada ketampanan. Maka bayangkanlah bagaimana pula besarnya kerinduan dan keinginan seseorang manusia untuk melihat keindahan kudus dan kesempurnaan yang suci, di mana punca jelmaan keindahan dan kesempurnaan tersebut ialah syurga kekal abadi dengan segala keindahan dan nikmat yang tidak terkira banyaknya.

اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا فِي الدُّنْيَا حُبَكَ وَ حُبًّا مَا يُقْرِبُنَا إِلَيْكَ وَ الْإِسْتِقْامَةَ  
كَمَا أَمْرَتَ وَ فِي الْآخِرَةِ رَحْمَتَكَ وَ رُوْيَتَكَ

*Ya Allah! Berikan kepada kami di dunia ini rasa cinta kepadaMu dan rasa cinta kepada sesuatu yang mendekatkan kami kepada cinta kepadaMu. Kurniakan juga kepada kami istiqamah sebagaimana yang Engkau perintahkan kepada kami. Dan kurniakanlah rahmat kepada kami di*

*akhirat dan kurniakanlah agar kami dapat melihatMu.*

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ  
أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مَنْ أَرْسَلْتَ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ وَ عَلَى إِلَهٍ وَ  
صَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمِينَ

*“Maha Suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

*Ya Allah! Berikanlah salam dan selawat ke atas orang yang Engkau utuskannya sebagai rahmat untuk sekalian alam, dan ke atas ahli keluarganya serta para sahabatnya. Amin.*



# Maqam Kedua Daripada *Al-Lama'ah* Keempat Belas

[Maqam ini merangkumi enam rahsia daripada ribuan  
rahsia lafaz ] بسم الله الرحمن الرحيم

## Perhatian

Sesungguhnya satu cahaya terang benderang telah kelihatan dari jauh dalam akal saya. Ia bersinar daripada ufuk rahmat Allah ﷺ melalui *Basmalah*. Saya ingin merakamkannya di dalam bentuk beberapa pemerhatian dan peringatan khusus buat saya. Lantas saya cuba memburu cahaya yang bersinar itu dengan menguasai dan memagari rahsia-rahsianya yang mencapai hampir tiga puluh rahsia, agar mudah saya membatasinya dan menyenangkan saya untuk mencatatnya. Namun malangnya, hingga kini saya masih sepenuhnya tidak berjaya di dalam usaha saya itu. Saya hanya berjaya merakamkan enam sahaja daripada rahsia-rahsia tersebut.

*Dialog di dalam catatan ini hanya khusus ditujukan kepada diri saya sendiri. Ketika saya berkata “Wahai manusia!”, maka saya memaksudkan diri saya sendiri.*

*Meskipun pelajaran ini saya khususkan buat diri saya sendiri, tetapi ingin sekali saya berkongsi kepada sahabat-sahabat saya yang mempunyai pandangan yang halus, tepat dan benar agar ia menjadi ‘**Maqam Kedua**’ daripada*

**‘Sinaran (al-Lam’ah) Keempat Belas’.** Saya juga berharap agar catatan ini dapat memberikan faedah dan manfaat kepada sesiapa sahaja yang mempunyai ikatan roh dengan saya, yang mempunyai pemerhatian dan kesedaran yang tinggi lebih dari saya sendiri.

Pelajaran ini juga lebih banyak tertumpu kepada hati berbanding akal. Ia juga lebih tertumpu kepada perasaan dan roh berbanding kepada bukti yang berasaskan logik.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَائِكَةِ إِنِّي أَكِتَابُ كِتَابًا كَرِيمًا (29) إِنَّهُ مِنْ  
 سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِاسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (30)

“... Berkatalah permaisuri Negeri Saba’: “Wahai ketua-ketua kamu! Sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia. Sesungguhnya surat itu daripada Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): “Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani”.

Pada maqam ini, beberapa rahsia akan disebutkan:

### Rahsia Pertama

Ketika memerhatikan ‘Basmalah’, saya ternampak satu cahaya daripada cahaya-cahaya bismillah dalam bentuk berikut:

Terdapat tiga tanda bercahaya dan bersinar bagi Rububiyyah Allah ﷺ pada wajah seluruh makhluk, permukaan bumi dan wajah setiap insan. Tanda-tanda yang bercahaya ini bercampur di antara satu sama lain,

sehingga setiap daripadanya menjadi contoh dan perumpamaan bagi yang lain.

### Tanda Pertama

Tanda *al-Uluhiyyah*. Ia adalah tanda yang paling besar dan bersinar natijah daripada sikap kerjasama, bantu-membantu, tolong-menolong dan sokong-menyokong yang berlaku di segenap alam ini. Perkara ini ditunjuk dan dijelaskan oleh ‘*Bismillah*’ (بِسْمِ اللَّهِ).

### Tanda Kedua

Iaitu tanda *al-Rahmaniyyah* (Pemurah). Ia merupakan satu tanda yang paling agung dan bercahaya hasil daripada persamaan, kesesuaian, ketersusunan, keserasian, kehalusan dan kerahmatan yang terdapat di dalam pembelaan tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Perkara ini juga ditunjuk dan dijelaskan oleh ‘*BismillahirRahman*’ (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ).

### Tanda Ketiga

Iaitu tanda *al-Rahimiyyah* (Penyayang). Ia adalah tanda yang mulia dan lahir daripada jelmaan kasih sayang Ilahi, kehalusan belas kasihanNya, sinaran rahmatNya yang terbentuk di atas permukaan hakikat manusia. Perkara ini ditunjuk dan dijelaskan oleh ‘*BismillahirRahmanirRahim*’ (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ).

Iaitu ‘*BismillahirRahmanirRahim*’ menjadi tanda kudus bagi tiga tanda daripada tanda-tanda *al-Ahadiyyah* (keesaan), sehingga ia membentuk satu garis cahaya pada buku kewujudan, menggariskan satu garisan bercahaya di atas permukaan alam, dan menjadi satu tali yang kukuh yang

menghubungkan pencipta dengan makhlukNya. Iaitu bahawa ‘*BismillahirRahmanirRahim*’ adalah penurunan daripada arasy yang agung, yang kedua-dua hujung dan tepinya berhubung rapat dengan manusia yang merupakan buah atau hasil seluruh alam ini, juga yang manusia ini adalah gambaran mini bagi keseluruhan alam. Maka *Bismillah* itulah yang mengikat di antara bumi dan *Arasy* yang agung, dan ia menjadi jalan yang tersedia untuk manusia memanjat kepada *Arasy* kesempurnaanNya.

### Rahsia Kedua

Sesungguhnya *al-Quran al-Karim* sentiasa menjelaskan tentang *al-Ahadiyyah* (ketunggalan) di dalam jelmaan *al-Wahidiyyah* (kesatuan – daripada angka satu) bagi menghalang akal daripada tenggelam dan dipecah-pecahkan di dalam *al-Wahidiyyah* yang terzahir pada pelbagai makhluk yang tidak terkira banyaknya. Yakni, misalnya;

Matahari memancarkan sinarnya keseluruh pelusuk alam dengan cahayanya. Untuk memerhatikan matahari itu sendiri di samping himpunan cahayanya, maka kita hendaklah mempunyai konsep yang luas dan pandangan yang mencakupi. Oleh itu, matahari memperlihatkan dirinya melalui perantaraan pantulan cahayanya pada setiap benda lutsinar. Iaitu setiap benda yang berkilat akan memperlihatkan sinaran matahari yang tertimpa ke atasnya berdasarkan kesediaannya sendiri berserta dengan ciri-ciri sinaran dan haba kepanasan, bagi memperingatkan tentang matahari itu. Dengan cara yang sama juga, setiap benda yang berkilat memperlihatkan matahari dengan segala sifatnya menurut penerimaan dan kesediaan masing-masing. Sifat-sifat itu meliputi kesemua sifat matahari itu sendiri seperti

haba kepanasan, sinaran cahaya dan ketujuh-tujuh cahayanya pada setiap benda yang ditemuinya pada permukaan bumi.

Tiada bandingan seumpama bandingan Allah ﷺ, kerana;

وَلَمْ يَكُنْ لِّلَّهِ الْمَثَلُ أَنَّا

‘... bagi Allah sahajalah bandingan yang tertinggi’.<sup>48</sup>

Allah ﷺ Yang Maha Esa dan yang menjadi tempat pergantungan mempunyai jelmaan pada setiap benda dengan segala *al-Asma' al-Husna*nya, terutama pada segala hidupan, khususnya pada cerminan hakikat insan. Maka begitu juga setiap nama daripada *al-Asma' al-Husna*nya yang berkait dengan segala makhluk yang wujud, merangkumi segala makhluk itu dari sudut sifat *al-Wihdah* (keesaan) dan *al-Wahidiyyah* (kesatuan - daripada angka satu).

Maka Allah ﷺ meletakkan acuan *al-Ahadiyyah* (keesaan) di dalam *al-Wahidiyyah* (kesatuan) di hadapan pandangan mata manusia agar akal mereka tidak tenggelam dan sesat di dalam *al-Wahidiyyah*, dan juga agar hati tidak lupa dan alpa daripada zat Allah ﷺ itu sendiri.

Maka ‘*BismillahirRahmanirRahim*’ inilah menunjukkan kepada ketiga-tiga perkara yang kompleks dan penting bagi acuan tersebut.

### Rahsia Ketiga

- ❖ Ia adalah suatu yang tidak perlu kepada pemikiran. Ia dapat disaksikan dengan jelas iaitu bahawa ***Rahmat*** Ilahilah yang menggembirakan seluruh hidupan yang

---

<sup>48</sup> Surah al-Nahl, 60

tidak terbatas itu.

- ✿ **Rahmat** itulah juga yang menyinari segala kewujudan yang diselaputi dengan kegelapan.
- ✿ **Rahmat** itulah juga yang mengasuh di dalam dakapannya segala makhluk yang sentiasa mempunyai hajat dan keperluan yang tidak berkesudahan.
- ✿ **Rahmat** itulah juga yang mengarah semua hidupan dari segenap penjuru dan menuntunnya serta mempermudahkannya bagi kegunaan manusia. Bahkan **Rahmat** itulah juga yang menjadikan semua hidupan itu sentiasa menunggu-nunggu untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada manusia, sebagaimana seluruh bahagian sesuatu pohon tertuju kepada penghasilan buahnya.
- ✿ **Rahmat** itulah juga yang memakmurkan ruang angkasa yang luas dan menghiaskan alam yang kosong ini.
- ✿ **Rahmat** itulah juga yang menjadikan manusia yang bersifat dengan kemusnahan layak untuk hidup kekal abadi, layak untuk menerima arahan Allah ﷺ Tuhan sekalian alam dan layak untuk dikurniakan dengan kelebihan *wilayah* (perlindungan) Allah ﷺ.

*Maka wahai manusia!*

Selagi mana rahmat Allah ﷺ itu dikasihi, dan selagi mana ia mempunyai kekuatan, tarikan dan bantuan yang tidak terbatas, maka berpegang teguhlah dengan hakikat tersebut dengan mengucapkan ‘*Bismillahir Rahmaniir Rahim*’. Selamatkanlah diri anda daripada kegerunan kesepian yang

mutlak. Selamatkanlah ia daripada kesakitan keberhajatan yang tidak berkesudahan itu. Hampirkanlah diri anda kepada yang mempunyai *Arasy* yang Maha Agung. Jadilah anda seorang yang menerima perintah, seorang yang amanah, seorang kekasih dan seorang sahabat, dengan cahaya-cahaya rahmat dan belas kasihanNya.

Ya! Pengumpulan dan penghimpunan segala makhluk di sekitar manusia yang berdasarkan hikmat yang telah ditetapkan, dan menjadikan setiap makhluk itu sentiasa menghulurkan tangannya bagi membantu manusia memenuhi segala keperluannya yang sentiasa bertambah. Pengumpulan dan penghimpunan itu tidak syak lagi lahir daripada salah satu dua andaian berikut: Mungkin setiap jenis hidupan itu mengenali manusia, tahu tentangnya, lalu memberikan ketaatan dan sentiasa berusaha untuk berkhidmat kepadanya. Atau dengan lain perkataan bahawa manusia yang tenggelam di dalam lautan kelemahan yang mutlak itu memiliki kuasa mutlak seorang sultan! (Sudah pasti andaian ini adalah amat jauh daripada logik akal, apatah lagi ia mengandungi banyak perkara mustahil yang tidak terbatas). Atau mungkin pertolongan dan bantuan yang diberikan kepada manusia itu berlaku dengan ilmu seseorang yang amat mengetahui, amat berkuasa secara mutlak yang tersembunyi di sebalik makhluk yang wujud. Atau dengan lain perkataan bahawa segala makhluk itu tidak mengenali manusia untuk memberikan bantuan kepadanya, tetapi ia adalah tanda-tanda kepada orang yang mengenal manusia tersebut, orang yang merahmatinya dan orang yang mengetahui hal keadaannya. iaitulah Allah ﷺ yang Maha Mencipta lagi Maha Mengasihani.

*Maka wahai manusia!*

Kembalilah kepada kewarasan kamu! Apakah mungkin, Tuhan yang Maha Mengasihani itu tidak mengetahui dan tidak melihat kepada kamu? Sedangkan Dialah yang mendorong segala makhluk yang ada agar membantu dan memenuhi segala keperluanmu?

Oleh kerana Allah ﷺ mengetahui dirimu, dan menjadikan dirimu diketahui melalui pelimpahan RahmatNya ke atas anda, anda hanya perlu berusaha untuk mengenaliNya dan berusaha untuk memperlihatkan bahawa kamu mengenaliNya dengan mengutamakan dan menghormati segala perintahNya.

Ketahuilah dengan penuh yakin bahawa hanya dengan hakikat Rahmat Ilahi inilah yang memberi kesenangan dan kemudahan bagi melimpah dirimu. Ia menjadikan semua makhluk itu tunduk dan taat kepada anda, sedangkan anda adalah makhluk yang lemah, miskin dan binasa.

Maka **Rahmat** yang agung dan luas sehingga ke batasan ini, sudah pasti menuntut agar anda memberikan kesyukuran yang menyeluruh dan penuh keikhlasan, dan mempersesembahkan pengagungan yang suci.

Ketahuilah bahawa kesyukuran menyeluruh dan pengagungan suci itu tidak dapat diterjemahkan dengan sebaik-baiknya melainkan oleh ‘*Bismillahir Rahmaniir Rahim*’. Maka ucapkanlah ‘*Bismillah*’ dan jadikanlah ia sebagai jalan untuk anda mencapai rahmat yang maha luas itu. Jadikanlah ia sebagai pemberi syafaat kepada anda di sisi Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Ya! Sesungguhnya kewujudan dan kekayaan **Rahmat** adalah lebih jelas dan lebih ketara daripada kewujudan dan kekayaan matahari di perut langit.

Contohnya, jalinan ukiran sesuatu yang cantik jelas kelihatan dengan jejari dan tetulangnya kelihatan tertuju kepada pusatnya dalam keadaan penuh tersusun dan serasi, tertuju dari semua arah kepada pusatnya. Maka begitu juga dengan bebenang sinaran cahaya yang lahir daripada jelmaan ribuan nama *al-Asma' al-Husna*, yang memanjang kepada alam dunia yang luas ini, yang menenun suatu tenunan yang amat indah dan cantik pada permukaan alam ini, dalam rangka rahmat yang merangkumi, sehingga kelihatan amat jelas bagi akal, lebih jelas daripada matahari bagi mata kepala manusia, sebagai suatu tanda yang jelas bagi *al-Rahimiyyah* (mengasihani), juga sebagai suatu ukiran yang indah bagi belas kasihan dan ihsan, serta sebagai suatu syiar yang permai bagi perlindungan.

Ya. Sesungguhnya orang yang menyusun matahari, bulan, segala bahan, segala galian, tumbuhan dan haiwan, serta menyelaraskan kesemuanya dengan sinaran seribu satu nama daripada *al-Asma' al-Husna*, sehingga ia menjadi seolah-olah jejari dan tetulang ukiran yang indah berseri dan bebenang nurani, Ia memudahkan kesemuanya untuk memberikan perkhidmatan kepada kehidupan. Orang yang memperlihatkan belas kasihan dan ihsanNya kepada seluruh makhluk dengan menitipkan perasaan kasih sayang dan belas kasihan yang manis dan lazat pada setiap ibu sama ada terdiri daripada tumbuh-tumbuhan atau haiwan terhadap anak-anaknya yang masih kecil. Dan orang yang menampilkan jelmaan *RahmatNya* yang paling terserlah dan ukiran *RububiyyahNya* yang paling indah, dengan Ia memudahkan segala hidupan ini untuk kehidupan manusia, bagi menjelaskan kedudukan dan kepentingan manusia di sisiNya.. Dialah Tuhan yang Maha Pemurah, yang mempunyai

keindahan, yang menjadikan rahmatNya yang luas sebagai pemberi syafaat yang diterima lagi disenangi di samping kekayaanNya yang mutlak. Para hidupan dan manusia yang mempunyai hajat yang mutlak menjadikan rahmat itu sebagai pemberi syafaat bagi mendapatkan rahmat tersebut.

*Maka wahai manusia!*

Jika benar anda adalah manusia, maka sebutkanlah ‘*Bismillahir Rahmanir Rahim*’ agar anda memiliki pemberi syafaat tersebut.

Adalah suatu yang tidak perlu difikirkan lagi, bahkan telah disaksikan dan terbukti bahawa rahmat itulah yang memelihara segala jenis tumbuhan dan haiwan yang bilangannya melebihi empat ratus ribu jenis, dengan kepelbagaian jenis dan kategori.. Rahmat itulah juga yang menguruskan segala urusan tanpa berlaku kekeliruan, kelupaan dan percampuran, pada waktu yang paling sesuai, dalam keadaan tersusun yang paling sempurna, hikmat kebijaksanaan yang paling rapi dan perlindungan yang paling ketat, sehingga pengurusan dan pemeliharaan ini meletak dan mengecopkan acuan *al-Ahadiyyah* terhadap permukaan bumi.

Ya sesungguhnya *Rahmat* tersebut adalah kekal dan pasti sepertimana kewujudan segala makhluk yang hidup bertebaran di atas bumi ini dan juga dalil-dalil yang menunjukkan kewujudan mereka. Jumlah dalil-dalil tersebut sama banyaknya dengan makhluk yang wujud itu.

Sebagaimana yang dapat kita lihat di atas permukaan bumi ini tanda *al-Ahadiyyah* (keesaan) dan sifatnya, serta cop rahmat dan acuannya, maka pada wajah hakikat maknawi kemanusiaan juga terdapat acuan rahmat. Acuan dan cop ini jelasannya adalah sama dengan jelasannya yang terdapat pada

pemukaan bumi dan seluruh makhluk. Bahkan keumuman dan rangkuman rahmat ini seolah-olah menjadi pusat kepada segala cahaya jelmaan *al-Asma' al-Husna*.

*Maka wahai manusia!*

Sesungguhnya Tuhan yang mengurniakan wajah maknawi kepada anda, meletakkan rahmat di atasnya dan mengecopnya dengan cop *al-Ahadiyyah*, apakah mungkin Tuhan yang demikian sifatnya akan meninggalkan anda begitu sahaja, tidak menghiraukan anda, tidak mengambil berat tentang anda dan tidak memerhatikan segala gerak geri dan pekerjaan anda? Apakah mungkin Tuhan yang demikian sifatnya menjadikan segala pergerakan makhluk yang tertuju kepada anda sebagai sia-sia, tidak mempunyai sebarang faedah di sebaliknya? Apakah mungkin Tuhan yang demikian sifatnya menjadikan pohon ciptaan yang agung sebagai suatu pohon yang remeh temeh, dan buahnya sebagai buah yang rosak tidak berguna? Apakah mungkin Tuhan yang meletakkan rahmatNya sejelas matahari dan hikmatNya seterang cahaya itu hanya agar rahmat dan hikmatNya itu hanya diingkari dan dinafikan? Tidak. Sudah tentu tidak sama sekali. Maha Suci Allah ﷺ daripada melakukan demikian.

*Maka wahai manusia!*

Ketahuilah bahawa untuk mencapai *Arasy Rahmat* tersebut mestilah melalui tangganya. Tangganya ialah '*Bismillahir Rahmanir Rahim*'.

Jika anda mahu mengenali sejauhmana kepentingan, kebesaran dan kedudukan tangga ini, maka lihatlah kepada permulaan surah-surah al-Quran yang berjumlah seratus empat belas surah kesemuanya. Lihatlah juga kepada

permulaan kitab-kitab yang bernilai. Perhatikan kepada permulaan setiap urusan yang berkepentingan. Semuanya menjadi hujah yang mantap yang menunjukkan kepada kebesaran dan ketinggian kedudukan ‘Basmalah’. Imam al-Syafi’i r.a. dan ramai ulama mujtahidin yang agung berkata:

*“Sekalipun ‘Basmalah’ hanyalah satu ayat, tetapi ia turun sebanyak seratus empat belas kali di dalam al-Quran”.*

### Rahsia Keempat

Sesungguhnya penjelmaan *al-Wahidiyyah* (kesatuan – dari-pada angka satu) yang terdapat pada para makhluk yang tidak terbatas itu, tidak dapat diliputi oleh setiap orang yang berkata (إِيَّاكَ نَعْبُدُ) yang bermaksud “*kepada Engkaulah kami sembah*”. Ini kerana fikiran boleh mengalami kesesatan dan kacau bilau di dalam bilangan yang banyak itu. Ini adalah bagi memerhatikan zat Allah ﷺ yang Maha Esa itu yang dilakukan melalui himpunan kesemua makhluk Allah ﷺ ketika mengucapkan (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ) yang bermaksud; “*kepada Engkaulah kami sembah* dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan” memerlukan kepada kewujudan satu hati yang luas seluas bumi ini keseluruhannya.

Berdasarkan kepada rahsia yang halus ini, maka sesungguhnya Allah ﷺ telah menjelaskan dengan terang acuan *al-Ahadiyyah* (keesaan) ini pada setiap bahagian sebagaimana ia telah memperlihatkannya pada setiap jenis benda. Ini dilakukan agar menarik perhatian kepada zat Allah ﷺ yang Maha Esa, dan agar setiap individu tidak mengira pangkat mereka dapat berinteraksi secara langsung melalui ucapan (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ) “*kepada Engkaulah kami sembah* dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan”, dengan

zat Allah ﷺ yang Maha Kudus, tanpa sebarang keberatan dan kesulitan.

Demi menjelaskan rahsia agung ini, ketika *al-Quran al-Karim* membahaskan tentang tanda-tanda kekuasaan Allah ﷺ yang terdapat di angkasa raya yang amat luas itu, *tiba-tiba al-Quran* berbicara tentang satu kawasan paling sempit dan bahagian paling kerdil yang terdapat pada makhluknya bagi menzhirkan acuan *al-Ahadiyyah* (kesatuan) sejelas-jelasnya pada segala benda.

*Contohnya:* Ketika *al-Quran al-Karim* menjelaskan tanda-tanda kekuasaan Allah ﷺ pada penciptaan langit dan bumi, ia mengiringinya dengan tanda-tanda kekuasaan Allah ﷺ pada penciptaan manusia itu sendiri, dengan menerangkan tentang nikmat yang banyak yang terdapat pada keindahan suaranya dan hikmat yang tidak terkira yang terdapat pada belahan wajahnya. Ini dilakukan agar pemikiran tidak berserabut dan berkecamuk serta tenggelam di dalam ufuk yang amat luas, agar hati tidak tenggelam di dalam banyak perkara yang tidak terkira, dan agar roh dapat sampai kepada TuhanYa yang disembah dengan benar tanpa sebarang perantaraan.

Ayat *al-Quran al-Karim* yang berikut menjelaskan hakikat tersebut dengan jelas. Firman Allah ﷺ:

وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِتِلَافُ أَسْتِكْمٍ  
وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِلْعَالَمِينَ

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa*

*kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan.”*

(al-Rum: 22)

Meskipun tanda-tanda dan cop *al-Wihdaniyyah* terdapat dan diletakkan pada para makhluk dengan begitu banyak sekali, bermula daripada cop dan acuan yang paling luas dan paling besar hingga kepada bahagiannya yang paling kecil, di dalam pelbagai himpunan yang bertindan serta martabat dan kedudukan jenis yang pelbagai, namun kejelasan cop dan acuan *al-Wihdaniyyah* itu walau bagaimana jelas sekalipun, maka kejelasannya itu berada di samping makhluk yang banyak, yang tidak dapat memenuhi hakikat ucapan (إِيَّاكَ نَعْبُدُ). Oleh itu, kewujudan acuan *al-Ahadiyyah* di celahan cop *al-Wihdaniyyah* adalah suatu kemestian agar satu jalan dapat dibuka bagi qalbu untuk menuju kepada zat Allah ﷺ yang kudus tanpa terganggu oleh bilangan makhluk yang banyak.

Kemudian, bagi menarik pandangan mata dan hati kepada acuan *al-Ahadiyyah*, suatu ukiran indah yang amat menarik, suatu cahaya yang amat bersinar, suatu kemanisan yang amat lazat, suatu keindahan yang amat disukai dan suatu hakikat mantap yang amat kuat telah diletakkan di atas sifat *al-Ahadiyyah*. Ia adalah sifat rahmat dan cop *al-Rahimiyyah*.

Ya! Sesungguhnya kekuatan rahmat tersebut itulah yang menarik pandangan semua yang berperasaan dan menyampai-kannya kepada acuan *al-Ahadiyyah* dan menjadikannya memerhatikan zat Allah ﷺ yang Maha Esa lagi Kudus sehingga menjadikan manusia layak untuk mengucap-kan ayat (إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ).

Demikianlah, ‘*BismillahirRahmanirRahim*’ yang meru-

pakan kandungan surah al-Fatihah yang terdapat di dalam al-Quran dan ringkasan bagi keseluruhannya telah menjadi tanda yang jelas bagi rahsia besar yang dinyatakan ini. ‘Basmalah’ itu juga menjadi penterjemah bagi al-Fatihah. Maka sesiapa yang berjaya memperoleh tanda ini, maka ia mampu untuk menjelajah ke seluruh tingkatan rahmat Allah ﷺ. *Sesiapa yang berjaya menjadikan tanda tersebut berbicara, maka ia dapat mengenali dan mempelajari rahsia-rahsia tersebut dan menyaksikan cahaya-cahaya al-Rahimiyyah dan belas kasihan.*

### Rahsia Kelima

Disebutkan di dalam sebuah hadis “bahawa Allah ﷺ mencipta Adam dalam bentuk al-Rahman”<sup>49</sup> atau dalam hadis yang mempunyai maksud yang sama.

Beberapa orang ahli tariqat sufi mentafsirkan hadis ini dengan suatu tafsiran yang menakjubkan serta tidak sesuai dan tidak selari dengan akidah keimanan. Bahkan sebahagian daripada ahli ‘asyik’ memandang kepada wajah maknawi manusia seolah-olah mereka memandang kepada wajah atau bentuk al-Rahman! Oleh kerana kebanyakan ahli ‘asyik’ ini biasanya diselubungi dengan keadaan tenggelam, bingung dan keliru dalam pelbagai perkara, mungkin mereka boleh dimaafkan ketika mereka menerima sesuatu yang bersalahan

<sup>49</sup>

“Allah ﷺ mencipta Adam dalam bentukNya ...”

Hadis Sahih dikeluarkan oleh al-Bukhari no. 6227,  
Muslim no. 2841, Ahmad 2/315.

dengan hakikat kebenaran. Tetapi ahli ‘kesedaran’, ahli ‘kefahaman’ dan ahli ‘petunjuk’ menolak sekeras-kerasnya sebarang pengertian yang bertentangan dengan asas-asas akidah keimanan dan sama sekali tidak dapat menerimanya. Maka sesiapa yang menerima dan meredainya, maka dia telah terjatuh ke dalam kesalahan dan jauh daripada kebenaran.

Ya, sesungguhnya orang yang mengurus dan menguasai seluruh urusan alam ini dengan mudah dan senang seolah-olah hanya menguruskan sebuah istana atau kediaman. Orang yang menggerakkan segala bintang dan jirim yang berada di angkasa raya seolah-olah ia adalah atom yang halus dengan penuh hikmat kebijaksanaan dan dengan begitu mudah sekali. Dan orang yang dipatuhi, dituruti dan dipatuhi segala perintah dan hukumNya oleh segala atom.

Ya, sesungguhnya orang yang melakukan kesemua perkara tersebut adalah Allah ﷺ yang Maha Kudus lagi Maha Suci. Sebagaimana Dia disucikan daripada sebarang kesyirikan, iaitu tiada sekutu bagiNya, tiada bagiNya bandingan, tiada lawan bagiNya dan tiada yang setanding denganNya, maka sudah pasti juga tidak ada yang sama denganNya, iaitu tiada yang serupa denganNya dan tiada yang sama bentuk denganNya. Ini berdasarkan nas al-Quran:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

*“Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya) dan Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”.*

(al-Shura: 11)

Tetapi urusan-urusanNya yang bijaksana, sifat-sifatNya yang mulia dan nama-namaNya yang indah (*al-Asma’ al-*

*Husna)* dilihat dengan pandangan perbandingan dan perumpamaan sebagaimana terkandung di dalam ayat berikut:

**وَلَهُ الْمَثُلُ الْأَعْلَى فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ**

“*Dan bagiNyalah jua perumpamaan yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana*”.

(al-Rum: 27)

Maksudnya bahawa bandingan dan perumpamaan boleh dilakukan dan diterima ketika melihat dan memerhatikan kepada urusan-urusanNya yang bijaksana.

Hadis ini mempunyai maksud mulia yang banyak, antaranya ialah bahawa manusia adalah makhluk dalam bentuk yang memperlihatkan jelmaan nama Allah ﷺ ‘*al-Rahman*’ dengan penampilan yang sempurna.

Ya, kami telah jelaskan di dalam rahsia-rahsia yang lalu bahawa nama ‘*al-Rahman*’ menjelma melalui sinaran-sinaran fenomena seribu satu nama daripada *al-Asma’ al-Husna* di atas permukaan alam. Nama ‘*al-Rahman*’ juga telah dibentangkan melalui penjelmaan yang tidak terbatas bagi *Rububiyyah* mutlak di atas permukaan bumi ini. Maka demikian juga Allah ﷺ telah memperlihatkan penjelmaan sempurna nama bagi ‘*al-Rahman*’ di dalam bentuk yang sempurna bagi manusia. Dia memperlihatkannya dalam saiz yang kecil sebagaimana Dia memperlihatkannya pada permukaan bumi dan pada permukaan alam ini dengan saiz yang lebih besar dan lebih luas.

Di dalam hadis tersebut juga terdapat isyarat yang menunjukkan bahawa pada manusia dan segala hidupan lain

terdapat fenomena yang menunjukkan kepada ‘*al-Rahman*’ dan ‘*al-Rahim*’ sama seperti sebuah cermin yang membalikkan jelmaan-jelmaan Allah ﷺ. Maka seseorang manusia sebenarnya menunjukkan kepada Allah ﷺ dengan amat jelas dan terang, bahkan penjelasan dan kepastiannya sama seperti sebuah cermin bercahaya yang menunjuk dan memantulkan cahaya matahari kepada matahari itu sendiri. Sebagaimana cermin itu boleh dikatakan sebagai matahari itu sendiri, sebagai isyarat yang menunjukkan betapa terang dan jelasnya cermin itu menunjukkan kepada kewujudan matahari tersebut. Maka demikian juga boleh dikatakan – sebagaimana dinyatakan di dalam hadis – bahawa pada manusia terdapat gambaran ‘*al-Rahman*’, sebagai isyarat yang menunjukkan bahawa manusia adalah tanda jelas yang menunjukkan kepada ‘*al-Rahman*’, dan bagaimana manusia itu amat sesuai dengan nama tersebut dan betapa rapat hubungan manusia denganNya. Oleh itu, golongan berfahaman *wihdat al-wujud* yang sederhana berkata: “*Tiada yang wujud melainkan Allah*”, berdasarkan kepada rahsia yang jelas menunjukkan kepada perkara ini dan sebagai tanda yang menunjukkan kesempurnaan kesesuaian di antara manusia dan nama ‘*al-Rahman*’.

اللَّهُمَّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمٌ بِحَقِّ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ إِرْحَمْنَا  
كَمَا يَلِيقُ بِرَحِيمِكَ وَفَهْمَنَا أَسْرَارَ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
كَمَا يَلِيقُ بِرَحْمَانِيَّتِكَ أَمِينَ

*Ya Allah! Wahai Rahman! Wahai Rahim! Dengan  
'Bismillahir Rahmanir Rahim', rahmatilah kami  
sebagai selayaknya dengan sifat al-Rahim Engkau!  
Berikanlah kefahaman kepada kami tentang rahsia-  
rahsia 'Bismillahir Rahmanir Rahim' sebagaimana*

*selayaknya dengan sifat rahman Engkau. Amin!*

## Rahsia Keenam

*Wahai manusia yang sentiasa berbolak balik di dalam lautan kelelahan yang tidak bersempadan dan di dalam kefakiran yang tidak berkesudahan!*

Jika anda mahu memahami bagaimana rahmat merupakan *wasilah* paling besar dan pemberi syafaat paling diharapkan, maka anda hendaklah mengetahui:

Bahawa rahmat adalah *wasilah* (jalan) paling kuat untuk sampai kepada sultan agung yang mempunyai kebesaran, yang dipatuhi oleh semua bintang dan atom bersama-sama, sebagai tentera yang penuh taat dan patuh dalam keadaan penuh tersusun. Sultan yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan, Tuhan sekalian alam yang tidak memerlukan kepada seluruh makhlukNya, Tuhan Yang Maha Besar lagi tidak memerlukan dan tidak berhajat kepada semua yang wujud. Bahkan setiap benda tawaduk kepada kebesaranNya, menyerah kepada kekuasaanNya, menjadi hina kepada kemuliaanNya dan tunduk kepada kehebatan kemuliaanNya. Maka wahai manusia! Rahmat itulah yang meninggikan anda kepada Tuhan yang mempunyaikekayaan mutlak. Ia juga menjadikan anda sebagai kekasih kepada sultan yang kekal abadi lagi maha agung. Bahkan ia melayakkan anda untuk menerima sapaan dan ucapanNya yang mulia, dan menjadikan anda sebagai seorang hamba yang mulia dan dikasihi di sisiNya.

Tetapi, sebagaimana anda tidak akan sampai kepada matahari kerana kedudukan anda yang jauh daripadanya, bahkan anda tidak boleh mendekatinya pun sama sekali,

namun cahayanya menyampaikan anda kepada jelmaannya dan gambarannya melalui perantaraan cermin.

وَلِلّٰهِ الْمَثُلُ الْأَعْلَىٰ

*'bagi Allah sahajalah bandingan yang tertinggi'*

Maka meskipun kita berada jauh daripada Allah ﷺ secara mutlak, namun (cahaya) rahmatNya dekat dengan kita.

*Maka wahai manusia!*

*Sesungguhnya sesiapa yang berjaya memperoleh rahmat ini, maka sesungguhnya dia memperoleh suatu khazanah agung yang tidak akan binasa, suatu khazanah yang dipenuhi dengan cahaya..*

*Ketahuilah bahawa jalan untuk sampai kepada khazanah tersebut ialah: contoh paling bersinar baginya, orang yang paling baik mewakilinya, lidah paling fasih menuturkannya dan penyeru paling mulia kepadanya ialah sebagaimana dinyatakan oleh al-Quran al-Karim; (رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ) iaitu Rasul kita yang kita kasihī ﷺ Maka jalan paling baik untuk sampai kepada khazanah abadi tersebut ialah dengan mengikuti sunnahnya yang maha suci.*

*Ketahuilah bahawa jalannya ialah dengan berselawat kepadanya.*

*Ya! Dengan berselawat kepadanya. Berselawat kepadanya adalah berdoa untuk mendapat rahmat bagi rahmat yang terjelma dan hidup pada diri baginda ﷺ Berselawat juga menjadi jalan untuk sampai kepada orang yang menjadi rahmat kepada sekalian alam.*

*Maka wahai manusia!*

*Jadikanlah selawat kepada baginda ﷺ sebagai jalan*

untuk sampai kepada baginda ﷺ. Kemudian berpegang teguhlah dengan baginda ﷺ agar baginda ﷺ memimpin anda kepada rahmat. Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya keseluruhan ummat ini dengan doa dan selawatnya kepada Rasulullah ﷺ membuktikan dengan jelas tentang betapa bernilai, penting, luas dan agungnya rahmat serta hadiah Ilahi tersebut.

## Kesimpulan

*Sesungguhnya penjaga khazanah rahmat Ilahi dan penyeru paling mulia kepadanya ialah Rasulullah ﷺ Manakala kunci paling mulia bagi khazanah tersebut ialah ‘Bismillahir Rahmanir Rahim’. Manakala benda paling mudah membukanya ialah selawat kepada Rasulullah ﷺ.*

اللَّهُمَّ بِحَقِّ أَسْرَارِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ  
مَنْ أَرْسَلْتَهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ كَمَا يَلِيقُ كَمَا يَلِيقُ بِرَحْمَتِكَ وَ  
بِحُرْمَتِهِ وَعَلَىٰ إِلَهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَأَرْحَمْنَا رَحْمَةً تُعْنِيَنَا بِهَا  
عِنْ رَحْمَةِ مَنْ سُوَاكَ مِنْ خَلْقِكَ. أَمِينَ

*Ya Allah! Dengan rahsia-rahsia ‘Bismillahir Rahmanir Rahim’, berselawatlah kepada orang yang Engkau utuskan sebagai rahmat buat sekalian alam, sebagaimana selayaknya dengan rahmat dan kehormatanMu. Juga berselawatlah kepada ahli keluarga dan sahabat baginda sekalian.*

*Rahmatilah kami dengan kerahmatan yang menjadikan kami tidak memerlukan kerahmatan mana-mana makhlukMu seorang pun. Amin.*

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلِمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

“Maha Suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain daripada apa yang Engkau ajarkan kepada kami; sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

